05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

CYNTHIA LAYAH AK GERAMAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

CYNTHIA LAYAH AK GERAMAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan tesis ini telah berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian dan penyelidikan ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu berikut ; Prof. Dr Azhar bin Wahid merupakan penyelia tesis saya. Rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar terutamanya kepada rakan seperjuangan Darrien ak Layau, Jac, Erniezan dan Brannely tidak lupa juga kepada emak saya Philomena ak Moses dan ayah saya Geraman ak Entemang dan juga suami saya Fernandez ak Selan yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya sehingga saya selesai dalam pengajian saya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji prinsip pembelajaran Teori Mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah. Kajian ini juga menilai perkaitan prinsip pembelajaran Teori Mentalis yang dipelopori oleh Noam Chomsky dalam teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah. Teori Mentalis mengutamakan kemahiran membaca dan juga menulis dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian secara kuantitatif dan data dianalisis menggunakan Cohen's Kappa untuk mengukur tahap kesahan dalam penyelidikan. Pemilihan subjek kajian melibatkan 100 orang pelajar tingkatan 6 dan 179 orang pelajar tingkatan 4 aliran sastera. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah skala likert bagi darjah persetujuan yang berbeza yang terdapat dalam soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap pemikiran kritis pelajar, manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian Korelasi Pearson yang menerangkan perbezaan serta hubungan antara pemboleh ubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis dapat memberi kesan dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu dan membantu pelajar untuk memahami Kesusasteraan Melayu. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan keberkesanan prinsip pembelajaran kepada pelajar dari segi bahasa telah meningkatkan pemikiran kristis pelajar. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan prinsip pembelajaran Teori Mentalis dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PRINCIPLES OF LEARNING MENTALIST IN HIGH SCHOOL MALAY LITERATURE TESTX

ABSTRACT

This study aimed to investigate the principles of learning theory in the text Mentalis Malay middle school. The study also evaluates the relevance of the principles of learning theory Mentalis pioneered by Noam Chomsky in the text of Malay Literature secondary school. Mentalist Theory emphasizes reading and writing skills among students. The study used quantitative study design and data were analyzed using Cohen's Kappa to measure the validity of the research. The subject selection of the study involved 64 students of form 6 and 179 students of form 4 literature class. The instruments used in this study were the likelihood scales for the different degrees of agreement found in the questionnaire. Data were analyzed using descriptive and inference analysis. Descriptive analysis explains the level of critical thinking of students, while inference statistics involve Pearson Correlation tests that explain differences and relationships between study variables. The results showed that the Principles of Learning Theory mentalist can affect the learning of Malay Literature and help students to understand the Malay Literature. The findings from the study show that the effectiveness of language learning principles for students has increased the students' critical thinking. The study showed that the use of the principles of learning theory mentalist can improve the effectiveness of teaching and learning of Malay Literature.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	6
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Soalan Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Batasan Kajian	14
1.7 Definisi Istilah	16
1.7.1 Keberkesanan	16

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Teori Mentalis 17

1.7.3 Pembelajaran 19

1.7.4 Kesusasteraan Melayu 20

1.8 Kesimpulan 22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 23

2.2 Sorotan Literatur Peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran 24

2.3 Sorotan Literatur Buku-buku Ilmiah 32

2.3.1 Kajian Literatur Dalam Kajian Negeri 32

2.3.2 Kajian Literatur Dalam Luar Negara 37

2.4 Kesimpulan 41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 43

3.2 Skop Kajian 43

3.3 Kaedah Kajian 44

3.3.1 Kaedah Kualitatif 44

3.3.2 Kaedah Kepustakaan 45

3.3.3 Kaedah Pengumpulan Maklumat 47

3.3.4 Kaedah Penganalisisan Maklumat 47

3.4 Instrumen Kajian 51

3.5 Kesahan Soal Selidik 57

3.6 Kerangka Teori 60

3.6.1 Teori Mentalis 60

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Prosuder Pengumpulan Data 77

3.8 Kesimpulan 80

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan 83

4.2 Analisis Deskriptif 83

4.2.1 Demografi Responden 83

4.2.2. Analisis Item Aktiviti Mental 84

4.2.3 Analisis Item Menegaskan Makna 102

4.2.4 Analisis Item Mencerna Idea 112

4.2.5 Analisis Item Struktur 125

4.2.6 Analisis Item Sintaksis dan Morfologi 134

4.2 7 Analisis Item Kesalahan Ambil Kira 141

4.3 Analisis Inferensi 155

4.3.1 Analisis Ujian Korelasi Pearson 155

4.3.1.1 Hubungan di antara Aktiviti Mental dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu 155

4.3.1.2 Hubungan di antara Menegaskan Makna dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu 156

4.3.1.3 Hubungan di antara Item Mencerna Idea dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu 157

4.3.1.4 Hubungan di antara Item Struktur dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu 158

4.3.1.5 Hubungan di antara Item Sintaksis atau Morfologi dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu 159

4.3.1.6 Hubungan di antara Item Kesalahan Ambil Kira dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu 160

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Ujian Regresi 161

4.4.1 Analisis Ujian Regresi Pelbagai 161

4.5 Kesimpulan 169

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 170

5.2 Perbincangan 171

5.3 Implikasi Kajian 173

5.3.1 Pelajar Sekolah 173

5.3.2 Guru-guru 175

5.4 Sumbangan 177

5.4.1 Pelajar 177

5.4.2 Guru 178

5.5 Pencapaian Objektif Kajian 180

5.5.1 Mengenalpasti Prinsip Pembelajaran dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu. 180

5.5.2 Menganalisis Prinsip Pembelajaran Mentalis dalam Teks Kesusasteraan Melayu 181

5.6 Pencapaian Matlamat Kajian 185

5.7 Cadangan Kajian Selanjutnya 186

5.8 Kesimpulan 189

RUJUKAN 190

LAMPIRAN 194

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka surat
3.1	Soal Selidik Prinsip-prinsip Penyelidikan Teori Mentalis	50
4.1	Taburan Demografi Responden	84
4.2	Analisis Item Aktiviti Mental	85
4.3	Analisis Item Menegaskan Makna	103
4.4	Analisis Item Mencerna Idea	113
4.5	Analisis Item Struktur	126
4.6	Analisis Item Sintaksis atau Morfologi	135
4.7	Analisis Item Kesalahan Ambil Kira	142
4.8	Hubungan antara Aktiviti Mental dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	156
4.9	Hubungan antara Item Menegaskan Makna dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	157
4.10	Hubungan antara Item Mencerna Idea dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	158
4.11	Hubungan antara Item Struktur dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	159
4.12	Hubungan antara Item Sintaksis atau Morfologi dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	160

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.13	Hubungan antara Item Kesalahan Ambil Kira dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	161
4.14	Model Regresi	162
4.15	Analisis Regresi pelbagai Item Bahagian B terhadap Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	163
4.16	Analisis Anova Item Bahagian B terhadap Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu	164
4.17	Skala Persetujuan Cohen Kappa	165
4.18	Nilai Persetujuan antara Pakar Penilai	165

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
3.1	Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis	65
3.2	Aktiviti Mental	67
3.3	Menegaskan Makna	69
3.4	Kebolehan Mental	70
3.5	Struktur	72
3.6	Sintaksis atau Morfologi	73
3.7	Kesalahan Ambil Kira	75
4.1	Aktiviti Main Peranan	88
4.2	Aktiviti Pengajaran (Kotak-Ilmu)	91
4.3	Berpusatkan guru	92
4.4	Sumbang saran	95
4.5	Multimedia	97
4.6	Main Peranan dan Bacaan Nyaring	100
4.7	Gaya bahasa	110
4.8	Mengeluarkan idea	116
4.9	Aktiviti Tulis-Cepat-Cepat	121
4.10	Aktiviti Kongsi Bergilir	124
4.11	Aktiviti Lihat-Fikir-Komen	147
4.12	Aktiviti Saya-Kongsi-Sepakat	151

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.13 Skema-Laku-Ucap Teori Chomsky 154

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
P& P	Pengajaran dan Pembelajaran
LAD	*Language Acquisition Devise*
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
LCD	*Liquid Crystal Display*
BM	Bahasa Melayu
SPSS	*Statistical Package for Sosial Studies*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Halaman Judul
B	Perakuan Keaslian
C	Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
D	Penghargaan
E	Abstrak
F	*Abstract*
G	Kandungan
H	Senarai Jadual
I	Senarai Rajah
J	Senarai Singkatan
K	Borang Soal Selidik (Pelajar)
L	Borang Soal Selidik (Penilai Pakar)
M	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pengenalan

Bidang pengajaran Kesusasteraan Melayu merupakan suatu bidang tugas amali yang kompleks dan multi-disiplin sifatnya. Pelbagai pendekatan digunakan untuk pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dalam bilik darjah bagi menarik minat para pelajar agar mereka dapat menghayati dan mempunyai minat yang mendalam dalam Kesusasteraan Melayu. Penghayatan kesusasteraan penting kerana karya sastera boleh dijadikan alat untuk membangunkan diri manusia seperti pembangunan daya intelek, perasaan peka terhadap masyarakat dan rasa keagamaan. Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Justeru itu, kerelevanan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk diteruskan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah sangat penting kerana Kesusasteraan Melayu ini dapat mendidik generasi muda tentang ilmu - ilmu berkenaan dengan nilai, tatasusila, peradaban, pemikiran, dan keperibadian bangsa. Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan di Malaysia ditakrifkan sebagai karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu yang berunsurkan keindahan dan kehalusan, sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping memaparkan nilai kemanusiaan dan citra masyarakat (Kementerian Pelajaran Malaysia , 2003). Kesusasteraan adalah berasaskan nilai seni dan nilai kemanusiaan yang tinggi. Dengan itu, biarpun kemajuan negara seiring dengan peredaran zaman, generasi muda zaman sekarang masih lagi tersemat dengan etika dan nilai-nilai ketimuran yang menjadi pegangan masyarakat yang terdahulu.

Sejajar dengan kemajuan pada masa ini, pelbagai teori atau kaedah digunakan untuk dikaitkan dengan Kesusasteraan Melayu terutamanya untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana penggunaan teori dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu masih kurang di Malaysia. Mengaplikasikan teori dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan sahaja mengkehendaki pelajar memahami Kesusasteraan Melayu malah pelajar diharapkan dapat menjiwai nilai-nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemanusiaan dan kemasyarakatan yang terdapat dalam sesebuah sastera yang dibaca oleh pelajar. Pendidikan Kesusasteraan Melayu di negara kita dapat menjadi *role-model* yang ideal dalam merombak dan membentuk pelajar supaya mempunyai suatu bentuk kehidupan dinamik, progresif dan berketerampilan tinggi.

Bidang Prinsip-prinsip Pembelajaran ini memberi pendedahan kepada para pengkaji supaya memahami penggunaan teori dalam bidang yang dikaji. Terlebih dahulu, pengkaji akan menerangkan serba sedikit berkaitan dengan teori dari segi definisi teori. Menurut Mieke Bal (1985) dalam buku Teori dan Kritikan Sastera Barat dan Malaysia, telah menyebut

> *' a theory is a systematic set of generalized statements abaout a particular segment of reality.'*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga definisi teori yang dikemukakan oleh para sarjana dan pengkaji Melayu di Malaysia. Antara pengkaji Melayu tersebut ialah Ramli Isin (1997) dalam buku Teori dan Kritikan Sastera Barat dan Malaysia telah menjelaskan bahawa teori adalah gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria dan saranan yang memperjelaskan sesuatu objek. Teori yang akan diaplikasikan oleh pengkaji dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ialah Teori Mentalis.

Buku teks Kesusasteraan Melayu Tingakatan 4 dan Tingkatan 6 yang mempunyai pelbagai genre yang boleh pelajar pelajari. Unsur- unsur intelek dalam kesusasteraan bukan sahaja menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai bahan hiburan semata-mata ,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetapi lebih penting sebagai bahan untuk pembaca terutamanya pelajar mendapatkan pendidikan dan juga pengajaran berdasarkan cerita yang terdapat dalam teks Kesusasteraan Melayu. Idea-idea yang ditimbulkan terutamanya aspek-aspek yang berhubung dengan soal-soal moral, kemasyarakatan, ekonomi dan politik, dapat dijadikan bahan renungan dan teladan kepada para pembaca.

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan mata pelajaran pilihan bagi pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Penambahbaikan bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini sangat bersesuaian jika dikaitkan dengan keseimbangan dari segi ketinggian ilmu kemahiran bahasa dan juga ketinggian nilai-nilai keperibadian yang dipelajari daripada karya-karya sastera. Kini, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan sahaja menarik pelajar untuk mempelajari sastera, malah meningkatkan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan subjek elektif sekolah menengah perlu wajib di ajar di sekolah supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang minat membaca, mengaspreasisikan dan menghasilkan karya-karya kreatif. Malah, penggunaan Prinsip-prinsip Pembelajaran yang diaplikasikan dengan teks Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang perlu dikaji supaya hasilnya dapat meningkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Biarpun begitu, kajian ini masih lagi tidak diuji keberkesanannya secara statistik dalam memberi kefahaman dan penghayatan terhadap sesebuah karya kepada para pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap keberkesanan penggunaan Prinsip-prinsip Pembelajaran berdasarkan teks novel Kesusasteraan Melayu Tingkatan 6 dan Tingkatan 4 dalam memberi kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap karya sastera. Dalam pengujian ini, pengkaji melibatkan penggunaan beberapa orang pelajar dari kelas-kelas Kesusasteraan Melayu di sekolah bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Secara tidak langsung, hal ini juga berupaya membuktikan bahawa subjek Kesusasteraan Melayu juga relevan menggunakan corak pembelajaran berasaskan Prinsip-prinsip Pembelajaran sebagaimana kaedah pembelajaran ini diterapkan dalam mata pelajaran yang lain. Pengaplikasian teori mentalis berdasarkan novel teks Kesusasteraan Melayu dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu berupaya melahirkan generasi perintis negara yang mempunyai ilmu sastera yang tinggi, malah juga mempunyai etika dan akhlak yang seimbang. Keseimbangan dari segi keperluan intelek, emosi, rohani dan jasmani dalam masyarakat membantu dalam menjana kemajuan pembangunan dan kestabilan negara.

Tambahan lagi, penggunaan buku teks sebagai bahan kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia merupakan satu amalan sejak sekian lama walaupun negara Malaysia sudah mencapai tahap kemajuan yang amat membanggakan. Hal ini demikian kerana buku teks telah menjadi bahan pegangan guru dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran selaras dengan keperluan kurikulum yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran bagi sesuatu mata pelajaran. Guru menggunakan buku teks sebagai panduan agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan secara tersusun dan terancang malah menepati aspirasi yang ingin disampaikan oleh kurikulum tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Kesusasteraan Melayu tidak seharusnya bermotifkan matlamat untuk mempertingkatkan pengetahuan terhadap unsur-unsur sastera melalui penelitian karya semata-mata. Hal ini demikian kerana, sudah tiba masanya pendidikan Kesusasteraan Melayu bersifat 'kalkulatif', yang dilihat berupaya memberi penekanan yang seimbang bukan sahaja dari aspek penghayatan dan penikmatan, bahkan keupayaan kognitif dan efektif.

1.1 Latar Belakang

Teori, kaedah serta pendekatan adalah merupakan elemen-elemen yang penting dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Teori, kaedah dan pendekatan tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain dengan menjamin penyampaian yang berkesan dalam proses pengajaran Kesusasteraan Melayu oleh guru dalam bilik darjah. Selain daripada kemahiran dalam menguasai teori-teori pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, tidak sempurna pengetahuan seseorang guru tanpa mengetahui dan menguasai kaedah serta pendekatan yang sesuai yang terbit daripada teori-teori berkenaan dalam menyampaikan sesuatu pengajaran yang dirancangkan. Kini, ramai pengkaji-pengkaji telah mengkaji teori yang sesuai dan kemudian diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di bilik darjah kepada pelajar untuk melihat keberkesanan teori yang dipilih oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, memandangkan pembelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan suatu fenomena penting yang berkait rapat dengan perkembangan dan pertumbuhan akal individu, kemampuan dari segi kefahaman maka dalam kalangan pelajar Kesusasteraan Melayu atau guru-guru seharusnya menguasai bahan-bahan serta memahami teori-teori dan pendekatan dengan baik sebelum mengajar. Kriteria-kriteria berkaitan dengan teori bukanlah suatu yang mutlak dan khusus, namun berasaskan inti teori maka dapat dirumuskan kriteria untuk menentukan sesuatu teori tersebut ialah proses pembentukan, gagasan idea atau saranan, deskripsi, pengujian dan pemurniannya.

Dalam persepktif pengajaran, para pendidik mempunyai pelbagai pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan juga teori tertentu. Aspek-aspek ini sentiasa berubah-ubah bergantung kepada unsur dan bahan kajian yang hendak dikaji oleh pengkaji. Namun, aspek ini tidak seharusnya menjadi kongkongan dan menjadi bebanan kepada para pendidik untuk menerapkan ilmu yang hendak diketengahkan kepada para pelajar. Sebaliknya, para pendidik harus bersikap terbuka dan menganggap bahawa pendekatan, kaedah, teknik,startegi dan teori ini merupakan saluran eksperimentasi dalam menguji daya kreativiti proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermakna bahawa keberkesanan penggunaan setiap satu daripadanya bergantung kepada pengetahuan, pengalaman dan penghayatan selari dengan bahan dan isi kandungan yang diajar.

Teori Mentalis merupakan antara teori yang berada dalam kumpulan teori Pemerolehan Bahasa. Pengkaji akan menerangkan serba sedikit berkaitan dengan latar belakang teori Pemerolehan Bahasa dan Teori Mentalis, dalam buku Pengkaedahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengajar Bahasa (1995). Latar belakang bagi teori Pemerolehan Bahasa, menurut Simanjuntak (1978:1) telah menganggap bahasa adalah satu struktur yang unik daripada bunyi-bunyi dan ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenangnya untuk dipakai oleh sesuatu masyarakat untuk berhubung. Bagi Vygotsky (1962) telah menerangkan bahawa bahasa bukanlah satu benda, tetapi satu proses, iaitu satu gerak yang berlaku terus-menerus daripada fikiran kepada kata dan daripada kata-kata kepada fikiran.

Selain itu, bagi latar belakang Teori Mentalis pula merupakan teori psikologi koda kognitif berbeza dengan teori pembelajaran behaviurisme. Dalam buku Pengkaedahan Mengajar Bahasa (1995) , George A. Miller yang merupakan seorang sarjana bagi teori mentalis telah cuba untuk menggambarkan proses-proses mental yang dapat dilakukan oleh seseorang pendengar apabila menghadapi sesuatu pertuturan. Proses-proses tersebut ialah mendengar, memadamkan, menerima, mentafsirkan, memahami dan mempercayai.

Kesusasteraan Melayu yang merupakan satu cabang ilmiah yang berupaya untuk membantu dalam menjana pembentukan modal insan dalam diri masyarakat, khususnya generasi perintis yang bakal menentukan baik buruk masa depan sesebuah bangsa dan negara. Bahkan sastera itu adalah sebahagian dari landasan utama identiti kebudayaan masyarakat yang juga menjadi satu wadah dalam memberi ilmu kepada masyarakat berkenaan nilai-nilai murni dan pengajaran agar mengenali jati diri, masyarakat, bangsa dan juga agama. Penglibatan penggunaan teori dalam melalui pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu perlu relevan untuk mencapai pemahaman dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghayatan para pelajar sebagaimana kesan penggunaannya dalam pembelajaran terhadap subjek-subjek yang lain.

Kesimpulannya, pengaplikasian teori dalam sistem pendidikan negara amat penting supaya guru dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dan memperbaiki cara pengajaran di bilik darjah. Penggunaan Teori Mentalis sebagai kajian menguji daya kreativiti proses pengajaran dan pembelajaran guru kepada pelajar, sebelum menggunakan Teori Mentalis ini seseorang guru perlu mengetahui latar belakang Teori Mentalis supaya pelajar dan guru lebih bersedia.

1.2 Penyataan Masalah

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sering dipandang ringan oleh mana-mana pihak berbanding mata pelajaran yang lain. Subjek ini tidak dianggap berdaya saing dan tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi. Biarpun mata pelajaran Kesusasteraan Melayu hanyalah merupakan subjek elektif, para guru dan pentadbir tidak seharusnya memandang remeh pada subjek elektif seperti ini kerana bukan sahaja ia berupaya menyumbang kepada peningkatan peratusan kelulusan akademik para pelajar, malah juga turut memupuk nilai jati diri yang baik dalam diri pelajar sekiranya subjek ini disampaikan dan diterima dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesilapan pengajaran kesusasteraan hari ini berpunca daripada sistem pengajaran yang terlalu menekankan kepentingan peperiksaan semaa-mata dan tidak menggalakkan minat dan menguasai bidang penulisan dan kesusasteraan sejak di bangku sekolah lagi (Talib Samat, 2004). Menurut Jaafar Abdul Rahim (dalam Talib Samat, 2004) pengajaran sastera diajarkan pada peringkat asas, pelajar berupaya menetapkan haluan dan tujuan yang tersendiri. Selain mewujudkan minat dan bakat menulis sejak kecil, ini dapat meningkatkan minat pelajar untuk mereka berpuisi dan bersastera secara terarah sejak kecil lagi dan berkembang sejajar dengan usia dan minda mereka.

Selain itu, jadual guru yang padat dengan aktiviti sekolah juga menjadi punca kepada kurangnya kreativiti guru dalam menghasilkan kaedah P&P yang lebih efektif. Hal ini disokong oleh Nur Aisyah (2011) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa guru terbeban dengan tugas lain di luar bilik darjah seperti mengendalikan program yang melibatkan murid. Tambahan lagi, penjadualan aktiviti guru yang tidak sistematik menyebabkan guru terkejar-kejar untuk menghabiskan silibus. Kekangan ini mematikan kreativiti guru untuk menggunakan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dalam proses P&P.

Keadaan di Malaysia pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 telah memperlihatkan senario yang amat berbeza dengan kerjaya guru sastera. Bidang sastera telah menghadapi cabaran yang hebat akibat daripada ledakan arus pembangunan negara yang berteraskan sains dan teknologi. Permintaan dan keperluan yang tinggi terhadap saintis, intelektual multimedia dan tenaga siber telah menjadikan bidang sastera semakin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terpinggir dan dilupakan. Disiplin ilmu sastera yang menitikberatkan kajian tentang pemikiran budaya, moral dan keperibadian bangsa seolah-olah tidak mempunyai nilai dalam saham pembangunan negara. Penghargaan masyarakat terhadap guru sastera juga semakin luntur dan lesu di negara kita. Fenomena tersebut telah menyebabkan timbul anggapan dalam kalangan masyarakat bahawa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini semakin tiada masa hadapan dan hanya untuk golongan tertentu sahaja.

Pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia. Lazimnya pemerolehan bahasa pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak. Kajian-kajian yang telah dijalankan untuk melihat sama ada manusia memang sudah dilengkapi dengan alat biologi untuk kebolehan berbahasa atau pun tidak. Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan sesuatu bahasa tanpa disedari atau dipelajari secara langsung iaitu tanpa melalui pendidikan secara formal untuk mempelajarinya oleh segelintir pelajar. Pemerolehan bahasa ini kurang dipratikkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah walaupun masih terdapat pelajar yang mengalami masalah dari segi bahasa mereka terutamanya dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan :

1. Mengenalpasti prinsip pembelajaran dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Menganalisis keberkesanan prinsip pembelajaran mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu.
3. Mengkaji perkaitan prinsip teori mentalis dengan teks Kesusasteraan Melayu.

1.4 Soalan Kajian

1. Sejauh manakah pengaplikasian teori mentalis dalam Kesusasteraan Melayu.
2. Sejauh manakah keberkesanan pengaplikasian prinsip pembelajaran mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu.
3. Sejauh manakah perkaitan prinsip teori mentalis ini dengan teks Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi beberapa kepentingan terhadap pelbagai pihak untuk mencapai objektif tertentu. Antaranya ialah :

1. Hasil kajian ini boleh menjadi asas kepada pengajaran sastera untuk kegunaan guru-guru di semua sekolah menengah sebagai bahan bantu mengajar. Penggunaan teori dalam teks novel Kesusasteraan Melayu yang telah dikaji dijadikan sebagai pencetus idea kepada para guru Kesusasteraan Melayu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan perisian yang menarik untuk tontonan pelajar. Perihal ini membolehkan pelajar lebih menghayati dan memahami sesuatu karya sastera yang terkandung dalam buku teks seterusnya lebih memudahkan para guru untuk memberi penerangan kepada pelajar secara lebih lanjut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

2. Hasil kajian ini memberi idea kepada guru untuk merangka kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik, kreatif dan efektif untuk menarik minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran subjek Kesusasteraan Melayu. Dengan mengkaji teori mentalis dalam teks novel, para guru berupaya mengatur kaedah pengajaran dan pembelajaran dan yang bersesuaian bertepatan dengan masa P&P yang telah ditetapkan terutamanya dari segi pemerolehan bahasa. Hal ini kerana masa yang diuruskan dengan baik sangat diperlukan untuk guru menarik perhatian pelajar, memberi penerangan dan membuat penilaian terhadap pemahaman yang diperoleh daripada pelajar sewaktu sesi P&P. Justeru itu, pengurusan masa yang baik memberi peluang kepada para pendidik untuk merangka kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan semasa P&P dengan berbantukan perisian yang dihasilkan dengan menarik dan kreatif.

3. Hasil kajian ini juga berupaya menjadi pencetus idea kepada pengkaji teori dalam menjadikan karya sastera sebagai mata pelajaran yang menarik. Sepertimana yang kita ketahui, hasil karya-karya sastera ini telah banyak dikaji dengan menggunakan pelbagai teori malah kajian yang berkaitan dengan teori ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlandaskan Teori Mentalis iaitu lebih kepada bahasa jarang sekali dikaji oleh pengkaji. Justeru, tidak mustahil jika hasil kajian ini dijadikan sebagai pencetus idea kepada para pengkaji teori untuk menghasilkan karya-karya sastera seterusnya didedahkan kepada generasi muda. Dengan itu, karya sastera tetap akan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat tidak mengira usia.

4. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para penyelidik yang ingin membuat kajian berkaitan. Kajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu sangat sedikit bilangannya berbanding mata pelajaran yang lain. Justeru, hasil kajian ini diharap dapat menjadi salah satu bahan rujukan yang dapat digunakan bagi menggalakkan para penyelidik untuk menghasilkan lebih banyak kajian berkenaan mata pelajaran kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan tentang prinsip pembelajaran Teori Mentalis yang akan dikaji dengan menggunakan teks Kesusasteraan Melayu antara pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6. Prinsip pembelajaran ini dipilih kerana masih belum lagi pengkaji yang mengkaji prinsip pembelajaran untuk Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana prinsip pembelajaran ini lebih banyak digunakan untuk mengkaji dalam bidang Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan Teori Mentalis yang merupakan cabang kepada teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemerolehan Bahasa. Oleh sebab itu, kajian ini dihadkan dengan menggunakan Teori Mentalis.

Pemilihan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 merupakan cara permulaan untuk mengkaji pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 dengan menggunakan Prinsip-prinsip Pembelajaran dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Pembatasan ini juga dilakukan kepada pelajar Tingkatan 4 kerana pelajar Tingkatan 4 merupakan pelajar yang baru sahaja mempelajari dan mengenali Kesusasteraan Melayu manakala pelajar Tingkatan 6 pula untuk mengkaji kefahaman pelajar berkaitan dengan Kesusasteraan Melayu. Novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur merupakan karya Keris Mas (1982) dan novel Naratif Ogonshoto merupakan karya Anwar Ridhwan (2016) dipilih kerana kedua-dua novel tersebut merupakan novel wajib di baca oleh pelajar dan pelajar perlu memahami cerita kedua-dua novel tersebut.

Pemilihan Prinsip-prinsip Pembelajaran ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kajian ini kepada pelajar dengan menggunakan aktiviti mental, kebolehan mental, sintaksis atau morfologi, menegaskan makna, struktur dan kesalahan ambil kira dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Definisi Istilah

Definisi konsep yang dikemukakan dalam bab ini akan menjelaskan secara satu persatu berkenaan dengan istilah tajuk penyelidikan iaitu " Prinsip Pembelajaran Mentalis Dalam Teks Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah".

1.7.1 Keberkesanan

Keberkesanan dalam buku " *The Concise Oxford Dictionary of Current English"* (1964) yang menyatakan bahawa keberkesanan bermaksud penghasilan kesan, akibat atau kesimpulan yang dihajati dari perspektif penyelidik dan pentadbir keberkesanan merujuk kepada kegunaan sepenuhnya sumber untuk meningkatkan jumlah dan mutu hasil yang dikeluarkan. Definisi keberkesanan ini adalah berdasarkan tahap pengukuran yang telah ditetapkan yang telah di petik daripada Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat yang bertajuk Keberkesanan Pengimplimentasian Sistem Pengkomputeran diperpustakaan dan Pusat Maklumat di Malaysia.

Selain itu, menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga, 2002), yang telah menerangkan maksud keberkesanan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya).

1.7.2 Teori Mentalis

Teori ini dipelopori oleh Noam Chomsky yang merupakan ahli psikolinguistik dari Amerika Syarikat. Chomsky telah memberi pendapat dengan mengatakan bahawa kanak-kanak dilahirkan dengan alat pemerolehan bahasa yang digelar sebagai LAD (Language Acquisition Devise). Menurut Chomsky, secara semula jadi, sewaktu dalam lingkungan umur tiga tahun, kanak-kanak sudah boleh bercakap dengan menggunakan tatabahasa transformasi-generatif. Tatabahasa transformasi-generatif (iaitu kebolehan kanak-kanak membentuk dan memanupulasi ayat-ayat) telah dipelajari oleh mereka secara formal. Kebolehan itu " dipelajari" kanak-kanak melalui komunikasi lisan dengan orang dewasa (Abdul Aziz Abd Talib, 2000)

Selain itu, berdasarkan pendekatan golongan Mentalis didasarkan kepada *" The innateness hypothesis"* yang telah menghuraikan bahawa otak manusia yang telah dipersiapkan secara semula jadi untuk berbahasa. Noam Chomsky yang merupakan tokoh penting dan juga pelopor untuk aliran mentalis ini telah mempercayai bahawa di dalam otak manusia terdapat unsur yang dikatakan sebagai struktur bahasa sejagat atau LAD (*Language Acquisition Device*). Perkara yang terdapa dalam LAD ialah *" the innate*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

scheme" atau skema nurani. Melalui proses pemerolehan atau penguasaan bahasa ini boleh dikembangkan dan diperkukuhkan oleh Chomsky (1986).

Selain itu, berdasarkan teori mentalis kebolehan pelajar berbahasa tidak sama antara satu sama lain. Piaget telah berpendapat bahawa perbezaan ini dapat dilihat pada peringkat awal lagi, iaitu pada tahap pemikiran praoperasi. Perbezaan ini disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu baka atau keturunan yang mungkin mempengaruhi bakat berbahasa atau *language aptitude*, alam sosial dan alam persekitaran fizikal pelajar tersebut. Hal ini bermaksud kebolehan bahasa dalam kalangan pelajar dapat diperhatikan sepanjang tempoh persekolahan pelajar. Tugas guru ialah mengajar para pelajarnya supaya pelajar dapat mencapai tahap kemahiran bahasa yang maksimum mengikut potensi pelajar itu sendiri. (Abdul Aziz Abd Talib, 2000)

Dalam Buku Pedagogi Bahasa Amalan Bilik Darjah (2011) menerangkan bahawa teori ini amat menegaskan 'makna' dan juga proses-proses yang tersembunyi yang terlibat dengan penghasilan bahasa. Mengikut Teori Mentalis, semua bidang penghuraian bahasa mestilah berdasarkan lojik kerana sesuatu yang tidak difahami itu adalah tidak bermakna dan juga tidak dapat diterima. Dari segi pembelajaran bahasa, teori ini menekankan kepada pengetahuan seseorang.

Terdapat beberapa ciri penting yang terdapat dalam Teori Mentalis iaitu (Kamarudin Hj Husin : 1990) :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Manusia sejak lahir sudah mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa. Perkara ini adalah secara semula jadi.
b) Terdapat dua bahagian penting di dalam proses penguasaan bahasa. Pertama disebut kemampuan atau kecekapan dan yang kedua disebut prestasi.
c) Bahasa mempunyai pertalian yang erat dengan pemikiran. Penguasaan bahasa ada kaitannya dengan keupayaan mental.
d) Bahasa mempunyai ciri-ciri kesejagatan.
e) Bahasa mempunyai ciri-ciri kreativiti.
f) Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, aspek pemikiran, pengetahuan dan makda amat ditekankan dan bukan latihan-latihan yang membentuk kebiasaan.
g) Bahasa dihuraikan melalui transformasi-generatif.
h) Kesalahan pelajar bukanlah merupakan kegagalan mereka tetapi ia adalah satu percubaan hipotesis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Pembelajaran

Mengikut Gagne (1974) dalam buku Prinsip dan Amalan Pengajaran (2003) yang dikatakan pembelajaran adalah perubahan pemikiran, kebolehan dan perangai seseorang yang bukan disebabkan oleh proses tumbesar atau pembesaran. Perubahan ini biasanya merupakan pertambahan kebolehan bagi sesuatu perbuatan atau pekerjaan yang berkaitan dengan minat, sikap dan nilai seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, yang dipetik dari sarinapratikum.blogspot yang telah menerangkan bahawa pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

Selain itu, menurut E.R. Hilgard, R.C. Atkinson dan R.L. Atkinson dalam buku bertajuk *Introduction to Psychology* (1975) yang dipetik dari Konsep Pembelajaran oleh Ahmad Johari Sihes. Pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku yang kekal hasil dari pengalaman. Perubahan ini mungkin tidak jelas sehingga timbul suatu situasi yang menonjolkan tingkah laku baru ini; pembelajaran biasanya tidak diperlihatkan dengan serta-merta melalui pencapaian.

05

1.7.4 Kesusasteraan Melayu

Terdapat beberapa tokoh sarjana yang telah memberi pandangan dan pendapat mereka berkaitan dengan definisi Kesusasteraan Melayu. Berdasarkan Abdul Halim Ali dalam buku Mendekati Puisi Melayu Tradisional (2006) telah menyatakan bahawa kesusasteraan meliputi segala hasil penciptaan yang menggunakan alat pertuturan atau bahasa dan tulisan sebagai alat penyampainya. Kesusasteraan atau sastera digunakan seiring dengan maksud yang sama, iaitu hasil-hasil penulisan walaupun asalnya kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dasar sastera dalam bahasa Sanskrit merujuk kepada tulisan-tulisan yang mengandungi pengajaran, arahan atau petunjuk cara bagaimana sesuatu patut dilakukan.

Tambahan lagi, menurut Hashim Awang (1997) memberi maksud kesusasteraan merupakan ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Ia mungkin ditutur atau ditulis. Manakala Ann Jefferson juga telah mendefinisikan kesusasteraan dengan makna ‘ pengarang menghantar teks kesusasteraan tentang *reality* kepada pembaca melalui bahasa’.

Selain itu, menurut Syed Ali Ashraf (1989) yang dipetik dari laman blog mazlizasuleiman yang telah mengatakan bahawa sastera bukan sahaja satu bentuk ilmu yang tetapi merangkumi semua aktiviti manusia secara kreatif. Karya-karya sastera memaparkan perutusan, amanat serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Hasil karya yang dicipta memaparkan gagasan dan daya fikir pengarangnya yang ingin dikongsi bersama dengan pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan Teori Mentalis berdasarkan teks novel Kesusasteraan Melayu sekolah menengah dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah bagi tujuan mendedahkan kepada khalayak tentang kepentingan kaedah pengajaran yang sejajar dengan kemajuan teknologi kini untuk memberi lebih kefahaman serta menarik minat pelajar untuk mendalami subjek Kesusasteraan Melayu terutamanya dari segi bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptb

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa dapatan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perkara yang disentuh adalah berkenaan dengan Teori Mentalis dan kajian-kajian lepas berkaitan dengan teori mentalis. Tinjauan dilaksanakan daripada kajian atau dapatan pengkaji terdahulu sama ada dari dalam atau luar negara yang akan diambil kira sebagai panduan dalam menjalankan penyelidikan ini. Justeru itu, bab ini akan menjelaskan mengenai Teori Mentalis dan novel daripada pelbagai sumber yang berkaitan. Malah, kajian literatur ini juga akan memberi panduan serta indikator tentang aspek-aspek yang akan dikaji. Kajian ini akan dikemukakan dengan beberapa dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian daripada pelbagai sumber. Setelah itu, perbincangan bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan

2.2 Sorotan Literatur Peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran

Hasil kajian daripada **Muhammad Raus Bin Baharuddin buku yang bertajuk Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Lelaki Melayu berasaskan Teori Mentalis pada tahun 2008.** Dalam kajian ini menggunakan teori mentalis dengan mengkaji bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa. Dengan menggunakan pendekatan teori Firth yang telah menyatakan bahawa struktur sesuatu bahasa itu mempunyai lima tingkatan. Tingkatan-tingkatan itu ialah tingkat fonetik, tingkat leksikon, tingkat morfologi, tingkat sintaksis dan tingkat semantik (Firth, 1996)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seseorang kanak-kanak akan belajar bercakap bermula daripada tingkat paling bawah, mungkin daripada satu kata berkembang hingga kepada dua kata atau lebih hingga satu perkataan. Dari sinilah bahasa itu akan dikembangkan kepada bentuk yang lebih kompleks. Proses pemerolehan bahasa akan berkembang mengikut urutan jadual semula jadi yang sama erat hubungannya dengan proses kematangan kanak-kanak itu. Mengikut Lawton (1973 : 14) tentang hal ini ialah :

> *A baby clearly comes into the world with an unfinished mind, and as the grows nature, he slowly involve into a mature adult capable of performing fantastic computer- like operations.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, Muhammad Raus memfokuskan perbincangan terhadap perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak dari bulan ke bulan dalam masa hampir dua tahun, aspek penggunaan ditumpukan kepada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak Melayu dari segi penguasaannya secara umum terhadap fonologi, morfologi, sintaksis dan juga kesesuaian jenis-jenis kata yang diujarkan oleh kanak-kanak pada usia sebegini. Tujuan tesis ini dijalankan ialah untuk memperhati dan melaporkan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berumur lebih daripada dua tahun. Secara khusus tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap perkembangan fonologi dan morfologi yang diperoleh oleh kanak-kanak dalam tempoh hampir dua tahun kajian ini dibuat. Kajian ini juga dibuat untuk mengenal pasti dan melihat kanak-kanak berkomunikasi, binaan ayat yang digunakan dan juga mengenal pasti dan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan sintaksis kanak-kanak tersebut.

Tujuan kajian ini juga untuk mencari jawapan bagi soalan bagaimana perkembangan bunyi bahasa yang dikuasai oleh kanak-kanak pada usia dua tahun hingga mencapai usia empat tahun. Bagaimana perkembangan morfologi yang dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat itu. Bagaimanakah kanak-kanak menguasai bahasa untuk berkomunikasi? Pengkaji telah memilih Muhammad Faris yang berusia dua tahun lebih yang merupakan anak kepada pengkaji berkenaan untuk melihat perkembangan bahasa kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian tesis ini telah menyatakan pemerolehan bahasa kanak-kanak meliputi tiga komponen diatas iaitu pemerolehan sintaksis, pemerolehan fonologi dan pemerolehan semantik malah perlu ditegaskan bahasa ketiga-tiga komponen bahasa itu tidak diperoleh atau dikuasai secara berasingan. Ketiga-tiga komponen bahasa itu berlaku secara serentak dan beransur-ansur dari satu peringkat ke satu peringkat. Kebanyakan ahli psikolingustik berpendapat bahawa terdapat enam peringkat perkembangan yang akan dilalui oleh seseorang kanak-kanak dalam proses pemerolehan bahasa ini. Mengantar Simanjuntak (1987) membahagikan peringkat tersebut kepada yang berikut iaitu peringkat membebel, peringkat holofrasa, peringkat ucapan dua kata, peringkat permulaan tatabahasa, peringkat menjelang tatabahasa dewasa dan peringkat kecekapan penuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa ayat pertama yang diucapkan oleh kanak-kanak pada usia dua tahun. Antaranya ialah:

‘mami bayang’ - emak sembahyang

‘ beg mami’- beg emak

‘ampu mbang’ - lampu kapal terbang

Mengikut pelopor teori mentalis, mereka mengatakan bahawa apabila kanak-kanak berumur lebih kurang dua tahun, kanak-kanak sudah berada pada peringkat pemerolehan telegrafik, iaitu ucapan dua atau tiga kata. Pada peringkat ini pengkaji mendapati kanak-kanak yang berada pada tahap ini sudah dapat menggabungkan dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

holofrasa yang mendukung erti yang hendak disampaikan oleh kanak-kanak. Hasil daripada kajian yang dilakukan didapati perubahan-perubahan bunyi yang berlaku terhadap sampel adalah berdasarkan kepada semakin meningkatnya usia, maka perubahan bahasa akan berlaku kepada kanak-kanak dan dapatan ini menyokong teori mentalis yang menyatakan bahawa kecekapan pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak bergantung pada peringkat umurnya.

Pemerolehan Bahasa Pertama dari Aspek Sintaksis di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah. Ahmad Salehuddin bin Saman (2004).

Mengkaji aspek sintaksis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, penguasaan sintaksis kanak-kanak dianggap oleh penyokong-penyokong behaviourisme sebagai hasil langsung daripada pengaruh persekitaran. Dengan kata lain, penguasaan ini ditafsir akibat terhasil daripada interaksi di antara kanak-kanak dengan penjaga mereka. Pada peringkat awal penguasaan sintaksis, pertuturan yang diucapkan oleh penjaga kepada kanak-kanak dikatakan bersifat telegraf. Selepas peringkat ini dilalui oleh kanak-kanak, baharulah penjaga memasukkan kata-kata tugas atau morfem-morfem terikat dalam pertuturan mereka.

Bagi golongan mentalis, kebolehan menuturkan ayat dikatakan tidak dikuasai secara mekanis ataupun terhasil daripada aktiviti ransangan gerak balas. Sistem sintaksis bahasa pertama dikatakan sudah wujud dalam minda manusia sejak ia lahir ke dunia. Rumus-rmumus yang mengawal pembentukan ayat dikatakan teah wujud di dalam alat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerolehan bahasa dan alat ini sudah ada di dalam minda manusia sejak ia lahir ke dunia. Di samping itu, golongan mentalis juga memperlihatkan bukti bahawa kanak-kanak membetulkan kesalahan mereka bukan kerana ditegur oleh orang dewasa tetapi kerana mereka dapat menentukan rumus-rumus yang benar untuk membolehkan mereka menghasilkan bentuk-bentuk pertuturan yang gramatis.

Dalam tesis ini pengkaji telah memilih secara rawak seramai 20 orang murid contohnya dari Tadika Sabak Bernam untuk dijadikan subjek kajian. Dalam penganalisian data pengkaji telah menggunakan beberapa jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah kepada murid tadika. Dalam kajian ini juga faktor latar belakang keluarga juga diberi tumpuan utama iaitu dari segi taraf pendidikan, jenis pekerjaaan dan jumlah pendapatan bulanan sesebuah keluarga. Bagi tujuan kajian ini ialah kebolehan responden menghasilkan pelbagai jenis ayat (Bahasa Melayu) BM, binaan ayat yang dihasilkan oleh responden dan faktor-faktor yang mempengaruhi responden dalam menghasilkan ayat-ayat ini.

Pemerolehan bahasa dalam penghasilan jenis-jenis ayat BM berdasarkan aktiviti-aktiviti didapati jenis-jenis ayat bahasa Melayu berbeza antara satu aktiviti daripada aktiviti yang lain. Kanak-kanak prasekolah berkebolehan menghasilkan pelbagai jenis ayat apabila aktiviti yang ditempuhi itu menarik dan mencabar perasaan ingin tahu mereka. Penghasilan jenis-jenis ayat dalam aktiviti melukis ialah ayat penyata, ayat perintah, ayat seruan dan ayat tanya. Selain aktiviti melukis, penghasilan jenis-jenis ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam aktiviti minggu suai kenal juga menggunakan ayat penyata, ayat perintah, ayat seruan dan ayat tanya. Hal ini demikian kerana, aktiviti ini merupakan aktiviti yang paling banyak mencetuskan pengalaman baru kepada kanak-kanak prasekolah ini.

Pengkaji turut menyatakan penghasilan jenis-jenis ayat dalam aktiviti perbualan menggunakan kit misteri, dalam aktiviti perbualan menggunakan kit misteri terdapat kecenderungan paling tinggi dalam kalangan responden menghasilkan jenis-jenis ayat Bahasa Melayu ini. Kecenderungan responden menghasilkan ayat penyata dan diikuti dengan ayat tanya menunjukkan tahap pemerolehan bahasa yang selari dengan peringkat usia dan perkembangan diri kanak-kanak yang berusia 5 tahun ke atas sudah melakukan penerbitan ayat. Hal ini demikian kerana, dalam masa yang sama kanak-kanak pada peringkat ini amat suka bertanya tentang sesuatu di sekitar pengalaman bahasa mereka. Dalam kajian pengkaji, daripada ketiga-tiga aktiviti yang dijalankan kepada murid-murid ayat penyata merupakan jenis ayat yang paling kerap dihasilkan. Kekerapan ayat penyata dihasilkan ialah sejumlah 55.6 %, 42.6 % adalah dalam aktiviti perbualan menggunakan kit misteri, 9.6 % dalam aktiviti minggu suai kenal dan 3.4% dalam aktiviti melukis.

Binaan ayat kanak-kanak prasekolah didapati kanak-kanak prasekolah berkebolehan menghasilkan ayat dasar mengikut pola-polanya dan juga ayat majmuk. Terdapat beberapa contoh ayat dasar kanak-kanak Tadika Sabak Bernam iaitu :

1. Saya batman
2. Susi masuk melukis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Saya hendak jadi batman.

4. Aiman pegang bendera

5. Saya makan nasi

Selain daripada ayat dasar, kanak-kanak prasekolah juga berkebolehan membentuk ayat-ayat majmuk. Terdapat beberapa contoh ayat majmuk kanak-kanak Tadika Sabak Bernam iaitu

6. Dulu Effa cuti lama, Effa balik kampung

7. Mula-mula Effa nak pergi Ipih, lepas itu Effa balik kampung.

Pengkaji juga telah menyenaraikan beberapa faktor yang mempengaruhi pemerolehan sintaksis iaitu faktor latar belakang keluarga, taraf pendidikan keluarga, pekerjaan ketua keluarga, pendapatan keluarga, faktor persekitaran, pendedahan dan ransangan. Penyelidik berpendapat bahawa selain daripada faktor budaya, psikologi dan faktor sikap ibu bapa merupakan faktor yang turut mempengaruhi pemerolehan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak perempuan di tadika ini.

Pengaruh Persekitaran Terhadap Penguasaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah yang merupakan disertasi Ijazah Kedoktoran bagi Nurfarah Lo Abdullah (2008)

Kajian yang dilakukan oleh Nurfarah Lo Abdullah ialah kanak-kanak prasekolah dalam lingkungan usia lima hingga enam tahun sahaja, kanak-kanak yang menggunakan Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu sebagai bahasa pertuturan utama di rumah dan juga ayat atau ujaran yang sempurna dan juga lengkap sahaja akan dianalisis untuk melihat strukturnya.

Dalam kajian ini, pengkaji menyenaraikan beberapa kategori pemerolehan bahasa iaitu pendekatan Behavioris, pendekatan Kognitif, pendekatan nurani dan pendekatan interaksi. Pendekatan Behavioris merupakan antara pengkaji awal yang mengaitkan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak dengan tinkah laku . Bloomfield (1933, 1964) dan Skinner (1957). Manakala bagi pendekatan Nurani ialah pengkaji- pengkaji bahasa yang mengamalkan pendekatan nurani atau nativis telah mengandaikan dua keadaan dalam proses pemerolehan bahasa. Pertama, andaian tentang kewujudan struktur dalaman bahasa dan yang kedua ialah andaian mengaitkan kebolehan kanak-kanak untuk memperoleh struktur tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian itu, pengkaji telah menggunakan kad-kad gambar yang berlainan sebagai bahan ransangan untuk membolehkan kanak-kanak bertutur atau mengeluarkan ujaran. Empat set gambar telah disediakan oleh pengkaji yang akan digunakan data kajian rintis ini. Set gambar 1 terdiri daripada lapan keping gambar bersiri tentang seorang kanak-kanak lelaki dan kucingnya. Gambar bersiri ini mengkehendaki responden untuk menyusun idea dan kata-kata mengikut urutan cerita seperti yang terdapat gambar tersebut. Pengkaji juga telah menjalankan beberapa aktiviti dengan menggunakan kad-kad gambar berkenaan. Antara aktiviti ialah bercerita secara bebas dan spontan berdasarkan kad-kad gambar dan juga aktiviti melukis dan mewarna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga membincangkan perkembangan bahasa kanak-kanak antara lain yang menyentuh peringkat-peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak serta faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan berkenaan. Kajian ini juga mengkaji penguasaan struktur ayat Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Perkembangan yang paling dominan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah daripada latar belakang dan tahap status sosioekonomi, hubungan antara tahap pelajaran ibu dengan kanak-kanak prasekolah dan hubungan antara tahap bapa dengan kanak-kanak prasekolah. Pengaruh faktor persekitaran fizikal dan faktor peluang berinteraksi atau berkomunikasi terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak.

2.3 Sorotan Literatur Buku-buku Ilmiah

2.3.1 Kajian Literatur Dalam Negeri

Kajian-kajian yang berasaskan teori pemerolehan bahasa iaitu teori mentalis tidak banyak dijalankan oleh pengkaji. Kajian yang dibuat terhadap teori pemerolehan bahasa lebih kepada teori behavioris, teori kognitif dan juga teori interaksionalis manakala penulisan untuk teori mentalis melalui surat khabar, majalah, kajian dan juga pembentangan agak terhad dilakukan. Oleh sebab itu, kajian lepas ini akan membicarakan serba sedikit berkaitan dengan pandangan tokoh-tokoh barat dan juga akan diselitkan juga kajian pengkaji tempatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian literature dalam negara ini, terdapat beberapa sarjana yang telah mengkaji teori pemerolehan bahasa yang merupakan cabang utama untuk teori mentalis. Bagi Awang Mohammad Amin (1979) dalam buku Pedagogi Bahasa (1998) telah menyatakan bahawa mutu bahasa yang akan dilahirkan oleh pelajar bergantung kepada bahasa yang mula-mula didedahkan kepada mereka. Sekiranya bahasa yang dipelajari itu baik maka bahasa pelajar itu akan menjadi baik juga dan sekiranya sebaliknya, kesan kepada pelajar itu amat buruk.

Selain itu, dalam buku Zamri Mahamod (2007) ,para sarjana juga beranggapan bahawa teori pemerolehan bahasa ini menganggap pelajar yang terdedah kepada sesuatu bahasa itu mempunyai keupayaan semula jadi untuk merumus dan membentuk hukum nahu bahasa. Jika hukum nahu bahasa tersebut tidak didedahkan maka penguasaan bahasa tidak akan berlaku kerana LAD tidak mendapat sebarang bahan untuk diproseskan (Abdullah Hassan , 1983)

Tambahan lagi, menurut Puteri Roslina Abdul Wahib (2004) yang berpendapat bahawa perkembangan bahasa lebih banyak berlaku sebelum tiga tahun bagi seseorang kanak-kanak, oleh itu titik ini dijadikan sebagai titik beza untuk mengenal pasti kanak-kanak yang telah memperoleh dua bahasa sejak lahir dengan kanak-kanak yang didedahkan kepada satu bahasa sahaja atau bahasa pertama. Pelajar yang paling peka serta senang menyesuaikan diri ialah anak kecil. Sebaliknya dalam kes orang dewasa yang tidak berpengalaman, sistem tersebut mudah disesuaikan pada titik masa berubah secara sendiri ke alam dewasa. Beliau juga menerangkan bahawa seseorang individu itu tidak pernah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berhenti daripada proses pembelajaran bahasanya. Begitu juga dengan seorang kanak-kanak yang akan terus mempelajari sesuatu yang baharu menggunakan bahasa yang terus berkembang dan berubah seiring dengan ilmu pengetahuannya.

Teori ini adalah berkaitan dengan kognitif yang menekankan fungsi mental atau proses berfikir seseorang manusia. Kognitif dari aspek psikologinya diertikan sebagai kaedah untuk memahami fikiran dan fungsi mental sebagai sesuatu yang bersifat dalaman (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009:392). Teori ini melihat bahasa sebagai satu aktiviti mental yang merupakan satu kebolehan istimewa manusia secara semula jadi. Bahasa dianggap sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh sesuatu proses dalam otak dan saraf. Tambahan lagi, teori ini juga mempertimbangkan peranan mental dalam membentuk kepercayaan, perlakuan, ingatan, motivasi dan emosi (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009:392) yang telah dipetik dari blog konsep teori pemerolehan bahasa.

Amir Awang (1986:10) telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan teori pemerolehan bahasa iaitu teori mentalis dengan menyatakan bahawa mental kanak-kanak dikatakan mempunyai keupayaan untuk menganalisis, membuat hipotesis serta merumuskan peraturan-peraturan bahasa yang didedahkan kepada mereka. Seterusnya penganut teori ini mengutamakan proses-proses dalaman yang berlaku di dalam fikiran manusia. Mereka menekankan perkara-perkara seperti penyelesaian masalah, celik akal dan mereka berminat sekali terhadap pengetahuan, makna, niat, perasaan, kreativiti, jangkaan dan pemikiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamarudin Hj Husin (2004) dalam buku Mohd Rashid Md Idris (2012) telah menerangkan bahawa teori mentalis ini mempunyai hubungan dengan teori Falsafah Bahasa kerana prinsip pertama menerangkan bahawa bahasa merupakan satu proses pemikiran yang dilahirkan melalui pertuturan yang memerlukan penggunaan nahu atau tatabahasa yang betul untuk mencapai objektif dan maklumat supaya lebih tepat dan jelas. Pelajar perlu berfikir, menganalisis dan menilai data-data atau maklumat-maklumat yang diperoleh daripada dunia luar sebelum mereka mampu beraksi terhadapnya. Prinsip ini menitikberatkan kebolehan intelektual, membina persepsi, ingatan, sensasi dan proses-proses lain yang terlibat dengan aktiviti mental.

Teori ini merumuskan bahawa proses penguasaan bahasa bergantung kepada kematangan. Menurut Chomsky, kematangan saraf, kematangan pemikiran dan kematangan bertindak merupakan aspek yang penting dalam proses mempelajari sesuatu bahasa. Bagi ahli-ahli pemikiran mentalis ada yang beranggapan bahawa bahasa itu merupakan satu proses mental dan bukan mekanikal. Dalam pada itu, teori ini juga mengetengahkan pembentukan ingatan yang berkaitan dengan pemikiran bagi menentukan bagaimana sesuatu maklumat itu diterima, diproses, disimpan, diperolehi semula dan dilupakan (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009:392) yang dipetik dari blog konsep teori pemerolehan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Awang Sariyan (2012: 97) telah mengemukakan pandangan berkaitan dengan teori Mentalis bahawa teori Mentalis ini mengutamakan penyampaian makna daripada struktur bahasa. Prinsip ini menekankan kebolehan untuk menggunakan struktur-struktur bahasa yang tepat dari segi tatabahasa dan makna untuk berkomunikasi dalam kalangan masyarakat bahasa itu. Prinsip ini juga telah menekankan dan mengetengahkan proses pengamatan dan pembinaan konsep yang bererti hanya dapat dilakukan melalui keseluruhan yang bermakna. Berdasarkan prinsip ini juga, keseluruhan prinsip ini adalah amat penting untuk mendapatkan makna atau fungsi yang tepat. Prinsip ini juga memenuhi hakikat bahawa proses penguasaan bahasa ialah satu proses mental yang memerlukan rumus sebagai panduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Mentalis yang beranggapan bahawa bahasa sebagai satu proses pemikiran iaitu merupakan satu aktiviti mental dan merupakan kebolehan khas manusia yang semula jadi. Teori Mentalis juga menerangkan bahawa bahasa merupakan sebagai pengetahuan yang telah dihasilkan oleh suatu proses dalam otak dan juga saraf dan boleh berlaku setelah proses tersebut menerima bahan buka dalam bentuk perangsang daripada alat deria. Ahli teori Mentalis yang terkenal iaitu Piaget (Juriah Long, 1990:33) berpendapat bahawa manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi dengan otak manusia juga berkebolehan untuk mempelajari berbagai-bagai hal. Proses ini akan melibatkan seseorang pelajar untuk menyerapkan ataupun menyesuaikan pengetahuan yang telah sedia ada dalam otak mereka dengan data-data yang diperolehi daripada persekitarannya. Golongan ini menekankan bahawa terdapat hubungan yang erat di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara bahasa dengan pemikiran. Penguasaan bahasa memerlukan proses mental. Apabila seseorang itu mahu menggunakan bahasa, seseorang itu haruslah menggunakan fikirannya untuk membentuk ayat-ayat yang gramatis dan bermakna. Teori ini juga amat menegaskan makna dan proses-proses yang tersembunyi yang terlibat dalam produksi bahasa. Semua bidang penghuraian bahasa mestilah berdasarkan kepada logik kerana sesuatu yang tidak difahami adalah tidak bermakna dan tidak akan diterima (Kamarudin, 1986: 33)

2.3.2 Kajian Literatur Dalam Luar Negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam ulasan kajian dalam luar negara pengkaji menggunakan dua ulasan yang telah didapati di laman sesawang dan juga sebuah buku. Kajian yang dijalankan dalam luar negara menandakan masih terdapat tokoh lain yang mengkaji mengenai teori mentalis iaitu pemerolehan bahasa.

Pemerolehan Bahasa merupakan cabang utama bagi Teori Mentalis, pemerolehan bahasa ini telah membawa makna penguasaan bahasa oleh seseorang secara tidak langsung dan telah berlaku secara aktif kepada kanak-kanak. Akan tetapi, pemerolehan bahasa ini juga berlaku kepada orang dewasa tetapi jumlahnya tidak sebanyak kanak-kanak (Krashen dan Terrel, 1983: 18-19) dalam buku Puteri Roslina Abdul Wahid (2004). Pemerolehan bahasa boleh berlaku tanpa disedari atau dipelajari secara langsung, bermakna seseorang itu tidak perlu mendapatkan pendidikan secara formal untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempelajari sesuatu bahasa tetapi memperolehnya daripada bahasa yang diucapkan oleh ahli-ahli masyarakat dalam lingkungannya.

Menurut John (1990) dalam buku Bahasa Antara (2004) telah menyatakan bahawa istilah pemerolehan selalunya dikaitkan dengan kemahiran yang tinggi dalam penguasaan dan pemahaman pelajar tentang bahasa. Oleh hal yang demikian, seseorang pelajar dikatakan memperoleh peraturan tatabahasa walaupun sukar bagi seseorang untuk melihat bagaimana peraturan itu dimantapkan sebagai hasil pengalaman pembelajaran yang pelbagai. Menurut John :

> *"...the term 'acquisition' is often used in the context of innate, non-specific forms realized in respect of specific linguistic categories of rules".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, melalui buku Pengkaedahan Mengajar Bahasa (1995), Simanjuntak (1987 :1) telah menganggap bahasa ialah satu struktur yang unik daripada bunyi-bunyi dan ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenangnya untuk dipakai oleh sesuatu masyarakat untuk berhubung. Simanjuntak telah menyatakan bahawa bahasa terdiri daripada sejumlah kalimat yang tidak terbatas dan setiap kalimat mempunyai panjangnya yang terbatas serta terbentuk daripada unsur-unsur yang terbatas pula jumlahnya.

Pengasas Teori Mentalis atau dikenali juga dengan nama Teori Kognitif ini ialah Noam Chomsky pada tahun 1960-an, Miller, Katz dan Lakoff. Teori ini mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkaitan yang sangat erat dengan Teori Falsafah Bahasa kerana menekankan bahasa sebagai satu aktiviti mental seseorang manusia yang merupakan satu kebolehan khas manusia secara semulajadi. Menurut J.Piaget yang berpendapat bahawa perkembangan kognitif bukan hanya hasil kematangan organisme atau pengaruh alam sekitar, tetapi merupakan interaksi antara kedua-duanya. Penyesuaian terhadap objek-objek di persekitarannya yang merupakan proses interaksi yang dinamis inilah yang disebut kognitif (Nik Hassan Basri, 2009) dalam buku Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid) 2012. Tambahan lagi, Teori Mentalis ini amat bertentangan dengan Teori Mekanis, Teori Mekanis beranggapan bahawa pembelajaran dan pengukuhan bahasa boleh berjaya jika adanya rangsangan dan gerak balas, namun teori Mentalis telah menyangkalnya kerana Teori Mentalis beranggapan bahawa manusia sebagai "makhluk yang berfikir" dan berbeza dengan haiwan. Teori ini beranggapan bahawa bahasa sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh sesuatu proses dalam otak dan saraf dan perkara ini boleh berlaku setelah menerima bahan buku dalam bentuk perangsang daripada telinga, mata dan lain-lain alat pancaindera.

Tambahan lagi, menurut Diller (1971) dalam buku Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid) 2012 yang menerangkan Teori Mentalis ini telah membuat empat andaian, iaitu bahasa yang hidup itu bersifat satu tingkah laku yang ditetapkan dengan peraturan-peraturan, bahasa digunakan untuk berfikir, peraturan-peraturan tatabahasa itu nyata dari segi psikologi dan manusia adalah unik dengan keupayaannya berbahasa. Seterusnya, manusia akan belajar menggunakan kemahiran berfikir atau proses kognitif untuk berbahasa mengikut nahunya agar dapat menyampaikan maklumat dengan berkesan, betul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mencapai objektif yang diingini. Teori Mentalis ini juga sangat menitikberatkan makna dan proses-proses tersembunyi yang terlibat dengan penghasilan bahasa. Mengikut teori ini, sesuatu itu tidak akan bermakna sekiranya tidak dapat difahami dari segi pembelajaran bahasa, teori ini menekankan kepada pengetahuan seseorang itu.

Selain itu, teori mentalis menganggap bahawa pelajar memperoleh bahasa secara semula jadi kerana kebolehan bahasa tersebut sudah terancang dalam diri kanak-kanak dari segi biologis. Pelajar yang terdedah dengan bahasa akan dengan sendirinya berkeupayaan untuk berbahasa. Dalam buku Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama (2007) iaitu George A. Miller dalam Mengantar Simanjuntak (1987) merupakan pendukung Teori Mentalis yang telah menggambarkan proses-proses mental yang dapat dilakukan oleh seseorang pendengar apabila berhadapan dengan sesuatu pertuturan. Proses-proses tersebut adalah mendengar, memadankan, menerima, mentafsirkan, memahami dan mempercayai.

Di samping itu, teori Mentalis menganggap bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa secara semula jadi kerana kebolehan ini sudah terancang dalam diri kanak-kanak tersebut dari segi biologis. Kanak-kanak yang telah terdedah kepada bahasa dengan sendirinya berkeupayaan untuk berbahasa. George Miller dalam Mangantar Simanjuntak (1987) yang merupakan pendukung Teori Mentalis yang telah cuba untuk menggambarkan proses-proses mental yang dapat dilakukan oleh seseorang pendengar apabila telah menghadapi sesuatu pertuturan. Proses-proses ini merupakan mendengar, memadankan, menerima, mentafsirkan, memahami dan juga mempercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian terhadap pengkaji lalu, terdapat banyak kajian literatur luar negara dan dalam negara yang mengkaji teori pemerolehan bahasa ini iaitu teori mentalis. Bagi pengkaji luar negara, pengkaji luar negara lebih banyak mengkaji berkaitan dengan cara pemerolehan bahasa itu diperolehi oleh kanak-kanak dan bermula dengan umur berapa kanak-kanak memperolehi pemerolehan bahasa mereka. Pengkaji teori mentalis dalam negara pula tumpuan yang dikaji oleh pengkaji dalam negara telah membuat kajian berkaitan dengan pembelajaran dapat dianggap sebagai proses penyelesaian masalah. Hal ini demikian kerana kajian berkaitan dengan teori mentalis iaitu prinsip pembelajaran ini lebih tertumpu dalam bidang bahasa. Prinsip pembelajaran ini belum ada kajian yang dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Oleh sebab itu, kajian dalam teori mentalis seharusnya dikaji dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu supaya dapat menarik minat pengkaji lain untuk mengkaji bidang sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian yang akan dijalankan merujuk kepada beberapa aspek penting yang perlu dan akan dilaksanakan dalam setiap kajian. Bab ini juga akan memberi gambaran secara terperinci berkaitan pelbagai aspek yang berkaitan dengan kajian, iaitu meliputi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan keperluan data, serta analisis Teori Mentalis.

Metodologi adalah merujuk kepada sesuatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Pemilihan metodologi yang baik akan memastikan kajian akan lebih bermutu dan baik dari aspek penghujahan dan penyampaian isi serta objektif kajian. Metodologi kajian merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

suatu kaedah atau aturan yang biasa digunakan dalam sesuatu kajian dalam proses penghuraian isi-isi penting dalam penghasilan sesebuah data kajian. Malah, metodologi juga membolehkan pengkaji menganalisis dapatan-dapatan kajian dengan lebih terperinci, teratur dan terancang. Penggunaan teori dan juga pendekatan amatlah penting untuk diselaraskan dengan objektif kajian supaya hasilan atau dapatan kajian dapat disusun dan dianalisis dengan teratur dan tersusun.

3.2 Skop Kajian

Kajian yang akan dijalankan berbentuk kepustakaan dan tinjauan terhadap pelbagai bahan daripada pelbagai sumber rujukan. Kajian ini akan dilakukan untuk menganalisis prinsip pembelajaran Teori Mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah seperti yang dikemukan dalam objektif kajian.

Proses yang akan dilakukan dengan menggunakan data sekunder dikutip menerusi kaedah kepustakaan, iaitu melalui pembacaan dua buah novel Kesusasteraan Melayu iaitu Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur yang merupakan novel untuk tingkatan 6 rendah dan Naratif Ogonshoto untuk tingkatan 5, buku ilmiah, jurnal, kertas kerja, prosiding seminar dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Kajian kepustakaan dilakukan bertujuan untuk memperoleh maklumat yang mencukupi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah yang menggunakan Teori Mentalis sama ada dari dalam negara atau dari luar negara.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kajian kepustakaan. Pengkaji telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan universiti dan pusat sumber untuk meneliti tesis, buku-buku ilmiah, jurnal dan sebagainya yang sesuai dengan kajian yang telah dijalankan. Pengkaji juga mengunjungi perpustakaan negeri untuk mencari bahan-bahan rujukan yang sesuai untuk kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah bacaan terperinci untuk mencari dan mengmpul bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian. Data-data yang diperolehi dicatat untuk memudahkan pengkaji untuk merujuk kembali maklumat tersebut semasa menyiapkan kajian ini.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Peranan kaedah kualitatif yang menerangkan dan menyelidik kejadian atau peristiwa secara holistik kerana dengan menggunakan kaedah ini dapat mendedahkan sesuatu kejadian dengan menyeluruh supaya boleh mendapat semua maklumat secara menyeluruh. Kaedah kualitatif juga berperanan untuk melengkapkan teori atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan hipotesis, kerana ianya adalah suatu keterangan sementara dari satu fakta yang dapat diamati.

Selain itu, kaedah kualitatif boleh mengambil banyak bentuk dan keputusan dari penggunaan pengumpulan data insturmen seperti pemerhatian, temu bual, soal selidik dan analisis dokumen. Miles dan Huberman (1994) telah menunjukkan beberapa ciri-ciri berkaitan dengan kaedah kualitatif iaitu:

- Ia dijalankan berhubung kuat dalam satu ‘bidang’ atau persekitaran kehidupan sebenar.
- Peranan penyelidik adalah untuk mendapat satu ‘holistik’ atau gambaran keseluruhan bersepadu kajian, termasuk persepsi-persepsi bagi para peserta.
- Tema yang muncul daripada data itu adalah sering meninjau semula dengan pemberi maklumat untuk pengesahan.
- Tumpuan utama penyelidikan itu adalah untuk memahami cara-cara itu di mana kepura-puraan manusia dan menjelaskan tindakan-tindakan ini.
- Data kualitatif adalah terbuka untuk tafsiran-tafsiran berganda.

3.3.2 Kaedah Kepustakaan

Kajian perpustakaan ialah sebuah penulisan yang bertujuan untuk mengulas isi ilmu termasuklah penemuan kajian dan juga secara teori dan kaedah sumbangan mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu topik. Kajian perpustakaan ialah sumber sekunder, dengan itu tidak melaporkan apa-apa kajian baru mahupun asli.

Ia selalunya dikaitkan dengan kajian akademik seperti tesis. Kajian perpustakaan selalunya didahului dengan kertas kerja dan bahagian keputusan. Matlamat utamanya ialah membawa pembaca kepada kajian perpustakaan terbaru pada sesuatu topik dan membentuk asas untuk matlamat lain seperti kajian seterusnya yang mungkin diperlukan dalam bidang tersebut.

Kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan dalam kajian ini ialah sumber daripada kaedah kepustakaan dan internet, iaitu pembacaan jurnal, blog, artikel, buku ilmiah dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Secara amnya, pengumpulan maklumat kajian ini dilakukan sendiri dengan berpandukan kepada bahan-bahan kepustakaan yang diperoleh bersama dua buah buku teks Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan tingkatan 6 dengan menggunakan Teori Mentalis. Buku-buku yang diperolehi di perpustakaan SMK Lundu, perpustakaan Tengku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga perpustakaan Universiti Malaya. Kaedah kepustakaan ini dijalankan untuk mengumpul maklumat yang diperlukan untuk penyelidikan yang dijalankan malah untuk mencari bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah ini sangat penting bagi pengkaji mendapatkan maklumat awal mengenai tajuk kajian daripada aspek ruang lingkup kajian, sampel, dan lokasi kajian. Pengkaji dapat meninjau kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu untuk dijadikan asas dan dasar kajian pengkaji. Dengan itu pengkaji akan lebih memahami keperluan tajuk kajian, permasalahan dan kekangan yang mungkin timbul serta cara-cara untuk mengatasinya.

3.3.3 Kaedah Pengumpulan Maklumat

Kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan dalam kajian ini adalah sumber daripada kaedah kuantitatif dan juga kaedah kepustakaan malah menggunakan sumber daripada internet, iaitu pembacaan jurnal, artikel, buku ilmiah, latihan ilmiah, tesis sarjana, prosiding kertas kerja dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Secara amnya, pengumpulan maklumat kajian ini dilakukan sendiri dengan berpandukan kepada bahan-bahan kepustakaan yang diperoleh bersama dua buah novel iaitu ‘Saudagar Besar dari Kuala Lumpur’ dan juga ‘Naratif Ogonshoto’ dan menggunakan kajian dengan pembacaan teori mentalis iaitu pemerolehan bahasa.

3.3.4 Kaedah Penganalisisan Maklumat

Maklumat yang diperolehi daripada bahan-bahan kepustakaan dan analisis dua buah teks Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan tingkatan 6 yang mengkaji novel dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan enam prinsip pembelajaran yang terdapat dalam Teori Mentalis. Dalam Teori Mentalis ini terdapat beberapa orang pengkaji tempatan yang telah memberi pandangan dan juga mengkaji Teori Mentalis yang relevan bersama-sama dapatan lain yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung. Langkah seterusnya perlukan ketelitian pengkaji dalam menganalisis kajian yang mungkin banyak supaya dapat dijadikan maklumat yang tersusun dan seterusnya kesimpulan. Kesimpulan yang dibuat berasaskan analisis untuk mengenal pasti isu menjurus kepada kewajaran menjalankan tindakan selanjutnya, sama ada isu itu memang ketelitian ataupun tidak.

Instrumen ialah alat untuk mengumpul data yang dikehendaki bagi menjawab soalan penyelidikan yang telah ditetapkan. Maka, instrumen ialah proses menyediakan alat untuk mengumpul data. Hakikat bahawa pemikiran sebenar seseorang manusia bersifat rahsia, serta sering tersembunyi di “sebalik topeng”. Justeru itu, diandaikan bahawa tingkah laku sebagai mewakili pemikiran. Tingkah laku sampel diukur menerusi pentadbiran alat penyelidikan yang dipilih.

Berikut merupakan beberapa soalan yang dijadikan sebagai instrumen kajian yang akan diberikan kepada pelajar untuk melihat kebolehan pelajar menjawab soalan yang diberikan dan sekaligus menghubungkaitkan soalan tersebut dan kebolehan pelajar dengan kajian yang dijalankan iaitu pemerolehan bahasa.

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian kerana instrumen ini lebih efisien dan lebih praktikal sifatnya. Borang soal selidik yang disediakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Penjelasan mengenai setiap bahagian dalam borang soal selidik adalah seperti huraian berikut:

i. Borang A ialah berkaitan dengan latar belakang pelajar yang merangkumi tingkatan, jantina, bangsa dan agama.

ii. Borang B dan Bahagian C berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan juga kefahaman pelajar berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang dikaitkan dengan prinsip-prinsip pembelajaran.

Penggunaan model skala likert adalah disebabkan kelebihan dan andaian-andaian yang menyatakan setiap individu mempunyai perbezaan tentang darjah persetujuan yang berbeza terhadap setiap pernyataan. Selain itu, kelebihan menggunakan skala ini disebabkan setiap pernyataan yang berbeza akan memberi darjah persetujuan yang berbeza juga. Darjah persetujuan responden yang bersikap positif mungkin lebih setuju berbanding dengan responden yang bersikap negatif.

Bagi butiran setiap komponen latar belakang responden, pengkaji menggunakan skala bagi komponen soalan pada Bahagian A pula, pengkaji menggunakan skala nominal iaitu 'Ya' dan 'Tidak'. Skala likert iaitu setiap pemboleh ubah telah diberikan nilai angka atau nombor kod kepada kategori 1, 2, 3 pada bahagian B.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Setuju
2. Tidak setuju
3. Amat tidak setuju

Borang soal selidik yang disediakan untuk sampel pelajar mengandungi 22 soalan. Bagi memudahkan pengumpulan data, pengkaji telah membahagikan borang soal selidik tersebut kepada tujuh bahagian. Penjelasan setiap bahagian dalam borang soal selidik tersebut adalah seperti huraian berikut,

Bahagian A : Latar Belakang Diri Pelajar

Bahagian B : 36 soalan aktiviti yang dijalankan dalam kelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Soal selidik Prinsip-prinsip Penyelidikan Teori Mentalis

Bahagian A	Demograf	3 item
Bahagian B	Aktiviti mental	6 item
	Menegaskan makna	6 item
	Mencerna idea	6 item
	Struktur	6 item
	Sintaksis atau morfologi	5 item
	Kesalahan ambil kira	6 item
	Jumlah	38 item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan ini boleh dirujuk pada lampiran

3.4 Instrumen Kajian

Bahagian B

Tandakan √ pada respon berkenaan sama ada Ya ataupun Tidak.

Aktiviti Mental

Soalan	Ya	Tidak
1. Aktiviti main peranan meningkatkan kefahaman pelajar.		
2. Adakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dalam kelas menarik minat pelajar.		
3. Pelajar akan mudah memahami sekiranya aktiviti dijalankan oleh guru.		
4. Aktiviti sumbang saran (brainstorming) mengalakkan pelajar berfikir secara kreatif.		
5. Adakah medium yang guru gunakan untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?		
6. Teknik pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar seperti main peranan, dan bacaan nyaring menarik minat pelajar.		

Pemilihan soalan dalam instrument kajian adalah berdasarkan sebab-sebab yang tertentu. Soalan pertama dipilih untuk menguji sama ada aktiviti main peranan dapat meningkatkan kefahaman pelajar. Soalan kedua pula dipilih untuk mengetahui sama ada aktiviti dalam kelas dapat menarik minat pelajar ataupun tidak. Soalan ketiga juga dipilih untuk menguji tahap kefahaman pelajar dalam kelas sekiranya aktiviti dijalankan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru. Manakala soalan keempat dipilih untuk mengenalpasti sama ada aktiviti sumbang saran ini dapat mengalakkan pelajar berfikir secara kreatif. Selain itu, soalan kelima dipilih untuk mengenalpasti samaada medium yang digunakan oleh guru dalam kelas bersama pelajar mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan. Manakala soalan yang terakhir iaitu soalan keenam dipilih untuk mengetahui samada guru menggunakan teknik pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar dapat menarik minat pelajar di dalam kelas.

Tandakan √ pada respon berkenaan sama ada Ya ataupun Tidak.

Menegaskan Makna

Soalan	Ya	Tidak
1. Pelajar dapat memahami penggunaan ayat gramatis dalam ayat.		
2. Pelajar dapat menguasai bahasa yang terdapat dalam teks Kesusasteraan Melayu.		
3. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat digunakan membantu pelajar memahami bahasa yang digunakan dalam teks.		
4. Kefahaman struktur bahasa dapat meningkatkan pengetahuan pelajar.		
5. Penekanan yang diberikan oleh guru kepada pelajar dalam memahami penggunaan bahasa dapat difahami.		
6. Elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa.		

Pemilihan instrument kajian untuk soalan Menegaskan makna berdasarkan sebab-sebab tertentu. Bagi bahagian menegaskan makna, soalan pertama dipilih untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar dalam penggunaan ayat gramatis. Soalan kedua dipilih untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar dalam menguasai bahasa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat dalam teks Kesusasteraan Melayu. Manakala soalan ketiga pula dipilih untuk mengenalpasti sama ada mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat membantu pelajar memahami bahasa yang digunakan dalam teks Kesusasteraan Melayu. Pemilihan soalan keempat juga untuk mengenalpasti sama ada struktur bahasa dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar dalam teks Kesusasteraan Melayu. Soalan kelima juga dipilih untuk menguji sama ada penekanan yang diberikan oleh guru dapat memberi kefahaman kepada pelajar dalam memahami bahasa yang terdapat dalam teks. Soalan yang keenam dipilih untuk mengenalpasti sama ada elemen sastera yang terdapat dalam teks dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar.

Tandakan √ pada respon berkenaan sama ada Ya ataupun Tidak.

Mencerna idea

Soalan	Ya	Tidak
1. Pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.		
2. Pelajar dapat menyelesaikan masalah iaitu menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru.		
3. Pelajar dapat mengeluarkan idea semasa pengajaran dan pembelajaran.		
4. Masalah dapat diselesaikan secara individu.		
5. Pelajar yang pasif akan menjadi pelajar yang aktif di dalam kelas.		
6. Pelajar mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah secara berkumpulan.		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan instrument untuk soalan mencerna idea bagi soalan pertama di pilih untuk mengenal pasti sama ada pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Soalan kedua dipilih untuk menguji pelajar sama ada pelajar dapat menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru. Soalan ketiga dipilih untuk mengenalpasti sama ada pelajar dapat mengeluarkan idea semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Manakala soalan keempat dipilih untuk mengenalpasti sama ada pelajar dapat menyelesaikan masalah secara individu ataupun tidak. Selain itu, soalan kelima pula dipilih untuk melihat sama ada pelajar yang pasif di dalam kelas akan menjadi pelajar yang aktif. Soalan yang terakhir dipilih untuk melihat kemampuan pelajar dalam menyelesaikan masalah dalam kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian C (skala Likert)

Tandakan √ pada respon berkenaan sama ada setuju, kurang setuju dan amat tidak setuju.

Struktur

Soalan	Setuju	Kurang setuju	Amat tidak setuju
1. Guru seringkali memberi latihan kepada pelajar.			
2. Latihan yang diberikan dapat membantu pelajar dalam memahami Kesusasteraan Melayu.			
3. Latihan dapat meningkatkan pengetahuan pelajar.			
4. Pelajar dapat menghuraikan soalan yang diberikan oleh guru.			
5. Pelajar dapat memberi contoh berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru.			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Pembentukan ayat gramatis meningkatkan pengetahuan pelajar.			

Pemilihan soalan ini dipilih untuk mengenalpasti sama ada guru seringkali memberi latihan kepada pelajar ataupun tidak yang terdapat dalam soalan pertama. Manakala soalan kedua dipilih untuk mengenalpasti sama ada latihan diberikan dapat membantu pelajar memahami Kesusasteraan Melayu. Pemilihan soalan ketiga juga untuk mengenalpasti sama ada latihan yang diberikan oleh guru dapat meningkatkan pengetahuan pelajar ataupun tidak. Selain itu, soalan keempat dipilih untuk menguji pelajar sama ada pelajar dapat menghuraikan soalan yang diberikan oleh guru di dalam kelas. Soalan kelima juga dipilih untuk menguji pelajar sama ada pelajar dapat memberi contoh berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru. Manakala soalan yang terakhir iaitu soalan kelima dipilih untuk mengenalpasti sama ada pembentukan ayat gramatis dapat meningkatkan pengetahuan pelajar ataupun tidak.

Tandakan √ pada respon berkenaan sama ada setuju, kurang setuju dan amat tidak setuju.
Sintaksis atau morfologi

Soalan	Setuju	Kurang setuju	Amat tidak setuju
1. Penggunaan bahasa sastera dalam pengajaran binaan ayat Bahasa Melayu dapat meningkatkan kefahaman pelajar.			
2. Pelajar memahami dan membina ayat-ayat dengan aspek sastera.			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Pelajar dapat membina ayat gramatis.			
4. Pelajar mempelajari mengolah ayat gramatis,			
5. Pelajar dapat menambahkan kosa kata dalam pengajaran sastera.			

Pemilihan instrument sintaksis dan morfologi bagi soalan pertama dipilih untuk mengenalpasti sama ada penggunaan bahasa sastera dalam pengajaran binaan ayat Bahasa Melayu dapat meningkatkan kefahaman pelajar ataupun tidak. Soalan kedua dipilih untuk menguji sama ada pelajar memahami dan dapat membina ayat dengan dengan berdasarkan aspek sastera. Bagi soalan ketiga dipilih untuk mengenalpasti sama ada pelajar dapat membina ayat gramatis. Manakala soalan keempat dipilih untuk mengenalpasti sama ada pelajar dapat mengolah ayat gramatis. Soalan kelima dipilih untuk menguji pelajar sama ada pelajar dapat menambah kosa kata dalam pengajaran sastera ataupun tidak.

Tandakan √ pada respon berkenaan sama ada setuju, kurang setuju dan amat tidak setuju
Kesalahan ambil kira

Soalan	Setuju	Kurang setuju	Amat tidak setuju
1. Pelajar boleh mengulang kembali apa yang disampaikan oleh guru secara tepat.			
2. Guru menyedari kelemahan pelajar.			
3. Guru membantu pelajar yang lemah dalam mata pelajar Kesusasteraan Melayu.			
4. Pelajar menunjukkan kebolehan mereka kepada			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru.			
5. Guru membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.			
6. Pelajar memperbaiki kelemahan mereka yang telah diperbetulkan oleh guru.			

Pemilihan instrument kajian kesalahan ambil kira dipilih adalah berdasarkan sebab-sebab tertentu. Soalan pertama dipilih untuk menguji pelajar sama ada pelajar dapat mengulang kembali apa yang telah diajar oleh guru di dalam kelas. Soalan kedua pula dipilih untuk mengenalpasti sama ada guru dapat mengetahui kelemahan pelajar. Manakala soalan ketiga dipilih untuk mengenalpasti sama ada guru membantu pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Soalan keempat dipilih untuk menguji sama ada pelajar menunjukkan kebolehan mereka kepada guru di dalam kelas. Selain itu, soalan kelima dipilih mengenalpasti sama ada guru membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Soalan yang terakhir iaitu soalan keenam dipilih untuk mengenalpasti sama ada pelajar memperbaiki kelemahan mereka setelah diperbetulkan oleh guru.

3.5 Kesahan Soal Selidik

Menurut Hammereersley (1990) dalam Miles dan Hubberman (1994), kesahan dalam penyelidikan kualitatif telah ditakrifkan kepada sejauh mana tepatnya satu-satu gambaran yang diperlihalkan yang mewakili tajuk kajian yang telah dikaji. Menurut Steven (1958)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang telah menyatakan bahawa Sebelum menjalankan kajian di kawasan kajian yang telah dipilih, borang soal selidik telah melalu satu proses kesahan pakar. Seramai lima orang pakar telah mengesahkan borang soal selidik yang akan digunakan dalam kajian ini. Pakar-pakar tersebut merupakan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 20 tahun dalam mengajar Kesusasteraan Melayu Komunikatif di beberapa buah sekolah menengah. Guru-guru tersebut ialah Cikgu Ahmad Yani yang merupakan guru dari Kelantan, Cikgu Abang Musa, Cikgu Anthony Tutong, Cikgu Carolinelyn Jerry dan Cikgu Rosnah.

Berdasarkan kesahan Kappa yang dijalankan terhadap soal selidik, didapati bahawa soal selidik yang dihasilkan untuk tujuan kajian adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, borang soal selidik ini sesuai digunakan dalam kajian yang dijalankan ini. Formula bagi kaedah kesahan Cohen Kappa adalah seperti berikut.

$$K = \frac{\text{fo} - \text{fi}}{N - fi}$$

$$K = \frac{\text{fa} - \text{fc}}{\text{N} - \text{fc}}$$

fa – unit persetujuan
fc- 50 peratus jangkaan persetujuan
N – bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana Lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Sumber. Fraenkel, Walled And Hyun (2012). How To Design And Evaluate Research In Education.

Tema/Unit	Penilai 1	Penilai 2	Penilai 3	Penilai 4	Penilai 5	Nilai Persetujuan Keseluruhan
Prinsip Pembelajaran Mentalis	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$ = $\frac{29-18}{36-18}$ = 0.61	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$ = $\frac{35-18}{36-18}$ = 0.94	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$ = $\frac{35-18}{36-18}$ = 0.94	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$ = $\frac{30-18}{36-18}$ = 0.67	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$ = $\frac{32-18}{36-18}$ = 0.78	K= $\frac{0.61+0.94+0.94+0.67+0.78}{5}$ = 0.788 = 0.79

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kerangka Teori

3.6.1 Teori Mentalis

Teori mentalis merupakan teori pemerolehan bahasa dan teori mentalis ini mula diperkenalkan oleh ahli-ahli psikologi seperti Noam Chomsky, Robin Lakoff, George Miller, Slobin Lenneberg dan Jean Piaget. Teori ini mengatakan bahawa proses pembelajaran bahasa adalah merupakan suatu proses mental. Golongan mentalis berpendapat bahawa manusia sejak lahir sudah mempunyai kebolehan semula jadi untuk menguasai bahasa. Kebolehan ini dinamakan Jentera Penguasaan Bahasa (Raminah Hj. Sabran,1985 :21). Berdasarkan pendapat golongan mentalis, mental kanak-kanak dikatakan mempunyai keupayaan untuk menganalisis, membuat hipotesis serta merumuskan peraturan-peraturan bahasa yang didedahkan kepada mereka. Seterusnya penganut teori ini mengutamakan proses-proses dalaman yang berlaku di dalam fikiran manusia. Mereka menekankan perkara-perkara seperti penyelesaian masalah, celik akal dan mereka berminat sekali terhadap pengetahuan, makna, niat, perasaan, kreativiti, jangkaan dan pemikiran (Amir Awang, 1986 : 10)

Selain itu, ahli psikologi terkemuka yang mendorong teori Mentalis, Piaget berpendapat bahawa bingkai perkembangan mental seseorang dapat dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat motor-deria, pemikiran prakendalian *(pre – operational thinking)*, pemikiran kendalian konkrit *(concrete operational thinking)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan peringkat pemikiran formal *(formal thinking).* Beliau berpendapat, manusia mempunyai keupayaan mental dan bukannya proses mekanikal. Proses ini melibatkan pelajar menggunakan pengetahuan yang sedia ada dalam otaknya untuk menganalisis data-data yang telah didedahkan kepadanya atau yang ada di persekitarannya. Seseorang itu semakin matang dan boleh mempelajari sesuatu konsep yang abstrak dengan lebih mudah apabila sudah mencapai peringkat yang lebih tinggi dalam perkembangan kognitif (Raminah Hj. Sabran, 1987 : 88)

Tambahan lagi, Chomsky (1975) yang berpendapat bahawa, dalam penguasaan bahasa, seseorang itu mempunyai kecekapan dan prestasi (*competence and performance*). Kecekapan adalah rumus-rumus atau undang-undang yang ada dalam stok mental seseorang sementara prestasi adalah aspek penggunaan bahasa itu iaitu aspek praktik terhadap apa yang diketahui mengenai bahasa. Menerusi Skema Laku-Ucap, Chomsky berpendapat bahawa yang ada dalam stok mental seseorang ialah kecekapan (*competence*) atau pengetahuan. Ia menjadi asas untuk melahirkan prestasi di samping untuk menginterpretasi dan menganalisis prestasi orang lain atau untuk prestasi sendiri dan daya penglahiran prestasi ini bergantung kepada daya kecekapan atau pengetahuan. Oleh sebab itu, dalam pengajaran bahasa, penekanan diberi bukan sahaja semata-mata kepada prestasi pelajaran tetapi juga kepada kecekapan seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Chomsky percaya bahawa penutur yang telah menguasai bahasanya juga telah mempelajari atau mempunyai pengetahuan seperti ini membolehkan mereka membuat pengjelasan terhadap keupayaan asas penutur (Steinberg, 1982 : 18) .Menurut golongan ini juga, pembelajaran dapat dianggap sebagai proses penyelesaian masalah. Apabila pelajar-pelajar didedahkan kepada data-data bahasa, maka mereka akan mencipta peta kognitif *(cognitif map)* dalam pemikiran mereka sebagai langkah menjadikan data itu bermakna. Mereka akan membina hipotesis dan mencuba hipotesis itu dengan membentuk ayat-ayat baru. Guru berperanan sebagai pakar rujuk bagi memperakukan sama ada pembentukan dan percubaan hipotesis mereka itu betul atau salah (Raminah Hj. Sabran, 1985 : 24)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagaimana teori behavioris, teori mentalis ini juga ada kepentingannya kepada pengajaran bahasa. Teori ini merealisasikan beberapa prinsip dalam pengajaran bahasa. Raminah (1987:89) menyenaraikannya seperti berikut yang pertama pengajaran haruslah mengutamakan kebolehan mental kanak-kanak, struktur haruslah diajar secara formal, aspek bahasa yang diutamakan dalam pengajaran ialah sintaksis dan morfologi dan kesilapan-kesilapan bahasa yang umum dilakukan oleh pelajar-pelajar pada satu peringkat kematangan haruslah diambil kira dalam pemilihan-pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran.

Teori Mentalis bertentangan dengan pandangan behavioristik maka pendekatan mentalistik menerangkan bahawa ketika anak lahir memang telah ada sejumlah potensi bahasa yang dibawanya. Menurut pandangan ini telah mengemukakan bahawa setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anak yang lahir memiliki apa yang mereka namakan sebagai *Language Acquistion Device* (Wilkins,1972:169). Anak memiliki kelengkapan berbahasa yang cepat berfungsi. Halliday (1968: 178) berkata, " *we know that all normal human infants are born with the potentially of acquiring language."* Hal yang sama telah dikatakan oleh Brown (1980:18) (1991):

> *"...at the other extreme, you would find a position that claims that child comes into this world with very specific innate knowledge, knowledge which includes not only general predispositions and tendencies but also knowledge of the nature of language and of the world. Then, through his own volition, he acts upon his environment by developing these bodies of knowledge".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses berfikir manusia bermula dari dalam diri manusia itu sendiri yang kemudiannya digambarkan melalui perubahan tindakan biologis sebagai proses luaran. Aktiviti-aktiviti intelektual atau kognitif dan biologis merupakan satu proses keseluruhan yang dilakukan oleh manusia untuk mengadaptasikan dirinya dengan persekitaran. Menurut teori ini, proses berfikir manusia melibatkan operasi mental dengan tujuan untuk menghubungkan berbagai-bagai idea, memahami konsep, membuat kesimpulan atau mendapatkan pengertian baru daripada maklumat yang sedia ada. Bagi mereka, pembelajaran menjadi bererti jika perspektif kognitif tau keupayaan berfikir tersebut turut dilibatkan, dan tidak hanya tertumpu pada operasi mekanikal sahaja. Walaupun mereka tidak, menolak seratus peratus pembelajaran melalui proses cuba jaya, tetapi mereka beranggapan bahawa hal tersebut berlaku secara sedar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tambahan lagi, sebagai pendukung utama teori ini, Jean Piaget berpendapat bahawa perkembangan kognitif berlaku secara berperingkat-peringkat. Beliau telah mengemukakan empat peringkat perkembangan kognitif, dan peringkat olahan formal. Peringkat perkembangan kognitif ini bermula sejak zaman permulaan kanak-kanak lagi atau sejak bayi dilahirkan. Ia berlaku agak cepat pada zaman permulaan kanak-kanak. Perkembangannya menjadi semakin perlahan pada peringkat remaja dan dewasa. Menurut Piaget, semua kanak-kanak yang normal mesti melalui zaman ini secara berperingkat-peringkat menurut susunan tertentu. Namun demikian, terdapat perbezaan antara kanak-kanak yang cerdas dengan kanak-kanak yang lembap otaknya dalam mencapai zaman operasi formal. Hal ini demikian kerana, terdapatnya empat faktor yang membantu atau membantut perkembangan kognitif individu, iaitu pematangan, pengalaman, interaksi sosial, dan perimbangan antara ketiga-tiga faktor tersebut.

Selain itu, guru digalakkan memberi peluang kepada murid untuk berfikir ketika pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hal ini kerana mereka dapat membina konsep dan makna. Ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung, murid perlu didedahkan dengan bahan-bahan sebenar (authentik) bukan bahan yang diada-adakan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa juga mementingkan kemahiran membaca dan menulis dan tidak mengabaikan kemahiran mendengar dan bertutur. Daripada aspek memberi latihan pula, guru perlulah memberi latihan-latihan yang membina kecekapan dengan menggunakan rumus bahasa secara kreatif. Selain itu, guru digalakkan menyedarkan kesilapan murid dan menggalakkan murid membaiki kesilapan yang dilakukan berdasarkan pengetahuan rumus yang telah dipelajarinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

· Selain itu, Teori Mentalis juga menekankan proses perkembangan pemikiran kanak-kanak. Oleh sebab itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap kematangan murid. Dengan itu proses pembelajaran akan lebih bersifat sistematik dan guru dapat mengawal kadar kemajuan pembelajaran murid secara berperingkat-peringkat. Menekankan kepada pembelajaran mengikut kadar kendiri, di mana murid berpeluang belajar sesuatu pengetahuan atau kemahiran berdasarkan minat, kebolehan dan tahap kognitif mereka sendiri. Menekankan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar. Pengajaran berpusatkan pelajar bermaksud pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran serta terlibat aktif dalam penggunaan bahan-bahan pembelajaran berbanding guru.



Rajah 3.1. Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 3.1, Teori Mentalis telah menerangkan berkaitan dengan prinsip-prinsip teori pembelajaran iaitu teori mentalis bagi mengaplikasikan prinsip tersebut ke dalam teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah iaitu novel. Teori Mentalis ini juga telah menghasilkan beberapa prinsip pembelajaran iaitu aktiviti mental, kebolehan mental, sintaksis, menegaskan makna, struktur dan kesalahan ambil kira.

Prinsip pembelajaran untuk aktiviti mental ini merupakan satu daripada anugerah istimewa kepada kita iaitu akal yang memberi kecekapan dan tuturan yang baik dalam kalangan manusia. Prinsip ini akan melihat keadaan persekitaran kita dalam membentuk hipotesis malah penggunaan sistem rumus dalaman dapat membantu dalam pembelajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Aktiviti mental ini merupakan proses seorang kanak-kanak atau pelajar untuk memperoleh pola- pola sintaksis dan leksikal dengan mengkaji struktur. Golongan mentalis berpendapat bahawa pengajaran bahasa haruslah cuba untuk mencungkil, menggalakkan dan memperkembangkan kreativiti pelajar dalam penggunaan bahasa. Dari aspek memberi latihan pula, guru perlulah memberi latihan-latihan yang membina kecekapan dengan menggunakan rumus bahasa secara kreatif dalam Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Aktiviti mental

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti mental yang boleh dilaksanakan dalam memperkembangkan kreativiti pelajar ialah kaedah main peranan adalah melakonkan situasi, masalah ataupun peristiwa yang dianggap penting. Main peranan ialah dramatisasi yang tidak memerlukan pelajar menghafal skrip kerana ia dilakukan secara spontan. Menurut Burton, Donelson dan Haley (1957) dalam proses belajar dan mengajar, para pelajar perlu berusaha dengan sendiri bagi meningkatkan tahap pembelajaran mereka. Guru hanya pembimbing iaitu diumpamakan pengarah, manakala pelajar berperanan sebagai pelakon. Aktiviti mental dengan menggunakan kaedah main peranan dapat membantu pelajar untuk mengingati cerita yang terdapat dalam novel yang dipelajari oleh mereka. Pengajaran berpusatkan pelajar bermaksud pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran serta terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktif dalam penggunaan bahan-bahan pembelajaran berbanding guru. Hal ini dapat meningkatkan kefahaman pelajar dengan cepat dan mudah.


Teknik diertikan sebagai taktik atau cara yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera dan jangka panjang pada waktu mengajar bahagian bahasa tertentu. Teknik adalah cara yang lebih khusus diciptakan untuk menyampaikan sesuatu pengajaran. Teknik yang seterusnya yang digunakan dalam aktiviti mental ialah sumbang saran atau teknik *brainstorming*. Dalam teknik ini, perbincangan akan dilakukan dalam kumpulan. Mereka akan memerah otak untuk berfikir secara kreatif dan aktif. Setiap idea-idea yang ada haruslah dicatatkan dan tidak ada pandangan yang betul ataupun salah. Walaupun idea yang diberikan kurang bernas, ianya harus juga diterima dan kemudian akan diperbaiki agar murid lebih yakin untuk menyampaikan idea masing-masing.

Selain itu, teknik yang terakhir ialah teknik bacaan nyaring. Bacaan nyaring dianggap sebagai salah satu kemahiran lisan selain mendengar dan bertutur. Bacaan nyaring ialah kemahiran menuturkan apa yang ditulis, atau menurut Robert Lado (1979), *Reading aloud is speaking what written* . Teknik ini ialah salah satu kemahiran bahasa yang bercorak produktif iaitu fungsinya adalah untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain (pendengar). Fungsi teknik ini berbeza daripada bacaan senyap yang merupakan kemahiran membaca secara reseptif, iaitu menerima komunikasi bahasa dan bukan menghantarnya kepada orang lain. Sungguhpun bacaan nyaring dianggap sebagai kemahiran bahasa yang tersendiri, teknik bacaan ini juga digunakan guru sebagai teknik untuk membantu pengajaran bahasa lisan kerana latihan bacaan nyaring boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kemahiran sebutan dan intonasi dalam pertuturan. Teknik ini juga digunakan untuk mengesan dan menganalisis kesilapan kiu dalam bahasa. Kaedah analisis kesilapan membaca dengan menggunakan teknik bacaan nyaring telah dicipta oleh Kenneth Goodman (1969).



Rajah 3.3. Menegaskan makna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menegaskan makna juga merupakan prinsip pembelajaran teori mentalis malah menegaskan makna ini menekankan kefahaman struktur bahasa. Kefahaman yang betul dapat memudahkan penggunaan bahasa dalam situasi-situasi yang berlaku disekeliling ataupun yang berlaku dalam novel yang telah dikaji. Dalam prinsip pembelajaran menegaskan makna ini turut memperkenalkan wacana yang terdapat dalam novel yang dikaji untuk memperkukuhkan struktur bahasa. Guru harus menggunakan aktiviti-aktiviti bahasa yang bermakna dan berkesan untuk membolehkan kanak-kanak menguasai struktur-struktur bahasa yang terdapat di dalam sistem bahasanya dengan baik. Dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, prinsip menegaskan makna ini membolehkan pelajar mengenali penggunaan tatabahasa yang betul dan juga penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wacana yang terdapat dalam novel yang dipelajari oleh pelajar. Hal ini supaya pelajar dapat mengetahui dan mengenalpasti bahawa pengajaran Kesusasteraan Melayu mempunyai prinsip menegaskan makna yang menggunakan wacana.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahan novel dalam bahasa, guru harus memberi komitmen sepenuhnya. Dengan kata lain, guru perlu memberi penekanan kepada aspek penggunaan bahasa yang mempunyai unsur keindahan yang digunakan oleh pengarang dalam menyampaikan mesej dalam sesebuah karya. Penguasaan bahasa pula guru seterusnya boleh meminta pelajar membaaca dan memahami petikan yang terdapat dalam novel. Secara tidak langsung strategi pengajaran dan pembelajaran tersebut dapat menambah kemahiran dan kecekapan membaca dan memahami pelbagai bahan serta menakul isi tersurat dan tersirat. Situasi ini dapat memperkayakan kosa kata pelajar.



Rajah 3.4. Kebolehan mental

Selain itu, prinsip pembelajaran yang seterusnya ialah kebolehan mental. Kebolehan mental ini merupakan aktiviti penyelesaian masalah, dimana pelajar mengenalpasti penyelesaian masalah yang terdapat dalam novel Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dipelajari oleh pelajar sekaligus memberi ciri kebolehan mental kanak-kanak terutamanya pelajar. Kebolehan mental ini akan memberi pendedahan yang berbagai untuk menolong pelajar meresapi hipotesis-hipotesis yang berguna. Prinsip ini juga akan menggalakkan pelajar untuk membentuk pembentukan ayat-ayat yang mudah. Bagi pengajaran guru pula, guru dapat mengcungkil, menggalakkan dan mengembangkan aktiviti pelajar dalam kelas. Dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu ini, kebolehan mental pelajar adalah dengan mengenalpasti tindakan watak menyelesaikan masalah dalam novel yang mereka pelajari dan membolehkan guru untuk mengembangkan aktiviti dalam kelas supaya pelajar lebih aktif dan tidak pasif dengan memberi galakkan kepada pelajar untuk mengenalpasti peristiwa tersebut.

Kebolehan mental pelajar untuk mencerna idea amat penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dimana pelajar harus mencerna idea semasa di dalam kelas. Di aras ini, mencerna idea amat penting kerana seseorang pelajar telah diberi motivasi yang secukupnya sehingga dia bersedia untuk memerhati tetapi barangkali benar jika dia dikatakan memerhati dengan aktif. Dengan cara ini pelajar mempunyai idea yang bernas walaupun idea yang diberikan kurang tepat. Manakala, bagi penyelesaian masalah pula pelajar mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah secara individu ataupun secara berkumpulan. Contohnya sekiranya guru memberi soalan kepada pelajar, pelajar seharusnya mempunyai penyelesaian untuk memberi jawapan seperti guru meminta pelajar membaca cerita-cerita yang ditulis oleh para penulis pelbagai kaum di negara ini. Mereka diminta untuk menyenaraikan tema-tema yang sama atau hampir-hampir sama yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.5. Struktur

Struktur juga merupakan salah satu prinsip pembelajaran yang terdapat dalam Teori Mentalis. Penggunaan struktur ini di ajar secara formal kepada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru akan mengajar pelajar untuk membentuk ayat-ayat yang gramatis terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu supaya pelajar dapat membina dan mengenalpasti penggunaan ayat yang gramatis yang terdapat dalam novel. Pembinaan ayat-ayat gramatis ini memerlukan huraian atau contoh supaya mudah difahami oleh pelajar dan guru yang lain malah bentuk struktur membezakan bahasa di dunia ini. Dengan menggunakan struktur ini, guru boleh memberikan latihan secara formal yang akan mendatangkan hasil yang baik kepada pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu bersama pelajar dalam kelas dengan memberi latihan kepada pelajar. Penggunaan struktur terutamanya membentuk ayat-ayat


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gramatis, memastikan sama ada akan memberi kesan kepada pelajar sama ada pelajar akan mudah memahami ataupun tidak.

Dalam pembentukan ayat gramatis, pelajar seharusnya dapat menulis dan membentuk ayat-ayat yang gramatis yang mempunyai gaya bahasa seperti metafora, personifikasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar tidak mampu menulis kembali makna sesuatu bahagian ayat yang difahami dengan menggunakan ayat mereka sendiri. Biasanya, pelajar gemar menyalin semula rangkai-rangkai kata yang terdapat dalam petikan untuk dijadikan jawapan mereka. Struktur juga memerlukan guru untuk menyuruh pelajar supaya menghuraikan dan memberi contoh kepada apa yang dibaca oleh mereka dan juga latihan yang secukupnya kepada pelajar supaya pelajar dapat memahami apa yang dibaca dan dipelajari mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.6. Sintaksis atau morfologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, sintaksis atau morfologi juga merupakan salah satu prinsip pembelajaran yang terdapat dalam Teori Mentalis. Morfologi merupakan bidang tatabahasa yang mengkaji struktur kata, binaan kata, golongan kata dan bentuk kata. Sintaksis merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji proses pembinaan ayat. Hal ini termasuklah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa berdasarkan kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan untuk membina sesuatu ayat. Sintaksis atau morfologi merupakan sistem yang terhad yang perlu dipelajari kerana dalam pengajaran dan pembelajaran sistem tersebut dapat menggunakan bahasa itu secara kreatif. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu terutamanya terdapat penggunaan morfologi atau sintaksis dalam novel yang dipelajari oleh pelajar terutamanya novel tingkatan 4 iaitu Naratif Ogonshoto dan novel tingkatan 6 rendah iaitu Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Pola struktur adalah kecil malah ciri kekreatifannya tidak terhad dalam Bahasa Melayu dan juga Kesusasteraan melayu.

Sintaksis membincangkan pembentukan frasa, klausa dan ayat manakala morfologi merupakan suatu bidang pengkajian yang mengkaji pembentukan kata. Ayat merupakan unsur penting dalam kajian bahasa. Setiap bahasa mempunyai ayat yang berbagai-bagai bentuk dan bilangan yang tidak terhad. Unsur yang terkandung dalam ayat ialah klausa dan bilangan klausa dalam sesuatu ayat akan menentukan jenis ayat tersebut, sama ada ayat tunggal atau ayat majmuk. Ayat yang perlu gramatis ini bermaksud ayat yang mempunyai gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, perlambangan dan sebagainya malah tidak mempunyai pola ayat. Contoh penggunaan ayat gramatis ialah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Personifikasi :

a) Seketika sepi menangkap suasana kecuali diselangi dengan kokok ayam yang berculang-caling.

Hiperbola

b) Darah mengalir menganak sungai, dia berendam air mata.

Kecekapan tatabahasa bermaksud mempunyai pengetahuan tentang perbendaharaan kata, morfologi dan sintaksi. Dengan mengetahui semua aspek di atas akan membolehkan pelajar menentukan dan melahirkan ayat yang betul dalam pertuturan. Kecekapan wacana bermaksud seseorang itu mempunyai pengetahuan tentang penggunaan bahasa dalam konteks wacana. Menurut Asmah Haji Omar (1984), wacana ialah keseluruhan penglahiran bahasa oleh penutur atau penulis. Yang dimaksudkan dengan keseluruhan penglahiran bahasa ialah penglahiran sistem bahasa dan juga penglahiran unsur-unsur yang luar daripada sistem bahasa yang menyumbang ke arah menjadikan pertuturan atau tulisan yang berkenaan sebagai sesuatu yang bermakna dalam komunikasi.



Rajah 3.7. Kesalahan Ambil kira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip pembelajaran yang terakhir ialah kesalahan ambil kira. Menurut kajian (Fraser, Bellugi dan Brown, 1963) , (Bever 1970) telah menyatakan bahawa kanak-kanak dalam peringkat kematangan yang sama memiliki ciri-ciri pembelajaran yang sama. Kanak-kanak dapat mempelajari bahasa kerana mereka telah dilahirkan dengan kebolehan semula jadi untuk berbuat demikian. Jadi seorang guru haruslah menyedari bahawa kebolehan semula jadi untuk berbahasa yang ada pada kanak-kanak itu membolehkan mereka menganalisis pertuturan yang mereka dengar. Bagi tugas guru pula, guru perlu ambil kira kelemahan dan kesilapan yang ada pada pelajar. Dengan cara ini, guru dapat membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dan pelajar dapat memperbaiki kesilapan yang mereka lakukan semasa guru memberi latihan. Kesalahan ambil kira ini juga merupakan proses pembelajaran dimana tulisan dan bacaan adalah diutamakan supaya pelajar dapat meningkatkan kemahiran mereka terutamanya dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Bahagian kesalahan ambil kira ini, guru seharusnya menyedari kebolehan pelajar. Setiap pelajar berbesar hati apabila diberitahu berkenaan peningkatannya kerana dia mendapat keyakinan dan pengesahan kebenaran pada usahanya dalam menuju kejayaan. Dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu, guru harus mengenalpasti kebolehan pelajar sama ada kebolehan dalam gaya bahasa, nilai dan mengenalpasti persoalan yang terdapat dalam novel. Hal ini kerana kebolehan pelajar terlalu ketara, guru boleh menetapkan kelompok kepada beberapa kumpulan seperti cepat, sederhana dan lemah. Guru memulakan dengan idea umum yang diketahui oleh semua kelompok, seterusnya diikuti bersama latihan ringkas yang dapat dilakukan oleh semua pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, ambil kira kelemahan juga penting terutamanya kepada guru. Hal ini demikian kerana, ambil kira kelemahan ini akan membantu guru untuk mengenalpasti kelemahan pelajar dalam kelas. Hal ini sekaligus dapat membantu pelajar yang lemah ataupun pelajar yang kurang memahami pengajaran dan pembelajaran dalam Kesusasteraan Melayu. Tumpuan harus diberikan kepada pelajar itu sendiri dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bahan sastera bukan bentuk, makna atau penulis sesuatu bahan sastera itu. Guru akan menganalisis keperluan pelajar dan bertindak balas terhadap keperluan tersebut malah menghakis kebimbangan pelajar dan rasa tidak selamat.

3.7 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data adalah penting agar dapat memudahkan pengkaji menjalankan penyelidikan secara terancang dan teratur. Hal ini demikian kerana, proses pengumpulan data memerlukan proses yang rapi dan teliti. Antara pihak-pihak yang terlibat dalam proses memohon kebenaran ialah:

i. Pengetua sekolah
ii. Guru-guru sekolah yang terlibat
iii. Pelajar-pelajar yang terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah mendapat permohonan kebenaran daripada pihak-pihak tersebut, pengkaji seterusnya melaksanakan kajian di sekolah terbabit. Borang soal selidik diedarkan secara rawak kepada pelajar sekolah menengah dari SMK Lundu, SMK Matang Jaya dan SMK Bau. Antara pelajar yang terlibat ialah:

i. Pelajar SMK Lundu tingkatan enam rendah seramai 33 orang dan tingkatan empat seramai 64 orang.
ii. Pelajar SMK Matang Jaya tingkatan enam rendah seramai 34 orang dan pelajar tingkatan empat seramai 55 orang.
iii. Pelajar SMK Bau tingkatan enam rendah seramai 33 orang dan pelajar tingkatan empat seramai 60 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Set ujian pencapaian dan borang soal selidik merupakan instrumen yang amat diperlukan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan data-data yang dikehendaki berdasarkan pendapat dan pandangan sampel. Pengedaran dan pengisian set ujian pencapaian dan borang kaji selidik adalah penting supaya pengkaji mendapat data yang sahih dan mencukupi dalam membuat cadangan dan kesimpulan tentang kajian yang dilakukan.

Proses seterusnya adalah mengumpul data daripada jawapan yang diperoleh daripada sampel setelah borang soal selidik tersebut lengkap diisi dan dijawab. Menurut Mohammad Majid Konting (2000), proses mengumpul dan menganalisis data merupakan aktiviti yang memperoleh maklumat yang berguna daripada bahan mentah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung, dan menjadualkan daripada maklumat tersebut.

Data-data dan maklumat daripada pelajar berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan terlebih dahulu dikumpulkan. Menurut Majid Konting (2000) dalam Isnariah (2003:77), proses mengumpul dan menganalisis data merupakan aktviti untuk memperoleh maklumat yang berguna daripada bahan mentah dan melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadual daripada maklumat tersebut. Oleh sebab itu, data yang diperoleh akan dianalisis bagi memperoleh maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan data kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Metodologi yang dipilih sangat membantu pengkaji dalam proses mendapatkan data kajian. Senario ini menggambarkan bahawa sesuatu kajian atau penyelidikan yang sempurna mempunyai hubung kaitnya dengan kaedah penyelidikan yang dipilih. Kesesuaian metodologi kajian dengan kajian yang dilakukan membantu pengkaji dalam memperoleh seterusnya memproses data agar dapat membuat keputusan yang tepat bersesuaian dengan hasil kajian yang diperoleh,

Analisis kajian yang dilakukan ini adalah untuk memperoleh seberapa banyak maklumat yang berkaitan dengan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Sesuatu kajian penyelidikan yang dijalankan mengikut prosedur yang dirancang di samping menggunakan persampelan yang sesuai serta kaedah kajian yang betul adalah kunci kejayaan sesebuah kajian atau penyelidikan ilmiah.

Melalui penggunaan pelbagai kaedah yang digunakan oleh pengaji untuk melancarkan proses penyelidikan yang telah dijalankan untuk mendapatkan bahan-bahan atau maklumat-maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan. Dalam bab ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan maklumat iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah penganalisian maklumat. Kaedah yang digunakan ini membantu pengkaji untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menganalisis dan mengetahui cara-cara untuk menjalankan kaedah-kaedah seperti kaedah kepustakaan dan kaedah penganalisisan maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan analisis dan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap para pelajar tingkatan 4, dan tingkatan 6 di SMK Lundu, SMK Bau dan SMK Matang Jaya di Sarawak. Seramai 279 orang responden telah diedarkan soal selidik namun hanya 200 yang dapat digunakan untuk tujuan analisis kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisisan SPSS 22. Analisis yang dijalankan untuk menguji hipotisis yang telah ditetapkan. Terdapat dua bahagian analisis yang dijalankan, pertama analisis deskriptif dan kedua analisis inferensi. Analisis deskriptif menerangkan frekuensi dan peratusan dapatan kajian yang merangkumi demografi responden. Hasil analisis deskriptif di terangkan dalam bentuk peratusan, dan min bagi setiap item yang terlibat. Manakala analisis kedua pula melibatkan analisis inferensi dimana ujian regrasi linear

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan korelasi dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh dan hubungan diantara kesemua pemboleh ubah terhadap pemahaman teks Kesusateraan Melayu.

4.2 Analisis Deskriptif

4.2.1 Demografi Responden

Jadual 4.1 menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai taburan demografi responden. Daripada 200 jumlah responden, pelajar tingkatan 4 mencatat jumlah responden yang paling tinggi dengan seramai 118 orang (59.0%), diikuti dengan jumlah responden pelajar tingkatan 6 seramai 82 orang (41.0%). Bagi kategori jantina , pelajar perempuan mencata jumlah yang tinggi iaitu seramai 124 (62.0%) orang responden manakala seramai 76 (38.0%) orang responden adalah lelaki. Bagi kategori bangsa pula, jumlah bangsa tertinggi seramai 88 (44.0%) orang pelajar adalah berbangsa Melayu diikuti dengan bangsa Bidayuh seramai 59 (29.5%) orang responden, Iban 29 (14.5%) orang responden. Responden Cina mencatat jumlah yang paling sedikit iaitu seramai 21 (10.5%). Bagi kategori agama pula, agama yang mencatat kekerapan yang tinggi adalah agama Islam dengan jumlah responden seramai 95 (47.5%) orang. Manakala agama Kristian seramai 87 (43.5%) orang, agama Buddha 11 (5.5%) orang responden dan yang paling sedikit agama Bahai seramai 4 (2.0%) orang responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Taburan Demografi Responden

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Tingkatan	Tingkatan 4	118	59.0
	Tingkatan 6	82	41.0
Jantina	Lelaki	76	38.0
	Perempuan	124	62.0
Bangsa	Melayu	88	44.0
	Cina	21	10.5
	Iban	29	14.5
	Bidayuh	59	29.5
Agama	Islam	95	47.5
	Buddha	11	5.5
	Kristian	87	43.5
	Bahai	4	2.0

N = 200

4.2.2 Analisis Item Aktiviti Mental

Jadual 4.2 menunjukan analisis kekerapan bagi setiap item aktiviti mental. Skor min yang tertinggi adalah bagi kenyataan "Apakah medium yang guru gunakan untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?" iaitu (m= 4.93, sisihan piawai 1.94). Hal ini menunjukan bahawa medium yang digunakan oleh guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Manakala min terendah adalah kenyataan "Aktiviti main peranan meningkatkan kefahaman pelajar" dengan kutipan nilai (m=4.22, sisihan piawaian=1.88). Hal ini mungkin berlaku kerana tidak semua pelajar mahu menjalankan aktiviti main peranan ketika proses pengajaran dan pembelajran berlaku. Namun begitu min ini masih diklasifikasikan sebagai min tinggi sekaligus menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan aktiviti mental membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan "Adakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan melayu dalam kelas menarik minat pelajar" mencatat nilai min (4.41, sisihan paiwaian=1.94) dan diikuti dengan kenyataan "Pelajar akan mudah memahami sekiranya aktiviti dijalankan oleh guru." dengan nilai min (m=4.40, sisihan piawaian=1.82. Bagi kenyaatan "Aktiviti sumbang saran menggalakan pelajar berfikir secara kreatif" mencatan nilai min (m=4.79, sisihan piawai=1.94) manakala kenyataan "Teknik penbelajaran yang berpusatkan kepada pelajar seperti main peranan, dan bacaan nyaring menarik minat pelajar." mencatat nilai min (m=4.57, sisihan piawai=1.89

Jadual 4.2

Analisis Item Aktiviti Mental

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1) Aktiviti main peranan meningkatkan kefahaman pelajar.	4.22	1.88

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 (*Sambungan*)

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
2) Adakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dalam kelas menarik minat pelajar	4.41	1.94
3) Pelajar akan mudah memahami sekiranya aktiviti dijalankan oleh guru.	4.40	1.82
4) Aktiviti sumbang saran menggalakan pelajar berfikir secara kreatif.	4.79	1.93
5) Apakah medium yang guru gunakan untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?	4.93	1.94
6) Teknik penbelajaran yang berpusatkan kepada pelajar seperti main peranan, dan bacaan nyaring menarik minat pelajar.	4.57	1.89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.2 iaitu Analisis Item Aktiviti Mental yang mempunyai 6 soalan yang berkaitan dengan Aktiviti Mental. Main peranan ialah dramatisasi yang tidak memerlukan pelajar untuk menghafal skrip kerana ia dilakukan secara spontan. Bagi soalan yang pertama yang berkaitan dengan aktiviti main peranan amat penting dalam kefahaman pelajar. Proses aktiviti main peranan ini dimulakan dengan memikirkan masalah yang sesuai untuk diberikan kepada pelajar. Peranan guru dalam aktiviti ini hanyalah mengatur aktiviti-aktiviti yang boleh melibatkan semua pelajar. Aktiviti main peranan merupakan aktiviti melakonkan situasi, masalah ataupun peristiwa yang dianggap penting. Main peranan membolehkan pelajar mendapat gambaran ataupun pengalaman secara spontan tanpa membuat sebarang latihan. Aktiviti main peranan mudah dijalankan dalam kumpulan yang kecil ataupun besar. Aktiviti main peranan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermula dengan memilih masalah yang sesuai untuk diselesaikan oleh pelajar.

Aktiviti main peranan ini pelajar akan diberikan peranan untuk melakonkan watak-watak yang ditentukan dalam situasi yang disediakan dengan dilakonkan secara spontan. Semasa kumpulan lain melakonkan aktiviti main peranan, pelajar-pelajar lain perlu memberi perhatian. Contohnya tajuk untuk aktiviti main peranan ialah mengenalpasti watak dan perwatakan En Muhammad dan juga YB Muhd Yusuf yang terdapat novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas. Guru akan memberikan dialog kepada pelajar dan pelajar akan melakonkan watak tersebut kemudian pelajar yang lain akan dapat mengenalpasti perwatakan En Muhammad dan juga YB Muhd Yusuf dengan menyenaraikan watak dan perwatakan En Muhammad dan YB Muhd Yusuf. Antara perwatakan En Muhammad dan YB Muhd. Yusuf ialah:


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak	**Perwatakan**
En Muhammad	Seorang yang elok peribadi En Muhammad digambarkan seorang yang warak yang merupakan seorang tokoh perniagaan yang warak. Walaupun beliau seorang tokoh usahawan berjaya beliau tidak pernah melupakan tanggungjawabnya kepada Allah. Petikan di bawah menjelaskan sifatnya; *Encik Muhammad bin Idris duduk tafakur di atas sejadah, berzikir dan berdoa. Dia baru selesai sembahyang sunat syukur dan sunnat tahajjud. Dia mencuba sedaya upaya mengheningkan cipta, mengosongkan hati nubarinya dari segala was-was dan khannas, menyerah seikhlas-ikhlasnya kepada Allah subhanahu wa taala. Dia mohon petunjuk dan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	hidayat, mohon taufik dan bimbingan untuk kejayaan usahanya mengendalikan syarikat yang baru ditubuhkan. (m/s 113)
YB Muhd Yusuf	Bekerja keras Tugas sebagai Yang Berhormat amat mencabar dan memerlukan pengorbanan. Oleh sebab itu, Yang Berhormat Muhd. Yusuf juga seorang yang bekerja keras dalam menjalankan tugasnya sehingga mengabaikan kesihatan dirinya sendiri. *"Ini bukan kesihatan dan bukan kesuburan, Encik Muhammad. Saya mulai khuatir sekarang bagaimana hendak membuang lemak yang banyak bersarang dalam diri saya. Doctor suruh saya berjalan kaki, berlari, bersukan, tapi tak terbuat. Main golf pun saya tak terbuat. Banyak sangat kerja yang menuntut waktu saya," Yang Berhormat Muhd Yusuf kelihatan agak sugul sedikit tetapi dia tetap tersenyum. (m/s 66)*



Rajah 4.1. Aktiviti Main Peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah di atas merupakan kedudukan untuk pelajar dalam menjalankan aktiviti main peranan. Kotak A merupakan pelajar manakala kotak B ialah pelajar yang akan menjalankan aktiviti main peranan tersebut. Pelajar di tengah akan melakonkan watak yang yang telah diberikan oleh guru kepada kumpulan tersebut. Pelajar A akan memerhati lakonan yang dilakon oleh rakan mereka yang lain dan kemudian pelajar A akan menjawab soalan yang akan dikemukakan oleh guru. Lakonan yang baik akan membantu pelajar lain memahami watak siapa yang dilakonkan oleh rakan mereka dan dapat menjawab soalan yang dikemukan oleh guru. Dengan menggunakan gambar rajah tersebut, dapat dilihat bahawa aktiviti main peranan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman pelajar dengan apa yang dipelajari oleh mereka malah dapat memperbaiki kemahiran berbahasa mereka dari segi percakapan. Aktiviti main peranan ini dapat meningkatkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan pertuturan pelajar. Sekaligus akan menarik minat pelajar untuk mengetahui apa yang dipelajari oleh mereka di dalam kelas kerana mental pelajar mempunyai keupayaan untuk menganalisis dan juga membuat hipotesis.

Soalan yang kedua pula untuk memperlihatkan sama ada aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang dilakukan oleh guru menarik minat pelajar ataupun tidak dalam kelas. Aktiviti yang menarik dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting untuk meningkatkan kefahaman pelajar dan juga kefahaman bahasa pelajar itu sendiri. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh guru dalam kelas bersama pelajar antara aktiviti ialah Kotak-Ilmu. Aktiviti Kotak-ilmu merupakan aktiviti dalam kumpulan dan dalam satu kumpulan terdapat 4 ahli. Guru akan memberi soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepada pelajar dan setiap kenyataan atau jawapan pelajar akan diletakkan di dalam sebuah bekas kecil ataupun kotak. Setiap pelajar perlu menulis jawapan di atas sehelai kertas dan memasukkannya ke dalam bekas kumpulan. Apabila isyarat diberikan, pelajar akan bergerak ke kumpulan lain dan memberi jawapan sendiri dengan memasukkan jawapan tersebut. Berpandukan isyarat, semua pelajar akan kembali ke tempat masing-masing dan mengumpul jawapan yang disumbangkan oleh semua kumpulan untuk mencari jawapan yang tepat. Contoh soalan untuk aktiviti tersebut ialah bincangkan mobiliti sosial dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur, karya Keris Mas.

Kedudukan Penghulu Mahmud telah berubah dari segi peranan dan kedudukannya setelah dia berjaya dilantik memegang jawatan yang pernah disandang oleh orang tuanya iaitu Orangkaya Datuk Indera Mohd Saman iaitu menjadi salah seorang wakil Sultan DYMM Sultan Perak yang diberi amanah menjaga daerah Kuala Kangsar. Pelantikan Penghulu Mahmud sebagai Orangkaya Datuk Indera Mahmud seperti yang dirancangkan dan diingini oleh Datuk Tan, Encik Muhammad, YB Muhd Yusof dan Sudin agar DYMM Sultan memandang tinggi peranan Penghulu Mahmud dan merestui projek perlombongan yang bakal diusahakan di Lembah Tualang dan Kampung Pulai. Perubahan taraf, pangkat dan status Penghulu Mahmud telah menjadi kebanggaan masyarakat setempat dan kaum keluarga Encik Muhammad kerana jawatan ini seharusnya terus dikekalkan sebagai legasi keluarga mereka sebagai warisan pangkat turun temurun.

Berikut merupakan gambar rajah untuk aktiviti Kotak –ilmu. Maka pelajar perlu berbincang dalam kumpulan jawapan yang sesuai untuk soalan yang diberikan dan kemudian bergerak ke kumpulan yang lain dan meletakkan jawapan masing-masing dalam kotak yang telah diletak di atas meja setiap kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2 .Aktiviti pengajaran (Kotak –ilmu)


Dengan menggunakan aktiviti tersebut, jawapan pelajar yang terdapat dalam kotak ilmu itu akan dipilih oleh ahli kumpulan yang mendapat jawapan tersebut. Maka, pelajar setiap kumpulan akan berbincang dalam kumpulan untuk memilih jawapan yang sesuai untuk soalan yang diberikan oleh guru. Setelah pemilihan jawapan dilakukan, jawapan yang dipilih itu akan dibaca oleh ahli kumpulan tersebut dan dibentangkan di hadapan pelajar yang lain supaya pelajar yang lain dapat mengetahui jawapan yang betul. Aktiviti ini dilaksanakan untuk melihat sama ada aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang dilakukan oleh guru menarik minat pelajar ataupun tidak dalam kelas.

Soalan yang ketiga pula untuk mengetahui sama ada pelajar akan mudah memahami sekiranya guru menjalankan aktiviti bersama pelajar. Aktiviti yang berkesan juga amat penting untuk mengetahui sama ada pelajar dapat memahami apa yang dibincangkan dan juga apa yang diberikan oleh guru dengan kata lain berpusatkan kepada pelajar. Melalui analisis yang telah dilakukan, menunjukkan pelajar kurang memahami apa yang di belajar oleh mereka sekiranya guru menjalankan aktiviti bersama pelajar. Hal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini bermakna guru perlu menjalankan aktiviti yang mudah dan berkesan kepada pelajar supaya pelajar lebih memahami apa yang diajar oleh guru iaitu aktiviti yang berpusatkan kepada pelajar. Pengajaran guru juga perlu lebih bersifat eksentif dan intensif. Guru perlu mengajukan soalan-soalan kefahaman kepada pelajar kerana dengan cara ini juga akan memperlihatkan kemahiran pelajar tersebut. Aktiviti yang menarik dan berkesan perlu supaya semua pelajar dapat mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan oleh guru dan akan memudahkan pelajar memahami apa yang dipelajari oleh mereka malah dapat membantu bahasa pelajar itu sendiri.



Rajah 4.3. Berpusatkan Guru

Berpandukan rajah 4.3 menunjukkan guru dan pelajar. Aktiviti guru akan berpusatkan kepada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Pelajar akan dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu pelajar lemah, sederhana lemah dan pelajar pandai. Hal ini demikian kerana, aktiviti yang dijalankan oleh guru dalam kelas tidak mudah untuk difahami oleh pelajar Sastera. Oleh sebab itu, analisis untuk soalan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat skor yang rendah. Soalan yang diberikan oleh guru perlu bersesuaian dengan tahap pelajar tersebut sama ada mudah untuk difahami ataupun tidak. Contoh soalan ialah menghuraikan latar masyarakat yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto. Antara latar masyarakat yang terdapat dalam Naratif Ogoshoto karya Anwar Ridhwan ialah

1. Masyarakat yang bekerja sebagai nelayan. Contoh pada watak Tuan Kawai dan anak-anak kapal Kawai Maru merupakan nelayan. Contoh peristiwa :

Tuan Kawai mengambil keputusan untuk berlabuh di mana-mana pelabuhan pilihannya. Dalam tempoh itu, Kawai Maru terus sahaja membelah gelombang, menyedut ikan dan hidupan laut yang lain. Kawai Marulah satu-satunya kapal induk di Pasifik, tidak ada raja penangkap ikan saingannya. (m/s 2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Masyarakat yang peramah. Contohnya rakyat Ogonshoto ramah-tamah dan kaya raya dengan cerita. Contoh peristiwa :

Ketika kami bergaul dengan rakyatnya yang ramah-tamah, kami menyedari betapa kaya-raya mereka dengan cerita, yang lain daripada kisah-kisah yang biasa kami dengar. (m/2 6)

Pelajar perlu mengenalpasti dan menganalisis contoh peristiwa yang sesuai untuk setiap latar masyarakat tersebut. Hal ini adalah untuk memudahkan kefahaman pelajar berkaitan dengan soalan tersebut, aktiviti guru perlu lebih mudah untuk menarik minat pelajar dengan menggunakan aktiviti berkumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, soalan yang seterusnya berkaitan dengan aktiviti sumbang saran sama ada menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif sekiranya dilakukan dalam kelas dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Aktiviti sumbang saran berbentuk perbincangan dan membolehkan ahli dalam setiap kumpulan berfikir secara kreatif dan aktif. Dalam aktiviti ini, idea, pendapat dan pandangan yang dikemukakan tidak boleh ditolak, walaupun pandangan tersebut kurang memuaskan dan tidak bermutu. Pandangan tersebut harus diperkemaskan dan diterima oleh guru dan juga pandangan pelajar tersebut perlu diperbaiki supaya pelajar dapat belajar melalui kesilapan mereka. Pelajar-pelajar digalakkan menghuraikan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh pelajar yang lain. Semua pandangan atau pendapat yang telah diperolehi itu harus ditulis di papan tulis dan kemuadian diterangkan kepada rakan yang lain dan juga kepada guru. Contoh soalan untuk aktiviti sumbang saran adalah bincangkan nilai agama yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas. Pelajar akan berbincang dalam kumpulan dan mengenalpasti jawapan yang sesuai untuk soalan yang diberikan oleh guru.

Lebai Maaruf seorang yang amanah dalam melaksanakan ajaran Islam. Lebai Maaruf telah mengajak golongan muda kembali mengamalkan ajaran Islam dengan melaksanakan solat berjemaah. Lebai Maaruf juga telah menentang pembinaan hotel kerana ditakuti akan menggalakkan maksiat di Kampung Tualang.

" Dalam hidup yang macam mana susah pun saya tidak akan berhenti mengajak orang bertakwa kepada Allah. Untuk itu saya bersedia untuk bekerja keras, bekerja mencari rezeki yang halal, tidak kira bertanikah, berjual nasi lemakkah, meneroka tanah FELDAkah. Memang ideal kalau kita menjadi kaya tetapi seruan Allah dan Rasul-Nya. Itulah sebenarnya tujuan hidup kita ini, mengabdi kepada Allah." (m/s 333)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Sumbang Saran

Berdasarkan rajah 4.4 tersebut menunjukkan pelajar berada dalam kumpulan dan akan menjalankan aktiviti sumbang saran berpandukan kepada soalan yang diberikan oleh guru. Dengan aktiviti ini dapat mengalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan berkongsi idea mereka bersama dengan ahli kumpulan masing-masing dan kemudian akan membentang hasil perbincangan mereka dihadapan pelajar yang lain. Aktiviti ini akan memudahkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis malah pelajar yang kurang aktif akan menjadi aktif dalam kumpulan dan pelajar dapat menonjolkan kebolehan masing-masing. Dalam Teori Mentalis, penekanan diberi bukan sahaja untuk prestasi pelajaran tetapi kepada kecekapan pelajar supaya dapat berfikir secara kreatif.

Penjelasan berkaitan dengan soalan yang kelima untuk memperlihatkan sama ada medium yang digunakan oleh guru untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu berkesan ataupun tidak dalam kelas. Medium yang dimaksudkan ialah dari penggunaan komputer iaitu dari segi LCD mahupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan animasi atau multimedia dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Guru menggunakan komputer dan perisian dalam pelbagai kerja yang mereka lakukan seperti pengajaran dan kurikulum. Pengajaran yang menggunakan medium multimedia membantu pelajar mempelajari sesuatu pelajaran. Multimedia selalu digunakan untuk mengawal persembahan maklumat video daripada sumber luaran seperti pita video, audio, grafik atau maklumat berteks. Perkembangan pengajaran dengan menggunakan medium multimedia ini dapat membantu pengajaran dan menggalakkan pelajar untuk belajar.

Dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu, guru boleh mengarahkan pelajar untuk menghasilkan multimedia berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru kepada mereka. Dengan menggunakan multimedia semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dapat meningkatkan kefahaman pelajar untuk memahami jalan cerita novel yang dipelajari oleh pelajar. Hal ini demikian kerana, multimedia membolehkan pelajar mencipta visual mereka sendiri dan menggabungkannya dengan produk mereka atau mereka dapat mencipta sendiri apa yang mereka ingini dengan menggunakan sumber yang sedia ada. Menghasilkan multimedia ini pelajar digalakkan untuk menghasilkan multimedia sendiri supaya pelajar mudah untuk memahami jalan cerita yang dihasilkan oleh mereka. Rajah 4. 5 merupakan prinsip-prinsip yang perlu ada dalam menghasilkan multimedia, iaitu :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Multimedia

Berikut merupakan prinsip-prinsip asas Multimedia yang boleh digunakan sebagai medium pengajaran guru di dalam kelas. Dengan menggunakan prinsip-prinsip tersebut maka medium yang digunakan oleh guru untuk pembelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dapat mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dan memudahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman pelajar bukan sahaja dari segi jalan cerita malah dari segi kefahaman bahasa yang dipelajari oleh pelajar. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa perkara yang penting untuk perkembangan bahasa pelajar iaitu mendengar dengan teliti, mempunyai peluang untuk mendengar dan menjawab malah pembelajaran secara mengajuk, mengulang dan menghafaz. Contoh soalan yang sesuai untuk medium multimedia yang digunakan oleh guru ini iaitu menggunakan multimedia ialah sinopsis Bab 1 hingga Bab 4 untuk novel tingkatan 4 iaitu Naratif Ogonshoto. Pelajar boleh menghasilkan *movie maker* dengan menggunakan peristiwa yang terdapat pada bab 1 hingga bab 4. Hasil *movie maker* pelajar tersebut dapat ditayangkan kepada pelajar yang lain dan juga kepada guru dan dengan cara tersebut memudahkan pelajar untuk memahami cerita novel yang dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan yang terakhir mempelihatkan sama ada teknik pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar adakah dapat menarik minat pelajar contohnya main peranan dan juga bacaan nyaring dalam kelas. Dalam teknik pemusatan pelajar, pelajar memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran dalam kelas. Berdasarkan teknik pembelajaran ini, pelajar digalakkan melibatkan diri secar aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka. Guru merupakan seorang pemimpin yang akan membimbing pelajar untuk menjalankan aktiviti pembelajaran mereka apabila berada di dalam kelas. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, lebih banyak masa akan diperuntukkan kepada aktiviti pembelajaran pelajar. (Mok Soon Sang,2010: 94) Antara aktiviti untuk teknik pembelajaran berpusatkan pelajar ialah main peranan dan juga bacaan nyaring. Dengan menggunakan dua aktiviti tersebut pelajar akan berpeluang berinteraksi di antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar dan guru dapat mengenalpasti kebolehan dan minat yang terdapat pada diri pelajar.

Aktiviti bacaan nyaring ialah kemahiran bahasa yang bercorak produktif yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain iaitu pendengar. Aktiviti bacaan nyaring dianggap sebagai salah satu kemahiran lisan selain daripada mendengar dan juga bertutur. Fungsi aktiviti ini merupakan kemahiran membaca secara reseptif iaitu menerima komunikasi bahasa dan bukannya menghantarnya kepada orang lain. Sekiranya aktiviti bacaan nyaring digunakan kepada pelajar, guru perlu menyampaikan sesuatu yang diajar dengan jelas supaya dapat menarik minat pelajar tersebut. Aktiviti bacaan nyaring ini juga digunakan untuk mengesan dan menganalisis kesilapan kiu dalam bahasa terutamanya pelajar. Menurut Burton, Donelson dan Haley (1975) dalam proses belajar dan mengajar, para pelajar perlu berusaha dengan sendiri bagi meningkatkan tahap pembelajaran mereka. Guru hanya bertindak sebagai pembimbing seperti sebagai pengarah manakala pelajar berperanan sebagai pelakon. Bagi aktiviti main peranan akan melatih bahasa lisan pelajar itu sendiri dan juga pelajar tidak perlu menghafal skrip kerana ia dilakokan secara spontan. Guru akan menerangkan beberapa situasi yang akan dilakonkan oleh pelajar tersebut dan pelajar yang lain akan memahami situasi tersebut. Lakonan pelajar ialah secara spontan dan tidak memerlukan skrip dan lakonan berdasarkan tajuk novel yang dipelajari di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.6. Main Peranan dan Bacaan Nyaring

Contoh soalan yang ialah bincangkan perwatakan watak utama yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan dengan menggunakan aktiviti main peranan dan bacaan nyaring. Pelajar yang lain dikehendaki mengenalpasti watak tersebut dan perwatakan watak yang dipilih oleh mereka. Pelajar perlu mengetahui watak berdasarkan lakonan yang dilakonkan oleh rakan mereka contohnya watak Tuan Kawai dan menghuraikan perwatakan Tuan Kawai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TUAN KAWAI

1. Seorang yang memiliki kapal Kawai Maru.

2. Seorang yang arif tentang perikanan. Tuan Kawai digambarkan seorang yang arif tentang perikanan terutamanya apabila berada di lautan malah tidak seorang pun pengikutnya yang lebih arif daripada Tuan Kawai. Contoh peristiwa :

Tidak seorang pun daripada kami, anak-anak kapalnya, boleh mengatasi pengetahuannya tentang dunia laut dan isinya. Dia telah lama menjadi nelayan pesisir pantai, amat arif tentang selok-belok ternakan hidupan laut dalam…(m/s 2)

3. Seorang nelayan yang menggunakan teknologi moden. Contoh, Tuan Kawai juga digambarkan seorang yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknologi moden yang terdapat dalam kapalnya. Peristiwa yang terdapat pada muka surat 3 :

Sepasang mata Tuan Kawai kembali melihat lautan, membanyangkan gerombolan-gerombolan ikan di dalamnya, kemudian meneliti paparan komputer untuk mengesahkan bacaannya. (m/s 3)

4. Seorang yang tidak pernah serik dalam melakukan sesuatu. Perwatakan Tuan Kawai yang merupakan seorang yang tidak pernah serik untuk menangkap ikan dengan berada di lautan yang penuh dengan gelombang. Contoh peristiwa yang menunjukkan perwatakan Tuan Kawai ialah :

Akan tetapi Tuan Kawai tidak pernah serik untuk berulang-alik ke Ogonshoto, kerana perairannya lubuk ikan luar biasa banyak di Pasifik, dan kualitinya amat tinggi. (m/s 5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Analisis Item Menegaskan Makna

Jadual 4.3 menunjukan analisis deskriptif skor min dan sisihan piawaian bagi item menegaskan makna. Kenyataan “Pelajar dapat memahami penggunaan ayat gramatis dalam ayat” mencatat nilai min tertinggi bagi nilai kepuasan diri dengan bacaan (m=5.21, sisihan piawaian=1.97). Hal ini menunjukan penggunaan ayat gramatis memain peranan untuk menarik minat pelajar. Manakala kenyataan “Penekanan yang diberikan oleh guru kepada pelajar dalam memahami penggunaan bahasa dapat difahami” pula mencatat min terendah iaitu dengan bacaan min (m=3.35, sisihan piawaian=2.10). Namun nilai min masih lagi diklasifikasikan sebagai min tinggi dan mungkin penekanan yang diberikan oleh guru turut membantu sedikit sebanyak dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Kenyataan “Elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa” mencatat nilai min (m=3.56, sisihan piawaian=2.12. Seterusnya kenyataan "Kefahaman struktur bahasa dapat meningkatkan pengetahuan pelajar" mencatat nilai min (m=3.85, sisihan piawaian=1.93) manakala kenyataan “Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat digunakan membantu pelajar memahami bahasa yang digunakan dalam teks.” mencatat nilai min (m=4.57, sisihan piawaian=1.99). Seterusnya kenyataan “Pelajar dapat menguasai bahasa yang terdapat dalam kesusasteraan melayu” mencatat nilai min (m=5.05, sisihan piawaian=1.89).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Analisis Item Menegaskan Makna

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1) Pelajar dapat memahami penggunaan ayat gramatis dalam ayat	5.21	1.97
2) Pelajar dapat menguasai bahasa yang terdapat dalam Kesusasteraan Melayu.	5.05	1.89
3) Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat digunakan membantu pelajar memahami bahasa yang digunakan dalam teks.	4.57	1.99
4) Kefahaman struktur bahasa dapat meningkatkan pengetahuan pelajar.	3.85	1.93
5) Penekanan yang diberikan oleh guru kepada pelajar dalam memahami penggunaan bahasa dapat difahami.	3.55	2.10
6) Elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa.	3.56	2.12

Manakala, bagi jadual 4.3 pula yang berkaitan dengan Analisis Item Menegaskan Makna. Bagi analisis pertama, untuk memperlihatkan sama ada pelajar dapat memahami penggunaan ayat gramatis dalam ayat. Gramatis bermaksud ayat yang betul dari segi struktur ayat dan betul dari segi semantik dalam Kesusasteraan Melayu. Pelajar boleh mengenalpasti penggunaan ayat gramatis yang terdapat dalam novel Kesusasteraan Melayu dengan cara tersebut pelajar dapat memahami jalan cerita untuk novel yang pelajar pelajari sekaligus dapat meningkatkan bahasa pelajar. Seseorang pelajar harus mempunyai strategi bagi memudahkan proses memahami sesuatu bahan bacaan dan mencapai matlamat untuk memahami penggunaan ayat gramatis dalam novel yang dipelajari oleh pelajar. Ayat yang gramatis ialah penggunaan ayat yang kreatif dan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan ayat yang lengkap malah ayat yang bermakna dari segi struktur. Dalam novel yang dipelajari oleh pelajar Tingkatan 6 dan Tingkatan 4 dalam Kesusasteraan Melayu, seringkali menggugurkan bahagian tertentu dalam ayat. Pengguguran itu mungkin dilakukan pada subjek, predikat atau keterangan ayat, sehingga ayat yang tinggal hanya beberapa unsur sahaja, sama ada subjek, predikat atau keterangan.

Oleh sebab itu, pelajar dapat memahami penggunaan ayat gramatis dalam ayat sekiranya penggunaan ayat dalam novel terdapat subjek, predikat atau keterangan ayat. Dalam pengajaran bahasa, pelajar perlu diajarkan dengan ayat-ayat yang gramatis dengan ketepatan pola-pola tertentu. Ayat-ayat yang gramatis ini bererti ayat-ayat yang sempurna bentuk dan maknanya. Namun begitu, dalam Kesusasteraan Melayu pelajar dapat memahami penggunaan ayat gramatis yang terdapat dalam novel Kesusasteraan Melayu contohnya dalam novel Naratif Ogonshoto.

a) Dia akhirnya berjaya memegang tali sauh yang kasar itu. (m/s 10)

b) Ogonshoto berkabung tiga puluh hari. (m/s 19)

Petikan di atas menunjukkan ayat yang gramatis kerana ayat (a) dan ayat (b) yang terdapat subjek dan predikat. Oleh sebab itu, kedua-dua ayat tersebut menyebabkan pelajar dapat memahami maksud yang terdapat dalam ayat tersebut kerana ayat gramatis.

Analisis yang kedua pula untuk mengetahui sama ada pelajar dapat menguasai bahasa yang terdapat dalam Kesusasteraan Melayu. Bahasa yang telah didefinisikan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wilhelm Vom Humboldt (2011) telah menerangkan bahawa bahasa sebagai satu sintesis daripada bunyi yang dibentuk. Bahasa merupakan hasil proses pemikiran dan perkaitan peribadi.Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa dalam novel Kesusasteraan Melayu seringkali menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami sesuatu ayat yang terdapat dalam teks yang dipelajari oleh pelajar tingkatan 4 dan juga tingkatan 6. Penggunaan bahasa yang terdapat dalam novel yang dipelajari agak sukar difahami oleh pelajar dan bahasa yang digunakan juga ialah gramatis. Disebabkan itulah terdapat segelintir pelajar tidak dapat memahami kehendak soalan dan sukar untuk memberi jawapan yang tepat. Bahasa sangat perlu dipelajari, jika tidak pelajar itu tidak dapat menguasai bahasa dengan baik dan dalam teori Mentalis Pemerolehan Bahasa, bahasa diperkenalkan sebelum kanak-kanak mahir atau boleh berbahasa dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab itu, pelajar perlu menguasai bahasa yang terdapat dalam novel yang dipelajari oleh pelajar Tingakatan 6 dan Tingkatan 4 dari segi sebutan pelajar apabila membaca novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur dan juga Naratif Ogonshoto. Sekiranya pelajar mempunyai masalah dari segi berbahasa maka pelajar akan berhadapan dengan kesukaran untuk memahami perkara yang dipelajari oleh mereka. Sekiranya, pelajar tidak menguasai bahasa akan memberi kesukaran kepada pelajar untuk menjawab soalan latihan yang diberikan oleh guru. Contohnya soalan bincangkan kepimpinan yang terdapat pada watak YB Muhd Yusuf dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Untuk menjawab soalan tersebut, pelajar perlu membaca dan memahami cerita Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas dan kemudian mengenalpasti kepimpinan YB Muhd Yusuf yang terdapat dalam novel tersebut. Pelajar bukan sahaja dapat memahami malah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat membetulkan bahasa mereka melalui pembacaan walaupun pelajar tersebut merupakan pelajar tingkatan 6 dan juga berdasarkan Teori Mentalis juga pelajar perlu menegaskan makna dan juga penghuraian bahasa atau isi mestilah berdasarkan lojik.

Kepimpinan YB Muhd Yusuf ialah mempunyai sikap yang telus .YB Muhd Yusuf seorang ahli politik yang jujur. Sebagai wakil rakyat, beliau telah berunding dengan pegawai FELDA untuk memberi penempatan dan tanah kepada para penduduk kampung Pulai yang bakal dipindahkan nanti. Sifat jujurnya dan ingin membantu rakyat miskin untuk membela orang Melayu miskin di kawasan yang diwakilinya supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang selesa. Beliau mempunyai hubungan baik dengan ahli perniagaan kerana mereka mempunyai modal untuk melabur agar mampu membangunkan kawasan yang diwakilinya . Beliau menjalinkan hubungan dengan Tauke Chan yang akan membangunkan kawasan perumahan kos rendah, tetapi ada beberapa syarat daripada Tauke Chan yang tidak menguntungkan penduduk. Oleh sebab itu, beliau menerima tawaran Encik Muhammad yang dilihatnya lebih memberi keuntungan kepada rakyat. Persetujuan YB Muhd Yusuf untuk menerima tawaran syarikat Encik Muhammad untuk membawa pelaburan dalam perlombongan bijih timah di kampung itu bukanlah untuk kepentingan peribadi, tetapi beliau meletakkan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya. Itulah matlamat pembangunan yang ingin dibawa oleh YB Muhd Yusuf, yang perlu generasi jadikan contoh pemimpin yang telus dan tidak memberi kepentingan peribadi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis yang seterusnya pula mempelihatkan sama ada mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat membantu pelajar untuk memahami bahasa yang digunakan dalam teks. Dalam Teori Mentalis telah menekankan bahawa bahasa ialah perangai dan individu lebih banyak belajar melalui pengalaman daripada melalui otaknya. Teori Mentalis tidak mementingkan peranan mental dan perkara yang dikaji ialah data-data, iaitu kalimat-kalimat yang dapat diamati dan diukur oleh pelajar itu sendiri. Memandangkan kemahiran dalam memahami bahasa merupakan perkara yang dipandang sebagai satu kebiasaan, maka satu tabiat mestilah di tanam ke dalam diri pelajar-pelajar itu, iaitu dengan memberi peluang pelajar berlatih berulang kali. Bahasa dikuasai melalui proses pengulangan iaitu mengulang sebanyak mungkin sesuatu kemahiran bahasa itu sehingga menjadi satu kebiasaan pelajar itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar perlu memahami setiap novel yang dipelajari oleh mereka untuk membolehkan pelajar memahami cerita novel yang dipelajari mereka. Hal ini demikian kerana, bahasa yang terdapat dalam teks Saudagar Besar dari Kuala Lumpur dan juga Naratif Ogonshoto agak sukar untuk difahami oleh pelajar tingkatan 4 dan juga pelajar tingkatan 6. Untuk menghuraikan dan mengenalpasti jawapan yang sesuai, pelajar perlu memahami jalan cerita novel yang dipelajari dan juga memahami bahasa yang digunakan dalam teks Naratif Ogonshoto dan juga Saudagar Besar dari Kuala Lumpur supaya pelajar dapat menjawab soalan dengan mudah apa di soal oleh guru. Contohnya, dalam novel Naratif Ogonshoto, pelajar dikehendaki membincangkan persoalan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan . Dengan menggunakan soalan persoalan tersebut, pelajar perlu memahami cerita Naratif Ogonshoto dan memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa yang digunakan dalam cerita tersebut untuk memudahkan pelajar menjawab soalan.

Persoalan tentang nilai sebuah kesetiaan terhadap pemerintah.

Komandon yang merupakan ketua tentera sanggup melakukan apa sahaja kejahatan sehingga sanggup membunuh orang yang tidak berdosa seperti membunuh seorang aktivis sosial demi kesetiannya kepada pemerintah Ogonshoto. Namun, kesetiaannya tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada dirinya. Komandon mati dengan penuh kesengsaraan dan kehinaan tanpa ada sebarang penghormatan dari pemerintah Ogonshoto. (m/s 139)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis yang keempat pula ialah berkaitan dengan kefahaman pelajar dalam struktur bahasa dapat meningkatkan pengetahuan pelajar. Struktur bahasa ialah berkenaan dengan tingkat bahasa yang terdiri daripada fonem, morfem, kata, frasa, klausa, ayat dan wacana. Struktur bahasa wujud akibat daripada adanya aturan-aturan bahasa maka terdapatlah struktur bahasa iaitu ketetapan peristiwa bahasa yang dapat dilihat pada susunan fonem, susunan kata dan susunan frasa. Dari sudut ilmu bahasa, pembicaraan tentang ayat termasuk dalam kajian sintaksis. Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk struktur dan binaan ayat (Tatabahasa Dewan, 1996). Bidang bahasa ini meneliti hal-hal yang berkaitan dengan bagaimana sesuatu ayat dibentuk, bermula dengan penyusunan perkataan untuk membentuk frasa, klausa dan ayat (Ahmad Khair Mohd Nor, 2003:2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan lagi, dalam struktur bahasa ini juga terdapat penggunaan binaan pola ayat yang perlu diketahui dan dipelajari oleh pelajar dalam Kesusasteraan Melayu. Unsur yang mengisi konstituen subjek adalah frasa nama, manakala predikat boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama. Terdapat empat pola ayat dasar dalam bahasa Melayu iaitu:

Frasa nama + frasa nama (FN+FN)	Frasa nama + frasa kerja (FN + FK)
Frasa nama + frasa adjektif (FN + FA)	Frasa nama + frasa sendi nama (FN + FSN)


Berikut merupakan pola ayat yang terdapat dalam Bahasa Melayu dan perlu dilihat dalam Kesusasteraan Melayu. Dalam Kesusasteraan Melayu, pelajar juga perlu mengetahui struktur bahasa yang terdapat dalam novel yang dipelajari oleh pelajar untuk meningkatkan kefahaman bahasa mereka dengan membaca teks novel contohnya novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Pelajar perlu mengenal pasti tema dan persoalan yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam Kesusasteraan Melayu dengan memahami struktur bahasa walaupun dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur tidak semuanya penggunaan ayat mematuhi pola ayat yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Dengan memahami struktur bahasa maka pelajar mendapat pemahaman apabila membaca novel yang dipelajari oleh pelajar. Kesilapan bahasa yang umum dilakukan oleh pelajar perlu diambil kira seperti yang diterangkan dalam Teori Mentalis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis yang kelima pula memperlihatkan sama ada penekanan guru kepada pelajar dalam memahami penggunaan bahasa dapat difahami. Bahasa telah mengalami pelbagai perubahan, baik dari segi landasan falsafah mahupun alirannya. Terdapat bahasa reseptif yang merupakan bahasa yang diterima melalui deria pendengaran dan bacaan bahasa, iaitu ekspresi bahasa yang dihasilkan melalui percakapan dan penulisan (Zamri Mahamod,2007). Dalam soalan penekanan guru kepada pelajar dalam memahami penggunaan bahasa ialah mengandungi unsur estetik atau unsur keindahan. Unsur keindahan itu dicungkil daripada penggunaan daripada penggunaan bahasa, daripada gaya bahasa yang mendasari pengucapan dalam karya yang dipelajari. Hal ini demikian kerana, sifat sastera adalah mementingkan kehalusan dan keindahan dari segi bahasa. Bahasanya indah dengan susunan yang membentuk irama dan bunyi yang menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Gaya bahasa

Rajah 4.7 di atas merupakan beberapa gaya bahasa yang boleh dikaji oleh pelajar dalam novel Kesusasteraan Melayu. Pelajar perlu mengetahui maksud setiap gaya bahasa yang dikenalpasti oleh pelajar itu sendiri untuk memudahkan pelajar mengenalpasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


jawapan yang tepat yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto. Dalam latihan, guru telah menekan kepada pelajar untuk mengenalpasti bahasa yang mempunyai keindahan contohnya personifikasi, hiperbola dan sebagainya yang terdapat dalam novel. Contoh soalan ialah dalam novel tingkatan 4, pelajar dikehendaki mengenalpasti personifikasi ialah sifat manusia kepada bukan manusia, imejan ialah unsur alam yang terdapat dalam novel , hiperbola ialah mengandung penyataan yang berlebihan dengan membesarkan sesuatu hal dan simile adalah perbandingan yang bersifat eksplisit dengan menggunakan kata seperti, sebagai dan sebagainya yang terdapat dalam novel tersebut iaitu novel Naratif Ogonshoto. Dari segi pembelajaran bahasa untuk teori Mentalis, teori ini menekankan kepada pengetahuan seseorang terutamanya kepada pelajar berkaitan dengan memahami penggunaan bahasa yang terdapat dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis yang terakhir pula menyatakan sama ada elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar itu dalam mempelajari teks Kesusasteraan Melayu. Melalui analisis menunjukkan bahawa analisis yang keenam merupakan analisis yang tertinggi. Proses menguasai bahasa sentiasa berterusan dan tidak ada batasannya. Penguasaan bahasa merupakan salah satu proses yang utama (Cook – Gumprez, 1986; Wells, 1990). Penguasaan bahasa yang dipelajari oleh pelajar ini sudah dikuasai oleh pelajar sejak kanak-kanak lagi dan pelajar mempunyai asas bahasa yang kukuh. Dalam kajian penguasaan bahasa pelajar dilihat melalui penggunaan gaya bahasa pelajar itu malah dalam hal ini menunjukkan bahawa elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar. Contohnya, pelajar dikehendaki menyenaraikan gaya bahasa hiperbola dan personifikasi yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam jadual di atas merupakan salah satu elemen sastera iaitu keindahan bahasa yang terdapat dalam Naratif Ogonshoto. Pelajar perlu mengetahui ayat " gema raksasa itu yang menyiat muka lautan" dan "juga ayat Fajar mengecat kaki langit" yang dikategorikan sebagai gaya bahasa jenis apa. Dalam analisis ini merupakan analisis yang tinggi min dan bermakna pelajar dapat menguasai bahasa yang dipelajari mereka dalam kelas malah dapat meningkatkan bahasa mereka. Berdasarkan teori Mentalis, proses berfikir manusia melibatkan operasi mental dengan tujuan untuk mendapatkan pengertian baru daripada maklumat yang sedia ada.

4.2.4 Analisis Item Mencerna Idea

Jadual 4.4 menunjukan analisis deskritif skor min dan sisihan piawaian bagi item nilai pencapaian prestasi diri. Kenyataan "Pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis semasa pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu." mencatat nilai min tertinggi bagi nilai kepuasan diri dengan bacaan (m=4.57, sisihan piawaian=2.01). Manakala kenyataan "Pelajar yang pasif akan menjadi pelajar yang aktif didalam kelas." pula mencatat min terendah iaitu dengan bacaan min (m=3.99, sisihan piawaian=.1.81).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun nilai min masih lagi diklasifikasikan sebagai min tinggi. Kenyataan "Pelajar dapat mengeluar idea semasa pengajaran dan pembelajaran." mencatat nilai min (m=4.30, sisihan piawaian=1.87). Seterusnya kenyataan "Masalah dapat diselesaikan secara individu" mencatat nilai min (m=4.17, sisihan piawaian=1.88), kenyataan "Pelajar mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah secara berkumpulan mencatat nilai min (m=4.41, sisihan piawaian= 1.99) manakala kenyataan "Pelajar yang pasif akan menjadi pelajar yang aktif didalam kelas." mencatat nilai min (m=3.99, sisihan piawaian=1.81).

Jadual 4.4

Analisis Item Mencerna Idea

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1) Pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu	4.57	2.01
2) Pelajar dapat menyelesaikan masalah iaitu menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru.	4.40	1.93
3) Pelajar dapat mengeluar idea semasa pengajaran dan pembelajaran.	4.30	1.87
c) Masalah dapat diselesaikan secara individu.	4.17	1.88
5) Pelajar yang pasif akan menjadi pelajar yang aktif di dalam kelas.	3.99	1.81
6) Pelajar mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah secara berkumpulan.	4.41	1.99

Analisis 4.4 Analisis Item Mencerna Idea pula mempunyai 6 soalan yang akan diterangkan oleh pengkaji. Bagi analisis pertama, untuk mengetahui sama ada pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat membentuk ayat yang gramatis semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Jika dilihat pada sisihan piawai menunjukkan pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis. Masyarakat yakin bahawa kita sememangnya menggunakan ayat dalam komunikasi dan perkara ini tergambar dalam definisi tradisional ayat sebagai 'pengungkapan suatu pemikiran yang sempurna'. Dalam pertuturan seharian kita terutamanya pelajar, mereka mudah membuat kesalahan kerana ingatan yang singkat atau tidak memberi perhatian berat bagi mengeluarkan ayat-ayat yang lengkap dan juga ayat yang gramatis (F.R Palmer,1992:42). Dalam membentuk ayat yang gramatis, pelajar perlu membina ayat yang lengkap untuk membincangkan makna.

Ayat yang gramatis merupakan ayat yang lengkap dari segi maknanya dan juga lengkap ayat, contoh soalan ialah pelajar tingkatan 6 dikehendaki membentuk ayat yang gramatis iaitu yang lengkap untuk menghasilkan jawapan yang betul dan bahasa yang mudah untuk dibaca seperti contoh yang diambil dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur.

Analisis yang kedua pula berkaitan dengan sama ada pelajar dapat menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru kepada pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Hal ini demikian kerana, terdapat segelintir pelajar tidak dapat menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru kepada pelajar. Hal ini kerana terdapat pelajar yang mempunyai keyakinan yang rendah untuk menyelesaikan masalah atau soalan yang diberikan oleh guru. Dalam Pemerolehan Bahasa yang mengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketidakcekapan bahasa kanak-kanak namun dalam kajian ini mengkaji untuk ketidakcekapan bahasa pelajar sekolah menengah untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Berdasarkan Teori Mentalis, ketidakcekapan bahasa pelajar tidak boleh diperbaiki atau diubati dengan terapi pertuturan kecuali dengan pemahaman lebih baik dengan ini memudahkan pelajar untuk menyelesaikan masalah atau soalan yang diberikan oleh guru.

Contohnya pelajar dikehendaki mengenal pasti nilai keagamaan dalam usaha mendidik insan dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas.

Nilai keagamaan yang terdapat dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur ialah mengerjakan ibadah solat. Lebai Maarup digambarkan seorang yang taat mengerjakan ibadah solat dan berusaha mengajak masyarakat kampung khususnya pemuda untuk sama-sama meramaikan surau kampung itu dengan berjemaah. Watak-watak lain yang digambarkan taat mengerjakan solat di surau ialah Imam Saad, Bilal Endut, Tuk Empat Dahlan dan Kemat Jerangkung.


Guru perlu memantau pelajar dan melihat sama ada pelajar dapat menyelesaikan latihan yang diberikan oleh guru dengan mengenal pasti dan menghuraikan soalan tersebut dengan jawapan yang sesuai. Sekiranya pelajar tidak dapat menyelesaikan masalah atau soalan yang diberikan oleh guru, guru perlu memberi isi pertama sebagai contoh kepada pelajar untuk mengenalpasti jawapan yang sesuai dan kemudian mengarahkan pelajar untuk membentangkan hasil jawapan mereka tadi. Pembentangan individu perlu dilaksanakan oleh guru supaya guru dapat mengenalpasti sama ada pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat menyelesaikan masalah atau soalan yang diberikan oleh guru ataupun tidak. Perkara ini dapat dikaitkan dengan golongan Mentalis bahawa pembelajaran bahasa dapat diterangkan sebagai proses penyelesaian masalah.

Tambahan lagi, bagi analisis ketiga pula menerangkan sama ada pelajar dapat mengeluarkan idea mereka semasa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas terutama apabila disoal oleh guru atau pun dalam perbincangan kumpulan. Pelajar tingkatan enam dan pelajar tingakatan empat ini mempunyai pelbagai latar belakang dari segi bahasa dan juga kemahiran berfikir pelajar itu sendiri. Semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, pelajar perlu bersifat aktif untuk mengeluarkan idea masing-masing supaya terdapat kepelbagaian jawapan untuk dipilih ataupun dibentangkan. Hal ini demikian kerana untuk melihat sama ada pelajar dapat memberikan idea yang bernas ataupun tidak berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru. Contohnya pelajar dikehendaki menyenaraikan watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan dengan menghuraikan perwatakan tersebut.



Rajah 4.8. Mengeluarkan idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NAKHODA BAHTERA

- Seorang berumur akhir lima puluhan.
- Mempunyai pengetahuan waktu yang sesuai untuk belayar. Contohnya, dia membuat perkiraan waktu yang sesuai untuk mula belayar mengikut cara perhitungan orang tua di Ogonshoto iaitu apabila fajar menyinsing.

  Dia sudah membuat perkiraan baik buruk untuk tiap-tiap hari bulan mengikut cara perhitungan orang-orang tua Ogonshoto. Esoklah hari yang paling sesuai. Bangun dewi fajar dan luncur bahtera atas galangan, dua gerak serentak yang saling membawa makna. (m/s 149)
- Prihatin akan nasib orang lain. Nakhoda Bahtera digambarkan seorang yang prihatin dengan orang lain. Contoh peristiwa :

  Dua wanita dan dua lelaki itu penumpang akhirnya, fikir nakhoda. Walau apa pun latar belakang mereka, mereka wajar diselamatkan daripada malapetaka yang bakal terjadi. (m/s 161)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia (Pencipta Kamera Eksperimental)

- Menuntu keadilan. Dia telah menuntut keadilan demi abangnya yang telah mati dibunuh oleh komandon. Peristiwa tersebut dapat dilihat pada muka surat 146:

  Dia telah menyerahkan tiga keeping foto dna pita suara sebagai bahan bukti laporan rasminya. Keadilan mesti ditegakkan dengan membawa bekas komandan dan tentera yang kelihatan dalam foto itu ke muka pengadilan. Hanya mereka yang tahu sama ada pembunuhan abang tuanya angkara perbuatan mereka atau atas arahan pihak lain.

- Seorang yang berhati-hati. Dia digambarkan seorang yang berhati-hati dalam membuat perancangan apabila hendak menuntut keadilan kematian abangnya. Contoh peristiwa yang menunjukkan dia seorang yang berhati-hati ialah :

  “ Mungkin aku boleh mencubanya. Tapi sebelum itu aku ingin menyiapkan kertas panduan cara-cara menggunakan kamera ini. Jika sesuatu terjadi ke atas diriku, kamera ini aku amanahkan kepadamu.”(m/s 145)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Petikan di atas menunjukkan perbincangan dijalankan oleh pelajar dan guru perlu mengawasi setiap pelajar untuk memastikan pelajar mengeluarkan dan menyumbang idea bersama ahli kumpulan semasa perbincangan dalam kumpulan. Dalam hal ini, guru akan menjadi mentor kepada pelajar dan akan membantu pelajar sekiranya mempunyai kesilapan dalam jawapan pelajar. Dengan mengeluarkan idea pelajar masing-masing, bahasa pelajar dapat dipelbaiki kerana masih terdapat pelajar yang berhadapan dengan masalah bahasa apabila mencerna idea mereka dan masih terdapat pelajar yang tidak dapat menyusun ayat untuk jawapan mereka.

Analisis yang keempat pula memperlihatkan sama ada pelajar dapat menyelesaikan masalah secara individu ataupun tidak sekiranya pelajar diberikan soalan oleh guru. Dalam kelas, pelajar berperanan sebagai pendengar dan pelaku perbuatan. Pelajar akan mendengar dengan teliti dan akan memberi maklum balas terhadap arahan yang diberikan oleh guru kepada pelajar. Maklum balas tersebut adalah untuk melihat sama ada pelajar dapat menyelesaikan masalah yang diberikan ataupun tidak. Pelajar diharapkan supaya dapat memberi maklum balas terhadap setiap arahan yang diberikan oleh guru mereka. Hal ini demikian kerana terdapat segelintir pelajar tidak dapat menyelesaikan masalah secara individu kerana pelajar kurang memahami kehendak soalan ataupun masih tidak dapat mengingati sinopsis untuk novel yang dibaca oleh pelajar. Dalam kalangan pelajar juga terdapat pelajar yang lemah dan pelajar yang bijak iaitu yang berlainan tahap pemikiran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah pelajar untuk menyelesaikan masalah secara individu akan menyebabkan penguasaan bahasa pelajar itu sendiri akan berkurangan dari segi penguasaan bahasa seperti yang terdapat dalam Pemerolehan Bahasa. Apabila pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami soalan, pelajar sebenarnya keliru dengan konteks soalan. Para pelajar pula berbeza dari segi stail pembelajaran, pengalaman lepas dan kemampuan dalam menyelesaikan masalah. Sesuatu masalah itu didefinisikan sebagai situasi yang memerlukan satu bentuk tindakan yang pada awalnya belum lagi dikenal pasti oleh pemerhati. Pelajar terutamanya memilih satu cara yang paling munasabah atau mencuba beberapa cara untuk menyelesaikan masalah berkenaan. (Rashidi Azizan,1995: 36)

Contohnya guru memberikan soalan kepada pelajar yang dikehendaki untuk mengenalpasti ekonomi sara diri yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Pelajar perlu mengenalpasti ekonomi sara diri yang terdapat dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas.

Pengagihan sumber ekonomi pula dijelaskan melalui kegiatan perdagangan sehingga kepada kegiatan eksport ke luar negara. Perniagaan ini mempunyai skala yang lebih besar berbanding tanaman orkid Cik Puan Tipah. Rancangan Encik Muhammad dan Datuk Tan (Tan Chong Seng) yang telah mengeksport lada hitam ke luar negara merupakan bukti kegiatan ekonomi yang terdapat dalam novel ini.

Latihan atau aktiviti tersebut akan dilakukan secara individu oleh pelajar dengan merujuk kepada buku dan guru hanya memberikan isi utama kepada pelajar supaya pelajar menghuraikan isi tersebut dan guru akan memberikan masa untuk pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjawab soalan latihan. Dengan cara tersebut, guru dapat melihat sama ada pelajar dapat menyelesaikan masalah secara indvidu ataupun tidak. Menyelesaikan masalah secara indvidu dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan guru dapat mengenalpasti kelemahan dan kebolehan pelajar. Dalam teori Mentalis, pelajar perlu mengetahui adakah hipotesis mereka betul atau salah dan guru berfungsi sebagai pakar rujukan pelajar.


Analisis yang seterusnya menjelaskan sama ada pelajar yang pasif dapat menjadi pelajar yang aktif apabila guru menjalankan aktiviti dalam kelas atau bersoal jawab di dalam kelas terutama untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana, aktiviti yang dijalankan adalah untuk melihat atau mengenal pasti sama ada pelajar yang pasif dapat menjadi pelajar yang aktif di dalam kelas supaya pelajar membiasakan diri dengan keadaan sosial di luar bilik darjah. Pelajar diberikan peluang untuk bekerjasama, berlatih mengembangkan potensi, mempunyai semangat dan berkeyakinan untuk melakukan aktiviti bersama pelajar-pelajar yang lain.

Contoh aktiviti yang dijalankan oleh guru ialah Tulis-Cepat, pelajar dikehendaki menulis cepat jawapan berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru dalam masa yang telah ditetapkan. Pelajar akan dibahagikan dalam kumpulan, pelajar akan menulis idea pada sekeping kertas kecil secepat yang mungkin. Pelajar akan membaca idea yang mereka perolehi dengan kuat dan meletakkan kertas mereka di tengah-tengah kertas yang besar iaitu kertas lukisan. Pelajar yang lain tidak boleh mencatat idea yang sama. Dalam aktiviti ini pelajar perlu meneruskan aktiviti sehingga pelajar tidak dapat memberikan idea baharu ataupun sehingga isyarat tamat diberikan oleh guru kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan isyarat tersebut, pelajar perlu berbincang dalam kumpulan dan menyusun idea-idea pada kertas kecil dan mengumpulkannya mengikut kriteria yang telah diberikan oleh guru atau yang telah dipersetujui oleh semua ahli kumpulan.



Rajah 4.9. Aktiviti Tulis-Cepat-cepat

Contoh soalan ialah menyimpulkan bahawa dalam usaha mencari kekayaan dan kemajuan, asas keagamaan harus dikuatkan supaya arah kemajuan yang hendak dicapai tidak menghancurkan agama dan bangsa. Soalan tersebut mengkehendakan pelajar mengenalpasti kepentingan agama yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas dan menghuraikannya. Dengan menggunakan aktiviti Tulis-Cepat, pelajar yang pasif berkemungkinan akan menjadi aktif dalam perbincangan kumpulan untuk memberikan idea dan berkongsi idea bersama pelajar yang lain.

Menuntut ilmu berkaitan agama merupakan satu keperluan dalam membangunkan insan kea rah kehidupan yang lebih baik. Tanpa mempelajari ilmu agama seseorang mungkin mudah terlibat dengan perkara-perkara yang negatif. Contohnya, Gayah yang belajar mengaji al-Quran dengan Imam Saad sehingga menyebabkan dia menjadi pilihan Imam Saad dan Mak Minah untuk dijadikan menantu. (m/s 101)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi analisis yang terakhir memperjelaskan sama ada pelajar mampu menyelesaikan masalah secara berkumpulan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Melalui aktiviti ini, peranan guru hanyalah sebagai pemantau dalam kelas dan sebagai pemimpin yang sentiasa memandu pelajar untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah disediakan oleh guru secara berkesan. Perbincangan kumpulan lebih mudah dilakukan untuk menyelesaikan masalah atau menyelesaikan latihan yang diberikan oleh guru, kerana pelajar dapat berbincang bersama-sama rakan untuk menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru dengan mudah. Hal ini demikian kerana, setiap ahli dalam kumpulan mempunyai kemampuan berfikir masing-masing dengan berinteraksi antara satu sama lain. Membina satu perhubungan yang baik dan dalam kalangan pelajar adalah sangat mustahak kerana bahasa adalah untuk komunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, guru akan melihat sama ada pelajar dapat menyelesaikan masalah secara berkumpulan semasa pengajaran Kesusasteraan Melayu kerana dalam Teori Mentalis Pemerolehan Bahasa, pelajar sememangnya suka meniru dan dengan sekali pandang pelajar tidak dapat menangkap apa yang dipelajari. Begitulah dengan penguasaan pelajar terhadap bahasa. Menyelesaikan masalah secara berkumpulan juga beerti pelajar bekerja dalam kumpulan. Setiap pelajar dalam kumpulan mesti ada perasaan bertanggungjawab dan berkeyakinan . Menyelesaikan masalah dalam kumpulan dapat membantu pelajar lebih bebas dan yakin malah pada masa yang sama belajar untuk bergantung antara satu sama lain. (Rahil Mahyuddin, 2009: 45)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pelajar secara berkumpulan iaitu melalui analisis yang dilakukan memperlihatkan pelajar dapat menyelesaikan masalah dalam kumpulan. Pembelajaran berkumpulan adalah cara untuk memupuk sikap dan semangat bekerjasama dalam kalangan pelajar semasa mereka belajar. Pelajar-pelajar yang mempunyai minat dan kebolehan yang berbeza bekerja sebagai satu pasukan untuk menyelesaikan sesuatua masalah. Pembelajaran berkumpulan merupakan saluran yang tepat untuk memupuk sikap saling menghormati di samping menghasilkan pembelajaran yang menyeronokkan dalam kelas (Rashidi Azizan, 1995:68). Menyelesaikan masalah secara berkumpulan ini juga dapat menekankan matlamat dan juga pencapaian kumpulan yang akan dapat dicapai sekiranya pelajar belajar semua objektif yang diajar oleh guru. Penyelesaian masalah dalam kumpulan memastikan setiap individu dalam kumpulan sentiasa bersedia apabila soalan diberikan oleh guru (Rahil Mahyuddin,2009:36)

Antara aktiviti yang sesuai digunakan oleh guru untuk menyelesaikan masalah dalam kumpulan ialah aktiviti Kongsi-Bergilir. Aktiviti kongsi-bergilir merupakan aktiviti dalam kumpulan, guru akan mengajukan soalan dan pelajar melakukan aktiviti secara berkumpulan kemudian pelajar akan bergilir memberikan jawapan sama ada secara lisan atau bertulis. Guru akan memberikan soalan huraikan latar masyarakat yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.

Latar Masyarakat

- Masyarakat yang tolong menolong. Mereka telah bekerjasama menyiapkan bahtera sebelum belayar. Contoh peristiwa:

  Siang malam para pengikutnya berusaha menyiapkan bahtera itu. Dia hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melelapkan mata kira-kira empat jam setiap malam. (m/s 155)


- Masyarakat menjadikan warung sebagai tampat lelaki desa berkumpul. Contoh peristiwa ialah :

  Berita baharu, cerita lucu, carut lelaki, semua bermula di warung itu, berbaur dengan bau kopi atau nikotin. Lampu-lamu hurricane menerangi warung. (m/s 151)

- Masyarakat yang suka mengejek. Dalam novel ini terdapat peristiwa yang mengambarkan masyarakat yang suka mengejek orang lain. Contohnya :

  Tidak seorang pun yang nampaknya percaya akan ceritanya. Empat orang lelaki yang tadi rancak berbual dan ketawa, malah mula mengejeknya. (m/s 151)

Berdasarkan soalan tersebut, pelajar perlu mengenalpasti jawapan yang sesuai untuk latar masyarakat dalam novel Naratif Ogonshoro dan berbincang dalam kumpulan dan guru hanya akan memantau perbincangan pelajar. Selesai perbincangan, pelajar akan membentang hasil perbincangan mereka. Dalam Teori Mentalis pemerolehan bahasa pelajar akan menjadi pendengar yang baik dan juga mempunyai peluang untuk mendengar dan juga menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru.



Rajah 4.10. Aktiviti Kongsi-Bergilir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5 Analisis Item Struktur

Jadual 4.5 menunjukkan analisis kekerapan bagi setiap item nilai kegembiraan. Skor min yang tertinggi adalah bagi kenyataan “Pelajar dapat memberi contoh berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru” iaitu (m=4.56, sisihan piawaian=1.83). Manakala min yang terendah adalah kenyataan “Latihan yang diberikan dapat membantu pelajar dalam memahami kesusasteraan melayu” dengan kutipan nilai (m=3.45, sisihan piawaian=1.86). Namun begitu nilai min masih diklasifikasikan sebagai min tinggi. Kenyataan “Pelajar dapat meningkatkan pengetahuan pelajar” mencatat nilai min (m=4.21, sisihan piawaian=1.86), kenyataan "Pelajar dapat menghuraikan soalan yang diberikan oleh guru." mencatat nilai min (m=4.20, sisihan piawaian=1.85) dan dikuti dengan kenyataan “Pembentukan ayat gramatis meningkatkan pengetahuan pelajar” dengan nilai min (m=4.10, sisihan piawaian=1.8). Bagi kenyataan “Guru seringkali memberi latihan kepada pelajar” mencatat nilai min (m=3.48, sisihan piawaian=1.81).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Analisis Item Struktur

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1) Guru seringkali memberi latihan kepada pelajar	3.48	1.81
2) Latihan yang diberikan dapat membantu pelajar dalam memahami Kesusasteraan Melayu	3.45	1.86
3) Pelajar dapat meningkatkan pengetahuan pelajar	4.21	1.86
4) Pelajar dapat menghuraikan soalan yang diberikan oleh guru.	4.20	1.85
5) Pelajar dapat memberi contoh berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru.	4.56	1.93
6)Pembentukan ayat gramatis meningkatkan pengetahuan pelajar	4.10	1.82

Selain itu, Jadual 4.5 Analisis Item Struktur pula mempunyai 6 soalan yang dikaji oleh pengkaji. Soalan pertama yang menjelaskan sama ada guru seringkali memberi latihan kepada pelajar terutamanya dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Latihan bertujuan untuk melihat tahap kefahaman dan kecekapan pelajar dalam sesuatu topik. Latihan merupakan salah satu cara mengajar dengan mengulang-ulang fakta atau sesuatu kecekapan yang diajar. Memberi latihan merupakan sebahagian daripada untuk meningkatkan kemahiran atau mengingatkan sesuatu yang dipelajari oleh mereka. Tujuan latihan ini ialah untuk mencapai taraf kemahiran yang maksimum dan menjadikan apa sahaja yang dipelajari oleh pelajar supaya kekal dalam ingatan mereka. Tetapi dalam sisihan untuk piawai guru seringkali memberi latihan kepada pelajar memperlihatkan piawai yang rendah antara 6 soalan untuk Analisis Item Struktur. Hal ini menampakkan bahawa guru kurang memberi latihan untuk subjek Kesusasteraan Melayu kepada pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk meningkatkan kemahiran berfikir pelajar dan juga kemahiran berbahasa pelajar tersebut.

Latihan yang disediakan dapat meningkatkan kefahaman serta mengingati fakta, menghubungkaitkan fakta tersebut dan membina suatu kemahiran melaluinya. Pelajar harus terlebih dahulu didedahkan kepada bahan pelajaran atau mengalami proses pembelajaran. Setiap latihan yang diberikan kepada pelajar perlu disemak oleh guru dan membuat pembetulan bersama pelajar supaya pelajar mengetahui kesilapan yang dilakukan oleh mereka. Contoh soalan yang boleh diberikan latihan kepada pelajar ialah bincangkan mesej yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mesej dalam Novel Naratif Ogonshoto

- Hendaklah tolong-menolong dalam masyarakat. Terdapat masyarakat yang bergotong royong untuk melakukan sesuatu. Contohnya :

  Lelaki itu mengarahkan para pengikutnya bekerja. Gali perigi. Bina bangsal pekerja. Dirikan gudang menyimpan segala alat utas. (m/s 154)

- Hendaklah berani menempuh cabaran. Dalam novel ini terdapat peristiwa watak yang berani menempuh cabaran.

  Dia akhirnya berjaya memegang tali sauh yang kasar itu. Mainan batang ombak yang menolaknya dirasakan seolah-olah paus terserampang sedang menarik tali serampagnya. (m/s 10)

Pelajar akan membuat latihan yang berkaitan dengan pengajaran dan pelajar akan mengenalpasti peristiwa yang bersesuaian untuk pengajaran yang pelajar perolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latihan yang diberikan dapat membaiki kelemahan pelajar dan juga memberi pengetahuan kepada pelajar berkaitan dengan cara menjawab soalan. Hal ini demikian kerana Teori Mentalis dari pembelajaran bahasa, teori ini menekan kepada pengetahuan seseorang bermakna pelajar dengan membuat latihan akan lebih berpengetahuan berkaitan dengan mesej yang terdapat dalam novel.

Soalan yang seterusnya ialah untuk mengetahui sama ada latihan yang diberikan oleh guru dapat membantu pelajar memahami Kesusasteraan Melayu. Latihan merupakan satu cara untuk membantu pelajar meningkatkan kefahaman pelajar untuk mempelajari Kesusasteraan Melayu. Latihan yang diberikan kepada pelajar harus dipantau oleh guru supaya dibuat oleh pelajar dan guru dapat membantu pelajar untuk memahami Kesusasteraan Melayu. Dalam pemerolehan bahasa, pengajaran harus disertai oleh latihan supaya aspek bahasa yang diajarkan dapat dimantapkan dalam fikiran dan menggalakkan pelajar menggunakan kreativiti untuk membuat ayat baru berdasarkan isi pelajaran dan juga aspek bahasa yang diajarkan (Zamri Mahamod, 2007). Hal ini demikian kerana, terdapat segelintir pelajar kurang memahami soalan yang diberikan oleh guru kepada pelajar. Guru memainkan peranan penting dalam menimbulkan suasana pembelajaran yang aktif dalam sesuatu pengajaran Kesusasteraan Melayu.

Contohnya pelajar dikehendaki membincangkan mobiliti sosial dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur, karya Keris Mas. Pelajar perlu mengenalpasti mobiliti sosial yang terdapat dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur dan juga menghuraikan peristiwa tersebut. Dengan menggunakan soalan tersebut guru dapat mengenalpasti sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ada latihan yang diberikan itu dapat membantu pelajar untuk memahami kehendak soalan ataupun tidak. Bukan sahaja memahami kehendak soalan malah memahami jalan cerita untuk Saudagar Besar dari Kuala Lumpur sekaligus dapat meningkatkan kefahaman pelajar.

Sudin telah berjaya menempatkan diri dalam kelompok elit walaupun pada asalnya dia daripada golongan masyarakat biasa (bawahan) tetapi berubah menjadi anak saudara kepada Encik Muhammad bin Idris dan Penghulu Mahmud setelah dia mengahwini Gayah (salah seorang anak kakak Encik Muhammad dan Penghulu Mahmud) Hidup Sudin tidak tentu arah dan dia pernah menjadi "tahi judi" dan "kaki botol" tetapi berubah setelah Encik Muhammad Idris bijak menilai bakat dan kemampuan Sudin yang mempunyai latar belakang bisnes kerana pernah menjadi "broker tanah" dan "broker kereta" di Kuala Lumpur. Hidup Sudin juga berubah setelah dia berkahwin dengan Gayah apabila dia menjadi orang kepercayaan Encik Muhammad untuk mengatur strategi membeli tanah orang Pekan Tualang dan berusaha memindahkan orang Kampung Pulai ke tanah rancangan FELDA bagi membolehkan mereka mengusahakan Syarikat Lombong Lembah Tualang.


Soalan yang ketiga adalah untuk mengetahui sama ada pelajar dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dengan adanya latihan atau penerangan yang diberikan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Sebagai seorang guru, guru akan cuba mengenal pasti keperluan pelajar dalam mempelajari bahasa (Asmah Haji Omar, 1984). Latih tubi atau latihan hendaklah dalam keadaan yang bermakna supaya tidak membosankan pelajar untuk mempelajari Kesusasteraan Melayu. Latihan penting untuk meningkatkan pengetahuan pelajar untuk memahami kehendak soalan dan cara menghuraikan isi jawapan berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada pelajar. Penerangan daripada guru juga penting supaya pelajar memahami apa yang dipelajari oleh mereka semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Tanpa penerangan daripada guru, pelajar tidak akan dapat menguasai sesuatu gaya bahasa dengan mudah kerana dalam teori Mentalis yang menerangkan bahawa proses yang berlaku di dalam otak dan saraf itu membolehkan pembentukan dan juga penghasilan bahasa manusia.

Contohnya, guru menerangkan cara untuk mengenalpasti gaya bahasa yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto iaitu gaya bahasa personifikasi, metafora, hiperbola dan memberi latihan kepada pelajar berkaitan dengan gaya bahasa yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto. Dengan adanya latihan tersebut dapat meningkatkan pengetahuan kepada pelajar kerana masih terdapat pelajar yang tidak dapat mengenal pasti gaya bahasa apabila membuat latihan.



Bagi soalan yang keempat pula untuk mengetahui pelajar sama ada pelajar dapat menghuraikan soalan yang diberikan oleh guru. Setiap soalan atau latihan yang diberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh guru memerlukan huraian iaitu sebagai bukti untuk jawapan yang diperolehi oleh pelajar. Proses-proses mental juga telah digambarkan sebagai suatu proses yang dapat dilakukan oleh seseorang pendengar apabila mendengar sesuatu ujaran atapun pertuturan. Dari segi pemerolehan bahasa, teori ini menekankan kepada pengetahuan seseorang. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, guru perlu menyedari kebolehan pelajar untuk menghuraikan soalan yang diberikan oleh guru dan juga membolehkan pelajar menganalisis pertuturan mereka sebelum menghuraikan soalan.

Contoh soalan ialah nyatakan gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh YB Muhd Yusuf dan huraikan gaya kepimpinan tersebut yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Berdasarkan soalan yang diberikan tersebut, pelajar perlu menghuraikan gaya kepimpinan yang terdapat dalam novel tersebut dengan mengemukakan isi yang tepat supaya jawapan pelajar tidak terkeluar daripada kehendak soalan. Sekaligus guru dapat melihat sama ada pelajar dapat menghuraikan isi ataupun tidak dan peristiwa yang ditulis oleh pelajar itu bersesuaian untuk fakta yang telah dipilih oleh pelajar.

Sekiranya meneliti proses kepimpinan di Kampung Tualang, didapati YB Muhamad Yusuf adalah merupakan seorang pemimpin setempat yang berkaitan dengan politik. Kepimpinan YB Muhamad Yusuf sangat berkesan ketika mempengaruhi rakyat setempat supaya mengikuti rancangan pembangunan di kampung berkenaan. Beliau mampu mempengaruhi penduduk kampung agar menerima cadangan supaya berpindah ke rancangan Felda. Beliau sering hadir dalam perjumpaan di kampung dan seluruh pengikutnya di kampung mendengar ucapan dan idea beliau tentang pembangunan kampong.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi soalan yang kelima pula untuk mengetahui sama ada pelajar dapat memberikan contoh yang sesuai berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru. Setiap soalan yang dikemukakan oleh guru kepada pelajar memerlukan contoh yang sesuai berdasarkan soalan. Sekiranya contoh yang diberikan oleh pelajar tidak sesuai maka guru akan memberikan latihan yang banyak kepada pelajar dan perlu memahami jalan cerita novel yang dipelajari oleh pelajar. Dengan latihan yang banyak, pelajar akan mudah untuk mengingati apa yang dipelajari oleh mereka semasa di dalam kelas. Hal ini demikian kerana, berdasarkan Teori Mentalis proses pembelajaran akan lebih bersifat sistematik dan juga guru dapat mengawal kemajuan pembelajaran pelajar. Contohnya nyatakan latar tempat dan latar masyarakat yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto, maka pelajar perlu memberikan contoh yang berkaitan dengan latar tempat dan latar masyarakat dengan memberi contoh yang sesuai berdasarkan soalan yang diberikan.

Latar Tempat

BAB 5 : MAINAN

Latar tempat :

Banaba, Kiribati, Lautan Pasifik, Pantai Banaba, Tarawa, Gereja Kecil di Banaba, Pantai barat Gora-Gora, Hospital Tubua, bangunan kompleks istana Presiden, stor peralatan sukan, stor pemakanan istana, kaki Gunung Berapi Gora-Gora, kaki Gunung Berapi Futu-Ata, kaki Gunung Berapi Rai-Rapa, hutan

Seorang anak muda yang pintar dari Banaba telah hanyut di laut selama 60 hari. Beliau akhirnya ditemui terdampar di pantai Ogonshoto. Presiden telah menggambilnya menjadi anak angkat dan peristiwa tersebut mendapat liputan besar-besaran. Selain untuk mendapat nama, pekara tesebut merupakan simbolik sokongan Ogonshoto terhadap Banaba untuk keluar daripada jajahan Kiribati. Pemuda itu hanya menurut sahaja arahan Presiden dan tidak pernah menunjukkan kepintarannya. Dia juga telah diberi layanan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan istimewa sebagai ahli keluarga Presiden.

Latar Masyarakat

- Masyarakat yang menolak pembangunan. Terdapat segelintir masyarakat yang tidak mahu pembangunan yang terdapat dalam novel ini. Contohnya,

  " Apa gunanya membangunkan hulu Tubua," tuan rumah mula menerangkan. " Lebih-lebih lagi untuk keperluan pelancong dan perjudian saja. Siapakah yang akan dating berjudi di hulu Tubua? (m/s 48)

- Masyarakat yang bekerjasama dalam menjayakan sesuatu upacara. Dalam novel ini terselit masyarakat yang saling bekerjasama untuk menjayakan sesuatu upacara bersama-sama. Contohnya :


  Tengah hari itu para tetangganya mula menolong mengatur kerusi meja. Setiap meja beralas kain putih, cukup dengan piring, pinggan, mangkuk sup, pisau dan garpu. Di dapur, ada yang membantu guru kidal itu membakar roti dan menyediakan sup serta salad. (m/s 129)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Soalan yang terakhir adalah untuk mengetahui sama ada pelajar dapat membentuk ayat gramatis dalam meningkatkan pengetahuan pelajar terutamanya dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Pembentukan ayat gramatis ini berdasarkan kebolehan dan kefahaman pelajar untuk mengenal pasti ayat gramatis yang terdapat dalam novel yang dipelajari oleh mereka. Bagi soalan yang terakhir memperlihatkan bahawa pelajar sukar untuk membentuk ayat gramatis sekiranya guru memberikan soalan kepada pelajar. untuk gaya bahasa hiperbola dan personifikasi yang terdapat dalam teks Naratif Ogonshoto yang diberikan oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



4.2.6 Analisis Item Sintaksis atau Morfologi

Jadual 4.6 menunjukan analisis deskritif skor min dan sisihan piawaian bagi item nilai rasa selamat. Kenyataan "Pelajar dapat menambah kosa kata dalam pengajaran sastera" mencatat nilai min tertinggi bagi nilai kepuasan diri dengan bacaan (m=3.88, sisihan piawaian=1.97). Manakala kenyataan "Pelajar mempelajari mengolah ayat gramatis" pula mencatat min terendah iaitu dengan bacaan min (m=3.19, sisihan piawaian=1.71). Kenyataan "Penggunaan bahasa sastera dalam pengajran binaan ayat Bahasa Melayu dapat meningkatkan kefahaman pelajar" dan kenyataan "Pelajar dapat membina ayat gramatis dalam ayat" masing-masing mencatat nilai min (m=3.33, sisihan piawaian=1.90). Seterusnya kenyataan "Saya percaya dengan pembelian produk pencerahan di internet" mencatat nilai min (m=3.57, sisihan piawaian=2.01) manakala kenyataan "Dalam mata pelajaran Kesusateraan Melayu mempunyai penggunaan pola ayat bahasa Melayu." mencatat nilai min (m=3.20, sisihan piawaian=1.77).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Analisis Item Sintaksis atau Morfologi

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1) Penggunaan bahasa sastera dalam pengajaran binaan ayat Bahasa Melayu dapat meningkatkan kefahaman pelajar	3.33	1.90
2) Pelajar memahami dan membina ayat-ayat dengan aspek sastera.	3.57	2.01
3) Pelajar dapat membina ayat gramatis dalam ayat.	3.33	1.90
4) Pelajar mempelajari mengolah ayat gramatis.	3.19	1.71
5) Pelajar dapat menambah kosa kata dalam pengajaran sastera.	3.88	1.97
6) Dalam mata pelajaran Kesusateraan Melayu mempunyai penggunaan pola ayat bahasa Melayu.	3.20	1.77

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 iaitu Analisis Item Sintaksis atau Morfologi yang mempunyai 6 soalan. Soalan yang pertama berkaitan dengan penggunaan bahasa sastera dalam pengajaran binaan ayat Bahasa Melayu. Menurut Knapton dan Evans (1967) yang telah menekankan bahawa pendedahan kepada pelbagai jenis bahan sastera dapat meluaskan perbendaharaan kata pelajar, membaiki kelemahan bertutur dan penulisan pelajar. Bahasa adalah medium untuk kesusasteraan. Bahasa bukan monopoli kesusasteraan tetapi bahasa juga digunakan di dalam lain-lain berhubungan. Sastera pula hasil ciptaan yang menggunakan bahasa yang lebih bersifat konotatif, yang mempunyai organisasi dengan unsur-unsur yang berkaitan antara satu sama lain (Ariff Mohamad,2009:4). Penggunaan bahasa sastera dalam pengajaran binaan ayat Bahasa Melayu dapat meningkatkan dan mengukuhkan keterampilan berbahasa dan juga menghayati keindahan bahasa dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karya dan menggunakan dalam penulisan. Hal ini demikian kerana, dalam teks Saudagar Besar dari Kuala Lumpur mempunyai penggunaan Bahasa Melayu yang perlu difahami oleh pelajar contohnya ayat pasif dan ayat aktif yang terdapat dalam Bahasa Melayu digunakan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur

Bagi analisis Sintaksis dan Morfologi yang kedua ialah pelajar memahami dan membina ayat-ayat dengan aspek sastera. Bagi Sintaksis yang merupakan pembentukan sebuah ayat, ia memerlukan kata. Seterusnya kata itu dirangkai dengan kata yang lain menjadi frasa, lalu frasa digabungkan dengan frasa lain menjadi klausa atau ayat. Oleh sebab itu, ayat dibentuk bermula daripada penyusunan perkataan-perkataan untuk membentuk frasa, klausa dan ayat. Bahagian atau cabang dalam linguistik yang mengkaji pembentukan ayat inilah yang dikenal sebagai sintaksis. Morfologi merupakan satu bidang linguistik yang mengkaji struktur, bentuk dan pergolongan kata. Kajian terhadap asas-asas pembentukan suatu kata dengan mengenalpasti susunan unit-unit kata secara struktur, bagaimana unit-unit kata bercantum hingga wujudnya struktur kata yang diucapkan merupakan elemen penting dalam apa jua kajian bahasa.

Pelajar memahami dan membina ayat-ayat dengan aspek sastera berdasarkan sintaksis dan morfologi apabila mengolah jawapan untuk menjawab soalan yang telah diberikan guru. Pelajar perlu mengenalpasti frasa ayat dan juga pengolongan kata yang digunakan oleh pelajar itu sendiri malah pelajar dapat menghasilkan ayat berdasarkan sintaksis dan morfologi. Pengolahan ayat pelajar tersebut seharusnya melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembentukan ayat dalam satu binaan ayat. Dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur guru memberikan soalan iaitu novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas mengetengahkan peranan golongan peniaga dan korporat dalam mobiliti masyarakatnya. Pelajar dikehendaki mengenalpasti jawapan yang sesuai untuk menerangkan berkaitan dengan mobiliti masyarakat dalam novel tersebut. Pelajar membina ayat dengan menggunakan sintaksis dan morfologi bagi memahami dan membina ayat dengan aspek sastera.

Sintaksis	Morfologi
Encik Muhammad (Subjek) menjalankan temuduga untuk memilih pekerja baru. (Predikat)	Encik Muhammad **menjalankan** temuduga untuk memilih pekerja baru. (apitan kata kerja men-..-kan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan yang ketiga pula memperlihatkan sama ada pelajar dapat membina ayat gramatis dalam ayat semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana, ayat yang gramatis banyak terdapat dalam teks Kesusasteraan Melayu dan pelajar perlu menghuraikan soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang gramatis. Hal ini demikian supaya bahasa pelajar dapat diperbaiki dan pelajar dapat mempelajari cara untuk menggunakan bahasa untuk mengolah ayat gramatis dalam Kesusasteraan Melayu. Masih terdapat segelintir pelajar yang masih tidak dapat menghasilkan ayat gramatis apabila menghuraikan isi berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru. Contohnya, berdasarkan novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur, nilaikan kepimpinan En.Muhammad sebagai wakil rakyat dalam konteks pembangunan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepimpinan dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur juga dilihat dari sudut kepimpinan dalam keluarga. Encik Muhammad selaku pemimpin keluarga juga mampu mempengaruhi ahli keluarganya. Walaupun pada awalnya rancangan Encik Muhammad mendapat tentangan daripada Rahim, namun akhirnya Rahim telah menerima cadangan ayahnya. Rahim telah bersetuju untuk bekerja dengan syarikat perlombongan ayahnya setelah perbincangan dilakukan. Keupayaan Encik Muhammad memimpin keluarganya adalah bukti bahawa proses untuk mempengaruhi orang lain ini memerlukan banyak perbincangan dan mendengar pendapat orang lain.

Bagi soalan yang keempat untuk mengetahui sama ada pelajar dapat mengolah ayat gramatis mereka sendiri apabila menjawab soalan yang diberikan oleh guru. Pengolahan ayat gramatis bukan mudah untuk pelajar kerana bagi pelajar mengolah ayat gramatis merupakan sesuatu yang bosan dan sukar. Hal ini demikian kerana, untuk melatih pelajar supaya tidak menjawab soalan yang diberikan oleh guru hanya berpandukan teks tanpa menggunakan ayat sendiri. Golongan mentalis telah menekankan bahawa terdapat hubungan yang erat di antara bahasa dengan pemikiran. Sekiranya pelajar menggunakan bahasa, pelajar harus menggunakan fikirannya untuk membentuk ayat-ayat yang gramatis. Pelajar perlu digalakkan bertindak balas dengan teks novel secara lansung untuk mengolah ayat gramatis.

Bagi soalan yang kelima pula, mempelihatkan sama ada pelajar dapat menambah kosa kata dalam pengajaran sastera. Kosa kata ialah pengertian pelajar dalam sesuatu sebutan kosa kata yang terdapat dalam teks. Kosa kata ini merupakan perbendaharaan kata yang dicapai melalui dua cara iaitu melalui pengembangan perbendaharaan dengan menambahkan istilah-istilah baru dan juga melalui penukaran bentuk dan corak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbendaharaan kata iaitu dengan memberikan pengertian yang khusus untuk bidang-bidang tertentu (Nik Safiah Karim, 1968:7). Kosa kata untuk Bahasa Melayu adalah banyak dan lebih khusus sifatnya kerana bukan semua istilah tersebut perlu diketahui oleh pelajar. Dalam Kesusasteraan Melayu juga mempunyai kosa kata yang perlu diketahui oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran mereka dalam kelas bersama guru. Kosa kata juga merupakan satu kata yang membolehkan seseorang berkomunikasi dengan lancar dan baik (Abdullah Yusof et.al, 2009: 74)

Latihan kepada pelajar ialah pelajar akan membaca sinopsis yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan kemudian pelajar akan menulis semula sinopsis tersebut berdasarkan pembacaan pelajar. Dengan cara tersebut, guru boleh melihat kosa kata pelajar dan memperbaiki kosa kata pelajar yang salah dengan betul. Hal ini supaya pelajar dapat mengesan kesilapan mereka dari segi bahasa dan juga kosa kata pelajar itu sendiri. Teori mentalis telah menerangkan bahawa proses penguasaan bahasa bergantung kepada kematangan pelajar itu samada dapat menambah kosa kata dalam sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab 1: Kolonial

Presiden Ogonshoto asalnya hanya seorang anak luar nikah yang berasal dari Malagana. Ibunya orang tempatan Malagana, sementelahan "bapa-bapanya" tidak dapat dikenalpasti. Malagana merupakan sebuah tempat di Gora-Gora, salah satu daripada enam buah pulau yang membentuk Republik Ogonshoto. Ketika kecil beliau sering memerhatikan kapal-kapal asing yang berlabuh di Tanjung Takaeta. Perkara ini telah menimbulkan keinginan dalam diri beliau untuk pergi ke luar negara. Lantas, pada suatu petang beliau telah menyelinap masuk ke dalam sebuah kapal dari Eropah. Beliau ditangkap pada hari kesepuluh pelayaran. Nakhoda kapal tersebut telah menitipkan beliau di rumah seorang pesara kelasi. Namun demikian, nakhoda membiayai sepenuhnya pengajian beliau sehingga ke peringkat universiti. Sebaik tamat pengajian, anak Malagana itu mengambil keputusan untuk belayar selama empat belas hari dengan tujuan untuk berlibur sebelum memasuki alam pekerjaan di Eropah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan yang terakhir pula untuk memberi pengetahuan kepada pelajar sama ada dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mempunyai penggunaan pola ayat. Ayat merupakan satu bentuk bahasa yang mengandungi sejumlah perkataan yang tersusun dalam dua bahagian iaitu subjek dan predikat. Ayat juga terdiri daripada dua golongan iaitu ayat dasar dan ayat terbitan. Ayat dasar boleh terdiri daripada satu subjek dan juga satu predikat. Subjek boleh terdiri daripada frasa nama sahaja manakalah predikat boleh terdiri daripada frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama. Dalam pola ayat terdapat empat jenis pola ayat iaitu frasa nama+ frasa nama, frasa nama+frasa kerja, frasa nama+ frasa adjektif dan frasa nama+ frasa sendi nama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam teks Kesusasteraan Melayu mempunyai banyak pola ayat yang boleh dikenal pasti oleh pelajar. Contohnya, pelajar menganalisis pola ayat yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto dengan menyenaraikan pola ayat tersebut sekaligus dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam Bahasa Melayu dan juga Kesusasteraan Melayu. Berdasarkan Bahasa Melayu, pola ayat terdapat 4 jenis :

Subjek	Predikat
Frasa nama (FN) Petang itu	**Frasa nama (FN)** mereka berarak ke Tubua. (m/s 50)
Frasa nama (FN) Dia	**Frasa kerja (FK)** menanti saat-saat badannya mengecil (m/s 11)
Frasa nama (FN) Aku	**Frasa adjektif (FA)** gembira menatap makalahku dalam akhbar (m/s 119)
Frasa nama (FN) Kita	**Frasa sendi nama (FSN)** di Ogonshoto sudah melupakan adat turun-temurun.(m/s 47)

4.2.7 Analisis Item Kesalahan Ambil Kira

Jadual 4.7 menunjukan analisis deskritif skor min dan sisihan piawaian bagi item nilai kepunyaan. Kenyataan “Pelajar menunjukan kebolehan mereka kepada guru” mencatat nilai min tertinggi bagi nilai kepuasan diri dengan bacaan (m=4.05, sisihan piawaian=2.01). Manakala kenyataan “Guru membantu pelajar yang lemah dalam mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran kesusateraan melayu" pula mencatat min terendah iaitu dengan bacaan min (m=3.68, sisihan piawaian=1.85). Kenyataan "Guru menyedari kelemahan pelajar" mencatat nilai min (m=3.84, sisihan piawaian=2.14) dan dikuti dengan kenyataan "Pelajar boleh mengulang kembali apa yang disampaikan oleh guru secara tepat" dengan nilai min (m=3.85, sisihan piawaian=2.07). Bagi kenyataan "Pelajar memperbaiki kelemahan mereka yang telah diperbetulkan oleh guru" mencatat nilai min (m=3.90, sisihan piawaian=2.11) dan kenyatan "Guru membetukan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar" mencatat nilai min (m=3.95, sisihan piawaian=2.07).

Jadual 4.7

Analisis Item Kesalahan Ambil Kira

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1) Pelajar boleh mengulang kembali apa yang disampaikan oleh guru secara tepat	3.85	2.07
2) Guru menyedari kelemahan pelajar	3.84	2.14
3) Guru membantu pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Kesusateraan Melayu.	3.68	1.85
4) Pelajar menunjukan kebolehan mereka kepada guru	4.05	2.01
5) Guru membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.	3.95	2.07
6) Pelajar memperbaiki kelemahan mereka yang telah diperbetulkan oleh guru.	3.90	2.11

Jadual yang seterusnya iaitu jadual 4.7 Analisis Item Kesalahan Ambil Kira, dalam soalan pertama untuk mengetahui sama ada pelajar boleh mengulang semula apa yang disampaikan oleh guru dengan tepat terutamanya di dalam kelas semasa pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana, dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu untuk memberi kefahaman kepada pelajar, pelajar perlu mengulang kembali apa yang disampaikan oleh guru. Dengan mengulang semula apa yang disampaikan oleh guru, pengajaran guru dapat menguasai kemahiran-kemahiran tertentu dari segi bahasa dengan mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang oleh guru semasa dalam kelas (Mok Soon Sang, 1998 : 168). Mengulang semula apa yang disampaikan oleh guru juga dapat mengurangkan masalah-masalah pelajar untuk belajar Kesusasteraan Melayu dan juga mengembang daya ingatan pelajar terhadap pelajaran ke peringkat yang memuaskan. Untuk membantu pelajar dalam menghadapi masalah untuk mengulang semula apa yang diajar oleh guru, cara mengatasinya ialah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya bahasa pelajar dapat diperbaiki apabila mengulang apa yang diajar oleh guru.

Dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu pelajar perlu mempunyai kemahiran untuk mengulang atau menyebut semula peristiwa berdasarkan novel yang dipelajari oleh mereka. Dengan mengulang apa yang dipelajari, memudahkan pelajar untuk mengingati apa yang dipelajari oleh mereka malah dapat membantu kemahiran berbahasa pelajar itu sendiri yang terdapat dalam Teori Mentalis Pemerolehan Bahasa. Contoh soalan yang diberikan oleh guru ialah bincangkan nilai nasionalisme yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas. Pelajar perlu mengenalpasti dahulu maksud keperibadian dan kemudian mengenalpasti peristiwa yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur yang berkaitan dengan keperibadian Lebai Maaruf. Guru akan memberi fakta yang berkaitan dengan keperibadian dan pelajar perlu mengingati fakta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diberikan oleh guru kemudian menghuraikannya dihadapan guru dan pelajar yang lain. Golongan mentalis berpandangan bahawa pengajaran bahasa haruslah untuk mencungkil, menggalakkan dan memperkembangan kreativiti pelajar dalam penggunaan bahasa supaya pelajar lebih cekap

Lebai Maaruf juga merupakan seorang yang berwawasan ataupun seorang yang berpandangan jauh. Lebai Maaruf telah mengemukakan idea untuk mewakafkan tanah bagi tujuan keagamaan yang lebih bermanfaat. Lebai Maaruf telah memberi cadangan kepada En Muhammad untuk mewakafkan tanahnya kepada syarikat Lombong Lembah Tualang bagi tujuan keagamaan untuk membina surau, sekolah, kompleks pejabat dan sebagainya. Jika sekiranya beliau tidak berbuat demikian pasti tanah pusakanya turut akan dijadikan lombong dan manfaat untuk agama tidak ada. Kesanggupan untuk mewakafkan tanah merupakan satu amalan yang menunjukkan ketinggian akhlak yang patut dicontohi oleh golongan muda hari ini.

Soalan yang kedua pula mempelihatkan sama ada guru menyedari kelemahan pelajar dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu dan juga dalam sebutan. Hal ini demikian kerana, menyedari kelemahan pelajar dalam Kesusasteraan Melayu amat penting supaya guru dapat membantu pelajar dalam memahami pengajaran guru. Kelemahan pelajar seperti tingkah laku dan juga kefahaman pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran guru perlu dinilai oleh guru. Guru seharusnya peka terhadap isyarat-isyarat ini dan mengambil tindakan yang bersesuaian sekiranya menyedari kelemahan pelajar apabila belajar Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana, dalam kelas terdapat pelbagai latar belakang pelajar dan guru perlu menyedari kelemahan pelajar supaya pelajar yang lemah itu dapat dibantu supaya kelemahan pelajar tersebut dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperbaiki. Teori Mentalis menerangkan bahawa guru digalakkan menyedari kelemahan pelajar dan mengalakkan pelajar untuk membaiki kesilapan yang dilakukan oleh pelajar.

Contohnya, guru memberi soalan berkaitan dengan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan dan guru meminta pelajar menyenarai nilai dan pengajaran yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto. Setelah selesai menyenaraikan nilai dan pengajaran, pelajar akan dikehendaki menulis nilai dan pengajaran tersebut pada papan tulis. Melalui pengajaran tersebut, guru dapat menyedari kelemahan pelajar kerana masih terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan nilai dan pengajaran. Kesilapan tersebut boleh dibantu oleh guru dan pelajar akan mengetahui kelemahan masing-masing. Contoh nilai dan pengajaran yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto ialah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai	**Pengajaran**
1. Keberanian. Nilai keberanian ini dapat dilihat melalui perwatakan Tuan Kawai. *Akan tetapi Tuan Kawai tidak pernah serik untuk berulang-alik ke Ogonshoto, kerana perairannya lubuk ikan luar biasa banyak di Pasifik. (m/s 5)* 2. Ketabahan. Contoh peristiwa yang menunjukkan nilai ketabahan ialah : *Kusedari kini, aku telah keluar dari bilik pembedahan. Sudah bebas daripada kekuasan bius. Dan aku telah keluar dari*	1. Janganlah lupa asal usul kita. Dalam novel ini, turut memaparkan pengajaran bahawa kita tidak seharusnya melupakan asal kita. Contohnya, *Dan yang lebih mengharukan, dia memeluk kaki ibunya di pantai, sebaik-baik sahaja mendarat, disaksikan ribuan orang. Dia tidak berasa malu mempunyai ibu setua dan sehodoh itu. (m/s 99)* 2. Hendaklah saling bekerjasama. Sikap bekerjasama akan membolehkan sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


rumah orang-orang tua di Daerah Kita. (m/s 173)	kerja dilaksanakan dengan mudah. Contohnya , *Siang malam para pengikutnys berusaha menyiapkan bahtera itu. Dia sendiri hanya melelapkan mata kira-kira empat jam setiap malam. (m/s 155)*

Bagi soalan yang ketiga pula mempelihatkan sama ada guru membantu pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Pelajar pada keseluruhannya mempunyai daya intelek dan kecerdasan yang rendah serta kurang berkebolehan kerana masih terdapat ramai pelajar yang menghadapi masalah dan juga lemah dalam aktiviti pembelajaran mereka terutamanya untuk Kesusasteraan Melayu. Seperti yang diketahui, pelajar di dalam sesebuah kelas mempunyai pelbagai latar belakang antaranya berbeza dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi, pengalaman dan minat. Oleh hal yang demikian, kadar keupayaan pelajar belajar juga berbeza dan perbezaan-perbezaan inni sememangnya tidak dapat diberi perhatian sepenuhnya oleh guru. (Mok Soon Sang, 1998:167). Kelemahan pelajar itu akan menyebabkan pelajar mempunyai masalah untuk mempelajari Kesusasteraan Melayu dan kebahasan pelajar juga turut menghadapi kesukaran. Hal ini demikian kerana, tidak ramai pelajar yang memahami kehendak soalan yang diberikan oleh guru bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Bagi membantu pelajar yang lemah, guru perlu memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan memberikan berbagai contoh yang melibatkan unsur-unsur yang dipelajari dan juga melakukan beberapa aktiviti untuk pelajar yang lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara aktiviti yang sesuai untuk pelajar yang lemah ialah aktiviti Lihat-Fikir – Komen. Aktiviti ini merupakan aktiviti berkumpulan, dalam kumpulan tersebut akan mempunyai pelbagai latar belakang ahli seperti ahli yang kurang lemah dan ahli yang pandai. Hasil kerja berkumpulan akan dipaparkan di dalam kelas. Setiap kumpulan akan bergerak untuk menilai hasil kerja kumpulan masing-masing dan maklum balas tentang hasil kumpulan lain dicatat pada nota tampal atau " *Sticky note*". Berdasarkan isyarat guru, pelajar akan kembali kepada hasil kerja masing-masing untuk meneliti dan mempertimbangkan komen yang telah diberikan oleh pelajar lain. Berdasarkan komen yang diberikan oleh rakan mereka, pelajar boleh menambahbaik hasil kerja mereka. Dengan menjalankan aktiviti tersebut, pelajar yang lemah akan dibantu oleh pelajar yang lain. Ciri penting dalam teori mentalis antaranya ialah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, aspek pemikiran, pengetahuan dan makna amat ditekankan.



Rajah 4.11. Aktiviti Lihat-Fikir- Komen

Contohnya pelajar tingkatan 6 lemah pada bahagian Pembangunan Masyarakat, guru perlu memberi soalan dan kemudian menerangkan kepada pelajar apa yang perlu dikenalpasti oleh pelajar dalam soalan tersebut untuk memudahkan pelajar memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehendak soalan. Contoh soalan bincangkan kepentingan alam sekitar dalam konteks pembangunan masyarakat. Pelajar perlu mengenalpasti kepentingan alam sekitar yang terdapat dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas. Berdasarkan soalan tersebut pelajar boleh berbincang dalam kumpulan dan kemudian menjalankan aktiviti Lihat-Fikir-Komen.

Kepentingan alam sekitar dalam konteks pembangunan masyarakat ialah dapat menjana ekonomi. Encik Muhammad menunjukkan dia seorang yang mencintai alam sekitar, buktinya dia mencadangkan agar keindahan alam di Jeram Medang dibangunkan bagi dimanfaatkan oleh masyarakat. Beliau mencadangkan agar Jeram Medang dibangunkan menjadi tempat bercuti antara cadangannya ialah hutan disekitarnya boleh dijadikan tempat buruan untuk menjerat pelanduk serta didirikan motel untuk menarik pelancong bagi menjana pendapatan. Jika alam sekitar tidak dibangunkan ia akan terbiar dan tidak dapat dimanfaatkan dalam menjana sumber ekonomi. Alam sekitar dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi membangunkan ekonomi masyarakat setempat.

Soalan keempat pula memperjelaskan sama ada pelajar menunjukkan kebolehan mereka kepada guru dalam kelas. Pelajar mempunyai pelbagai kebolehan yang boleh ditunjukkan kepada guru maka guru perlu menyedari kebolehan setiap pelajar dalam kelas semasa mengajar. Setiap kebolehan pelajar itu dapat membantu pengajaran guru untuk mengajar Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana, guru perlu mengdiagnosis kebolehan pelajar. Hal ini bermakna kita perlu memberi perhatian kepada pelajar di dalam kelas untuk mengetahui kebolehan pelajar itu sendiri. Pelajar menunjukkan kebolehan mereka kepada guru supaya guru mengharapkan agar pelajar boleh melakukan tugasan selepas pengajaran daripada guru dan ini akan menyakinkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru bahawa mereka telah belajar (Rahil Mahyuddin, 2009:86). Berdasarkan kajian Seri Lanang Jaya (1996), pengajaran dan pembelajaran yang tidak mengambil kira kebolehan pelajar boleh menghasilkan kesan yang negatif kepada pelajar dan juga guru.

Untuk mengetahui kebolehan pelajar itu, guru akan memilih pelajar secara rawak untuk mengenalpasti watak utama dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan yang diberikan oleh guru semasa aktiviti sumbang saran. Aras soalan dan aktiviti yang diberikan oleh guru ini bersesuaian dengan kebolehan pelajar itu sendiri. Aktiviti sumbang saran adalah untuk menggalakkan para pelajar menggunakan imaginasi mereka secara kreatif. Sumbang saran dirancang supaya idea dapat dilahirkan secara bebas dan juga spontan oleh para pelajar. Dalam aktiviti sumbang saran, sebarang idea akan diterima, memerlukan idea sebanyak yang mungkin dan idea-idea dinyatakan secara spontan (Rashidi Azizan,1995:19) . Dengan aktiviti tersebut kebolehan pelajar akan dapat dikesan oleh guru. Berdasarkan Teori Mentalis, dengan menunjukkan kebolehan pelajar kepada guru, guru dapat mengawal kadar kemajuan pembelajaran pelajar secara berperingkat.

PERWATAKAN

Nakhoda Bahtera

- Seorang yang bijak. Nakhoda Bahtera digambarkan seorang yang bijak menyelesaikan masalah dengan mengasingkan penumpang yang berjangkit. Contohnya,

  "Kamu bertiga," suara nakhoda, ditujukan kepada mereka bertiga berpenyakitan itu, "akan saya tempatkan di buritan geladak. Anak-anak kapal akan menjaga kamu. Semoga penyakit kalian akan sembuh. (m/s 161)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Seorang yang tegas Nakhoda juga digambarkan seorang yang tegas apabila anak lelaki nakhoda mensyaki sesuatu yang berlaku. Contohnya:

  " Saya perlu memilih beberapa orang untuk dipindahkan ke geladak. Ini adat Ogonshoto." Kali ini kata-kata bapanya sarat ketegasan. Dan tampaknya tidak seorang pun yang akan berani melawan permintaan seorang nakhoda. (m/s 157)

Seterusnya ialah soalan memperlihatkan sama ada guru membetulkan kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar. Semasa pengajaran dan pembelajaran, guru bertanggungjawab membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar terutamanya untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bersama pelajar. Guru mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam hal ehwal mengajar pelajar. Guru mengenali pelajarnya dan mahir dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang hendak diajar dalam kelas. Guru sentiasa memperbaharui dirinya dengan pengetahuan terkini supaya dapat membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. (Kamarudin Hj. Husin, 2004: 381). Kesilapan pelajar semasa menjawab latihan atau soalan yang diberikan oleh guru perlu diperbetulkan supaya pelajar dapat memperbaiki diri mereka dan dapat mengetahui cara menjawab soalan dengan betul. Dengan mengetahui kesilapan mereka semasa menjawab soalan yang diberikan oleh guru, pelajar dapat mempelajari dan kefahaman pelajar dapat ditingkatkan terutamanya dari bahasa pelajar itu sendiri semasa menulis. Teori Mentalis ini menekankan kepada pengetahuan seseorang pelajar dan kesalahan pelajar bukanlah merupakan kegagalan mereka tetapi ia adalah satu percubaan hipotesis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi pelajar tingkatan 6, guru memberikan soalan dalam aktiviti iaitu aktiviti Saya-Kongsi-Sepakat. Aktiviti Saya-Kongsi-Sepakat merupakan aktiviti dalam kumpulan, guru akan menyediakan sehelai tikar-kombo *(Combo-Mat)* yang diletakkan pada setiap meja. Pelajar akan memberikan respon, merekodkan idea masing-masing pada bahagian 'mine' di Tikar-Kombo tersebut. Apabila isyarat diberikan, pelajar akan mengambil giliran untuk berkongsi idea yang telah direkod pada Tikar-Kombo tersebut. Sekiranya sesuatu idea dipersetujui oleh setiap ahli kumpulan, maka idea itu akan dibulatkan. Apabila isyarat diberikan, pelajar akan membuat keputusan untuk memilih idea yang telah dibulatkan untuk dimasukkan ke dalam bahagian *'combine'*. Guru akan memilih pelajar untuk menerangkan idea mereka dihadapan pelajar lain.



Rajah 4.12. Aktiviti Saya-Kongsi-Sepakat

Melalui aktiviti ini pelajar perlu menjawab soalan Saudagar Besar dari Kuala Lumpur Nyatakan tiga bidang ekonomi dan huraikan setiap bidang tersebut yang dititikberatkan oleh kerajaan dalam memacu pembangunan negara pada hari ini. Pelajar perlu menampalkan jawapan mereka dan kemudian guru akan membetulkan jawapan yang kurang tepat. Dengan aktiviti ini, guru dapat membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar secara berkumpulan dan pelajar akan membuat pembetulan sekiranya jawapan yang diberikan oleh pelajar mempunyai kesilapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bidang ekonomi yang seterusnya ialah bidang perdagangan. Dalam Saudagar Besar dari Kuala Lumpur, Keris Mas telah memberi peranan penting kepada En. Muhammad iaitu seorang saudagar yang menguruskan sebuah anak syarikat milik saudagar Cina, Datuk Tan Chong Seng. Syarikat ini menguruskan import eksport lada hitam. Namun, kebijaksanaan daan sikap hemah En.Muhammad telah melawan arus sikap orang Melayu lama. Kebenaran ini diperlihatkan apabila Datuk Tan kagum kepada kebolehan dan keberanian En Muhammad dalam membuat satu rundingan perniagaan.berdasarkan contoh di atas, Keris Mas cuba membentuk personaliti watak Melayu yang dikehendaki oleh DEB. Dalam dasar kerajaan tersebut orang Melayu harus diberi peluang yang saksama membentuk kekayaan baru dalam proses pembangunan negara.

Soalan yang terakhir ialah pelajar memperbaiki kelemahan mereka yang telah diperbetulkan oleh guru. Pengetahuan yang pelajar bawa bersama ke dalam kelas adalah banyak dan pengalaman malah kebolehan pelajar ini jika digunakan sebaik mungkin akan dapat membantu pelajar yang lemah untuk memahami pelajaran baru sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula perlu diambil kira.(Rahil Mahyuddin, 2009:148-149). Sekiranya kelemahan pelajar diperbetulkan maka tahap pencapaian pelajar akan menjamin pembelajaran yang lebih bererti dan berkesan. Jumlah pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas menyebabkan terdapat pelbagai kelemahan yang ada pada diri pelajar tersebut. Latihan yang diberikan oleh guru kepada pelajar sekiranya mempunyai kesilapan akan diperbetulkan oleh guru bersama-sama pelajar maka pelajar perlu memperbaiki kelemahan mereka supaya apa yang dipelajari dapat difahami oleh pelajar. Setiap latihan yang diberikan oleh guru kepada pelajar perlu disemak dan pelajar perlu membuat pembetulan untuk memperbaiki kelemahan mereka dalam Kesusasteraan Melayu terutamanya kepada pelajar tingkatan 4 dan juga tingkatan 6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya guru telah memberi soalan kepada pelajar tingkatan 4 yang berkaitan dengan latar masyarakat yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto. Guru perlu memantau atau menyemak semula pembetulan yang pelajar lakukan untuk mengenalpasti sama ada pelajar membetulkan kesilapan yang pelajar lakukan. Setiap semakan yang dilakukan oleh guru akan membantu pelajar untuk membaiki kelemahan mereka kerana dalam kelas pasti ada pelajar yang lemah. Kesilapan-kesilapan bahasa yang umum dilakukan oleh pelajar perlulah diambil kira dalam penyusunan bahan pengajaran.

- Masyarakat yang menolak pembangunan. Terdapat segelintir masyarakat yang tidak mahu pembangunan yang terdapat dalam novel ini. Contohnya,


  “ Apa gunanya membangunkan hulu Tubua,” tuan rumah mula menerangkan. “ Lebih-lebih lagi untuk keperluan pelancong dan perjudian saja. Siapakah yang akan dating berjudi di hulu Tubua? (m/s 48)

- Masyarakat yang bekerjasama dalam menjayakan sesuatu upacara. Dalam novel ini terselit masyarakat yang saling bekerjasama untuk menjayakan sesuatu upacara bersama-sama. Contohnya :

  Tengah hari itu para tetangganya mula menolong mengatur kerusi meja. Setiap meja beralas kain putih, cukup dengan piring, pinggan, mangkuk sup, pisau dan garpu. Di dapur, ada yang membantu guru kidal itu membakar roti dan menyediakan sup serta salad. (m/s 129)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.13. Skema-Laku Ucap Teori Chomsky

Menurut Chomsky, setiap penutur dan pendengar mempunyai kemampuan dan prestasi. Kemampuan ini dapat diertikan sebagai salah satu sistem rumus-rumus yang mampu menghasilkan perkataan-perkataan yang tidak terbatas. Kemampuan itu adalah pengetahuan penutur-penutur mengenai bahasa mereka. Prestasi pula dapat diertikan sebagai bunyi-bunyi yang telah dilafazkan. Bunyi-bunyi ini bermakna dan dapat difahami oleh pendengar. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan dengan menggunakan Prinsip-prinsip Pembelajaran berdasarkan aktiviti-aktiviti yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, Skema Laku –Ucap Teori Chomsky ini sedikit sebanyak berkaitan kerana penutur itu ialah guru manakala pendengar merupakan pelajar. Segala yang disampaikan oleh penutur maka pendengar akan memahami dan mengulang apa yang dikatakan oleh penutur dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana menurut Chomsky, kemampuan sebegini yang telah menghasilkan prestasi, dan prestasi ini akan menghasilkan elemen-elemen seperti ayat-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ayat yang didengar oleh pendengar dari telinga ke dalam otak dan akan mengulangi pula proses yang sama apabila pendengar bertutur.

4.3 Analisis Inferensi

4.3.1 Analisis Ujian Korelasi Pearson

Melalui ujian korelasi pearson ini, terdapat 6 hipotesis yang di kaji berdasarkan kepada kesemua pembolehubah yang terlibat. Ujian ini dilakukan untuk mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kesemua pembolehubah yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.1 Hubungan Di Antara Aktiviti Mental Dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

HA Terdapat hubungan yang signifikan di antara aktiviti mental dan pemahaman teks kesusateraan melayu.

Ho Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara aktiviti mental dan pemahaman teks kesusateraan melayu.

Berdasarkan jadual 4.8 menunjukan hubungan diantara aktiviti mental dan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu yang dikaji dengan menggunakan Pekali Korelasi Pearson. Hasil dapatan menunjukan wujud hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah (r=.433, n=200, p=.000). Nilai pekali korelasi menunjukan hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sederhana tinggi antara item aktiviti mental dengan pemahaman teks kesusasteraan melayu. Hal ini menurut George & Mallery (2006) nilai pekali korelasi antara 0.30-0.49 adalah sederhana tinggi. Jesteru itu HA diterima.

Jadual 4.8 Hubungan Antara Aktiviti Mental dengan Pemahaman Teks Kesusateraan Melayu

Pemboleh Ubah	Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu			Tahap Hubungan
	R	Sig.	N	
Aktiviti Mental	.433**	.000	200	Sederhana Tinggi

Signifikan pada aras p<0.05

4.3.1.2 Hubungan Di antara Menegaskan Makna Dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HA Terdapat hubungan yang signifikan di antara item menegaskan Makna dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

HO Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara item menegaskan Makna dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

Berdasarkan jadual 4.8 menunjukan hubungan di antara item menegaskan makna dengan pemahaman teks kesusasteraan melayu yang di uji dengan menggunakan pekali korelasi Pearson. Hasil dapatan menunjukan wujud hubungan yang signifikan diantara kedua-dua pembolehubah (r=.187, n=200, p=.008). Nilai pekali korelasi menunjukan hubungan yang rendah antara item menegaskan makna dan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu namun masih mempunyai hubungan. Menurut Goerge & Mallery

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2001) nilai pekali korelasi antara 0.10-0.29 adalah rendah. Jesteru HA diterima.

Jadual 4.9 Hubungan Antara Item Menegaskan Makna dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

Pemboleh Ubah	Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu			Tahap Hubungan
	R	Sig.	N	
Menegaskan Makna	.187**	.008	200	Rendah

Signifikan pada aras p<0.05

4.3.1.3 Hubungan Di Antara Item Mencerna Idea Dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HA Terdapat Hubungan yang signifikan di antara item mencerna idea dan pemahaman teks kesusasteraan melayu

HO Tidak terdapat Hubungan yang signifikan di antara item mencerna idea dan pemahaman teks kesusasteraan melayu

Berdasarkan jadual 4.9 menunjukan hubungan di antara item mencerna idea dengan pemahaman teks kesusasteraan melayu yang dikaji dengan menggunakan Pekali Korelasi Pearson. Hasil dapatan menunjukan wujud hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah (r=.711, n=200, p=.000). Nilai pekali korelasi menunjukan hubungan yang tinggi antara item mencerna idea dan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu.Hal ini kerana menurut George & Mallery (2006) nilai pekali korelasi antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

0.71-0.90 adalah tinggi. Justeru H_A diterima.

Jadual 4.10 Hubungan Antara Item Mencerna Idea dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

Pemboleh Ubah	Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu			Tahap Hubungan
	R	Sig.	N	
Mencerna Idea	.711**	.000	200	Tinggi

Signifikan pada aras p<0.05

4.3.1.4 Hubungan Di Antara Item Struktur Dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

H_A Terdapat Hubungan yang signifikan di antara item struktur dan pemahaman teks kesusasteraan Melayu.

H_O Tidak terdapat Hubungan yang signifikan di antara item struktur dan pemahaman teks kesusasteraan Melayu.

Berdasarkan jadual 4.10 menunjukan hubungan di antara item struktur dengan pemahaman teks kesusateraan melayu yang dikaji dengan menggunakan Pekali Korelasi Pearson. Hasil dapatan menunjukan wujud hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah (r=.430, n=200, p=.000). Nilai pekali korelasi menunjukan hubungan sederhana tinggi antara item struktur dan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana menurut George & Mallery (2006) nilai pekali korelasi antara 0.30-0.49 adalah sederhana tinggi. Justeru H_A diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11 Hubungan Antara Item Struktur dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

Pemboleh Ubah	Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu			Tahap Hubungan
	R	Sig.	N	
Struktur	.430**	.000	200	Sederhana Tinggi

Signifikan pada aras p<0.05

4.3.1.5 Hubungan Di Antara Item Sintaksis Atau Morfologi Dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

H_A Terdapat hubungan yang signifikan di antara item sintaksis atau morfologi dan pemahaman teks kesusasteraan melayu.

H_O Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara item sintaksis atau morfologi dan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu.

Berdasarkan jadual 4.11 menunjukan hubungan diantara item sintaksis atau morfologi dengan pemahaman teks kesusasteraan melayu yang dikaji menggunakan Pekali Korelasi Pearson. Hasil dapatan kajian menunjukan wujud hubungan yang signifikan diantara kedua-dua pemboleh ubah (r=704, n=200, p=.000). Nilai pekali korelasi menunjukan hubungan yang tinggi antara item sintaksis atau morfologi dengan pemahaman teks kesusasteraan melayu. Hal ini kerana menurut George & Mallery (2006) nilai pekali korelasi antara 0.71-0.90 adalah tinggi. Justeru itu H_A diterima.

Jadual 4.12 Hubungan Antara Item Sintaksis atau Morfologi dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemboleh Ubah	Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu			Tahap Hubungan
Sintaksis atau	R	Sig.	N	
morfologi	.704**	.000	200	Tinggi

Signifikan pada aras p<0.05

4.3.1.6 Hubungan Di Antara Item Kesalahan Ambil Kira Dan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

H_A Terdapat hubungan yang signifikan di antara item kesalahan ambil kira dan pemahaman teks kesusasteraan melayu

H_O Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara item kesalahan ambil kira dan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu

Berdasarkan jadual 4.12 menunjukan hubungan di antara item kesalahan ambil kira dengan pemahaman teks kesusasteraan melayu yang dikaji menggunakan Pekali Korelasi Pearson. Hasil dapatan kajian menunjukan wujud hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pemboleh ubah (r=.330, n=200, p=.000). Nilai pekali korelasi menunjukan hubungan yang sederhana tinggi antara item sintaksis atau morfologi dengan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana menurut George & Mallery (2006) nilai pekali korelasi antara 0.30-0.49 adalah sederhana tinggi. Justeru itu H_A diterima.

Jadual 4.13 Hubungan Antara Item Kesalahan Ambil Kira dengan Pemahaman Teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Melayu.

Pemboleh Ubah	Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu			Tahap Hubungan
Kesalahan Ambil	R	Sig.	N	
Kira	.430**	.000	200	Sederhana Tinggi

Signifikan pada aras p<0.05

4.4 Analisis Ujian Regresi

4.4.1 Analisis Ujian Regresi Pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah analisis regresi pelbagai digunakan bagi mengukur pengaruh setiap nilai dalam pemboleh ubah tidak bersandar keperluan. Ujian regresi ini digunakan untuk mengenalpasti pengaruh setiap elemen dalam pemboleh ubah tidak bersandar (aktiviti mental, menegaskan makna, mencerna idea, struktur, sintakis atau morfologi, kesalahan ambil kira) terhadap pemboleh ubah bersandar (pemahaman teks Kesusateraan Melayu).

Jadual 4.14 menunjukkan item bagi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu item bahagian B (aktiviti mental, menegaskan makna dan mencerna idea, struktur, sintaksis atau morfologi, dan kesalahan ambil kira) ke dalam model regresi pelbagai menggunakan kaedah enter. Kaedah enter digunakan bagi melihat pengaruh dalam item pemboleh ubah tidak bersandar ke atas pemboleh ubah bersandar dan seterusnya mengenal pasti samaada item pemboleh ubah tidak bersandar mempengaruhi pemboleh ubah bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.14, tiada item dalam pemboleh ubah tidak bersandar yang dikeluarkan dari model regresi.

Jadual 4.14 Model Regresi (Variable *Entered*/*Removed*) Bagi Item Aktiviti Mental, Menegaskan Makna Dan Mencerna Idea, Struktur, Sintaksis Atau Morfologi, Dan Kesalahan Ambil Kira Terhadap Pemahaman Teks Kesusateraan Melayu Yang Menggunakan Teks Tingkatan 4 Iaitu Naratif Ogonshoto Dan Teks Tingkatan 6 Iaitu Sulalatus Salatin Dan Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur.

Model	Variable *enter*	Variable *removed*	Kaedah
1	Aktiviti Mental Menegaskan Makna Mencerna Idea Struktur Sintaksis atau Morfologi Kesalahan ambil kira		*Enter*

a. Pemboleh ubah bersandar pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu

b. Kesemua item pembolehubah tidak besandar dimasukan.

Jadual 4.14 menunjukkan analisis model regresi pelbagai bagi item pemboleh ubah tidak bersandar bahagian b (aktiviti mental, menegaskan makna, mencerna idea) terhadap pemboleh ubah bersandar (pemahaman teks Kesusasteraan Melayu). Nilai R2 sebanyak 0.725 menunjukkan 72.0 % varians dalam tingkah laku pengguna dijelaskan oleh pemboleh ubah tidak bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 Analisis Regrasi Pelbagai Item Bahagian B Terhadap Pemahaman Teks Kesusateraan Melayu

Model	R	R2	Adjusted R2
1	.851[a]	.725	.719

1. Predictors: (Pemboleh ubah tidak besandar)

Jadual 4.15 pula menunjukkan dapatan analisis regrasi bagi mengesahkan model regrasi awal. Hasil dapatan mendapati keseluruhan model regrasi adalah signifikan dengan pemahaman teks Kesusasteraan Melayu dengan F= 128.400 dan p(0.000) <0.05. Maka dengan ini HO ditolak dan Ha adalah diterima. Pemboleh ubah tidak besandar mempengaruhi pemahan teks Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16 Analisis Anova Item Bahagian B Terhadap Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu.

Model	Jumlah Kuasa dua	df	Min Kuasa dua	F	sig
1 Regrasi	3010.31	9	752.580	128.400	.000[b]
Ralat	1142.935	195	5.861		
Jumlah	4153.253	199			

a) Pemboleh ubah bersandar : Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu

b) Predictors: Pemboleh ubah tidak bersandar (tetap)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Cohen Kappa

Kajian telah dijalankan terhadap 5 orang guru atau penilai pakar dalam Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis. Pengiraan nilai persetujuan yang menggunakan analisis Indeks Cohen Kappa ini telah melibatkan 5 orang guru dan 6 tajuk untuk analisis dan juga 36 soalan.

Bagi memudahkan pengiraan, pengkaji telah menyenaraikan senarai semak untuk pakar mencari nilai persetujuan berdasarkan definisi operasi dan contoh unit (lihat contoh Jadual 3). Sebanyak 36 unit daripada 6 tema yang terdapat dalam Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis. Setelah kelima-lima pakar memberi nilai persetujuan, proses pengiraan telah dijalankan. Berikut merupakan proses pengiraan berdasarkan formula Cohen Kappa yang telah dinyatakan di atas.

Jadual 4.17

Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana Lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Sumber. Fraenkel, Walled And Hyun (2012). How To Design And Evaluate Research In Education.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Nilai Persetujuan antara Pakar Penilai

Tema/Unit	Penilai 1	Penilai 2	Penilai 3	Penilai 4	Penilai 5	Nilai Persetujuan Keseluruhan
Prinsip Pembelajaran Mentalis	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$	K= $\frac{fa-fc}{N-fc}$	K= $\frac{0.61+0.94+0.94+0.67+0.78}{5}$
	= $\frac{29-18}{36-18}$	= $\frac{35-18}{36-18}$	= $\frac{35-18}{36-18}$	= $\frac{30-18}{36-18}$	= $\frac{32-18}{36-18}$	= 0.788 = 0.79
	= 0.61	= 0.94	= 0.94	= 0.67	= 0.78	

Setelah dikira nilai persetujuan kelima-lima pakar, pengkaji telah memperoleh Indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.79 iaitu pada tahap skala baik berdasarkan skala persetujuan Cohen Kappa bagi Prinsip Pembelajaran Mentalis. Menurut Jutih dan McNary (1999) tiada satu nilai tertentu yang sesuai bagi menunjukkan bahawa tahap persetujuan antara pakar penilai. Manakala menurut Fleiss (1981) dan juga Gardner (1995) nilai yang melebihi 0.75 merupakan nilai terbaik di atas 50 peratus jangkaan persetujuan antara penilai. Sementara nilai koefisien antara 0.40 hingga 0.75 menunjukkan nilai sederhana di atas peratus jangkaan persetujuan.

Penilai pakar pertama telah memperolehi keputusan Cohen Kappa iaitu 0.61 yang menunjukkan skala persetujuan Cohen Kappa baik. Penilai pertama yang menyatakan bahawa Prinsip Pembelajaran Mentalis ini sesuai digunakan kepada pelajar tingkatan 4 dan pelajar tingkatan 6 supaya dapat meningkatkan kefahaman mereka dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Penilai pertama ini telah menyatakan bahawa Akviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mental, Mencerna Idea dan Kesalahan Ambil Kira sesuai dilaksanakan atau digunakan. Hal ini demikian kerana, menurut menurut Amir Awang (1986) mental seseorang dikatakan mempunyai keupayaan untuk menganalisis, membuat hipotesis serta dapat merumuskan peraturan-peraturan bahasa yang telah didedahkan kepada mereka. Bagi Mencerna Idea pula, Kamarudin Husin (2011) pelajar-pelajar perlu dibimbing untuk memberi kesedaran kepada pelajar bahawa pembelajaran dan aktiviti-aktiviti di sekolah sebahagian daripada kehidupan mereka supaya pelajar tidak terlalu pasif dan perlu aktif dalam kelas. Kesalahan Ambil Kira pula menurut pandangan Kamarudin Husin (2011) memberi perhatian kepada pelajar secara individu dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar supaya pelajar dapat menyelesaikan masalah dengan mudah.

Selain itu, penilai pakar yang kedua dan pakar penilai pakar ketiga mempunyai tahap skala persetujuan Cohen Kappa yang sama iaiu 0.94 yang menunjukkan tahap persetujuan ialah sangat baik maka penilai kedua ini menyatakan kesesuaian kajian ini kepada pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 6. Bagi penilai pakar kedua menyatakan Aktiviti Mental sesuai digunakan dalam Prinsip Pembelajaran Mentalis kerana proses pembelajaran merupakan proses mental kerana melibatkan pelajar untuk menggunakan pengetahuan yang sedia ada dalam otak pelajar untuk pelajar menganalisis data-data yang diperolehi mereka (Raminah Hj Sabran, 1987). Bagi penilai pakar kedua dan ketiga yang menyatakan bahawa Menegaskan Makna sesuai digunakan kepada pelajar. Bahasa ini mengandungi banyak rumus dan peraturan dan semuanya telah dikuasai secara serentak antaranya menguasai bunyi, perkataan, pengimbuhan dan makna dalam bahasa . (Kamarudin Husin, 2011). Bagi penilai ketiga yang menyatakan kesesuaian Mencerna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Idea dalam Prinsip Pembelajaran Mentalis kepada pelajar kerana guru memberi peluang kepada pelajar untuk belajar untuk menyelesaikan masalah dan pelajar akan membuat sendiri gerak laku untuk menunjukkan pencapaian mereka (Kamarudin Husin, 2011). Bagi penilai kedua dan ketiga yang telah memilih Struktur sesuai untuk pelajar kerana struktur ini bertujuan untuk memperkayakan kecekapan pelajar agar tahap prestasi pelajar dapat dipertingkatkan. (Raminah Hj Sabran, 1987). Sintaksis dan Morfologi dan juga Kesalahan Ambil Kira juga sesuai digunakan kepada pelajar yang telah mendapat penilaian daripada pakar kedua dan ketiga. Sintaksis dan Morfologi bertujuan memenuhi hakikat bahawa pembelajaran bahasa untk Sintaksis dan Morfologi merupakan satu proses mental yang memerlukan rumus sebagai panduan pelajar. Manakala Kesalahan Ambil Kira ialah kesilapan-kesilapan bahasa yang umum dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam satu-satu peringkat perlulah diambil kira pemilihan dan penyusunan pembelajaran supaya setiap kesalahan dapat diperbetulkan oleh guru semasa pembelajaran Kesusasteraan Melayu (Raminah Hj Sabran, 1987)

Selain itu, bagi penilai pakar yang keempat skala Cohen Kappa ialah 0.67 yang menunjukkan skala persetujuan yang baik untuk soalan soal selidik Prinsip Pembelajaran Mentalis. Penilai pakar ketiga ini menyatakan bahawa Menegaskan Makna dan Struktur sesuai untuk pelajar. Menegaskan Makna dan Struktur ini dapat memberi pengukuhan kepada struktur dan perbendaharaan kata yang digunakan oleh pelajar (Kamarudin Husin, 2011). Sekaligus pelajar dapat menguasai bahasa yang terdapat dalam Kesusasteraan Melayu dan pelajar dapat menyiapkan latihan yang diberi oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilai pakar yang kelima yang memperolehi tahap Cohen Kappa ialah 0.78 yang menunjukkan skala persetujuan ialah baik. Penilai ini menyatakan bahawa Mencerna Idea, Struktur dan Kesalahan Ambil Kira sesuai untuk para pelajar dalam Prinsip Pembelajaran Mentalis. Bagi soalan Mencerna Idea ialah pelajar akan dikehendaki untuk mengulangi makna bahasa yang dipelajari supaya dapat membantu menyegarkan ingatan pelajar lain sekaligus pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis. Bagi soalan Struktur pula pelajar digalakkan untuk menjawab soalan berdasarkan aspek-aspek bahasa (Kamarudin Husin, 2011). Manakala Kesalahan Ambil Kira pula guru perlu menggalakkan pelajar untuk bertanya soalan antara satu sama lain mahupun kepada guru itu sendiri supaya guru dapat membantu pelajar yang lemah. (Kamarudin Husin, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Ujian dijalankan untuk menguji hubungan dan pengaruh item pemboleh ubah yang tidak bersandar kepada pembolehubah bersandar. Kajian meliputi analisis deskriptif dan analisis inferensi. Bagi analisis deskriptif, data telah dipersembahkan dalam bentuk peratusan dan min. Manakala bagi analisis inferensi pula, ujian korelasi Pearson dijalankan untuk melihat hubungan dan ujian regrasi dibuat untuk melihat pengaruh. Persoalan kajian, hipotesis serta objektif kajian terjawab dengan ujian yang telah dijalankan. Analisis Cohen Kappa dapat membantu penulis mengenal pasti kebolehpercayaan data yang diperolehi daripada kajian. Dapatan keseluruhan hipotesis yang diuji, kesemua hipotesis telah diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan antara kesemua pemboleh ubah yang diuji. Selain itu item pembolehubah tidak bersandar didapati mempunyai pengaruh kepada pemboleh ubah bersandar kajian. Berdasarkan kepada dapatan kajian dalam bab ini, kupasan dan perbincangan ilmiah akan dilakukan pada bab seterusnya dengan lebih mendalam menerangkan mengapa dan apakah implikasi seterusnya untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dan membuat rumusan mengenai dapatan daripada analisis data yang dijalankan. Selain itu, beberapa cadangan diketengahkan bagi meningkatkan system pengajaran dan pembelajaran bahasa baik dari peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan juga pada peringkat sekolah menengah. Cadangan kajian lanjutan juga disarankan kepada pengkaji lain bagi memantapkan lagi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Perbincangan

Pengkaji mendapati hasil kajian menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat dan juga pelajar tingkatan enam atas untuk Kesusasteraan Melayu amat sesuai untuk menyerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Penggunaan Teori Mentalis Pemerolehan Bahasa dapat meningkatkan minat pelajar terhadap komponen sastera di samping membolehkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan berkesan.

Pengajaran Kesusasteraan Melayu dengan menggunakan Teori Mentalis Pemerolehan Bahasa dapat merangsang daya pemikiran pelajar ke arah yang lebih kreatif dan kritis dengan menilai, mengulas dan juga mengkritik karya sastera secara menyeluruh serta lebih berkesan. Oleh sebab itu, Kesusasteraan Melayu membolehkan pelajar menghayati dan menghargai hasil karya tokoh sastera tanah air. Menurut Vygotsky (1934:125) fikiran bukan sahaja dinyatakan melalui perkataan; tetapi wujud melaluinya. Pertalian antara fikiran dan perkataan adalah satu proses yang hidup; fikiran dilahirkan melalui perkataan. Berdasarkan Karmiloff-Smith (1986), terdapat dua perkara yang menyebabkan manusia menggunakan bahasa. Pertama untuk mengetahui sesuatu bahasa dan kedua manusia tahu cara mengeksploitasi otak sewaktu menggunakan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati bahawa sebelum guru dapat menentukan kemahiran bahasa yang perlu diajar, mereka perlulah terlebih dahulu mengetahui peringkat dan tahap pengetahuan bahasa yang telah diperoleh dan dikuasai oleh pelajar tersebut. Guru-guru bahasa juga harus peka bahawa proses pembelajaran bahasa itu ada yang berlaku secara semula jadi tanpa pengajaran daripada guru. Oleh hal yang demikian, guru bahasa terutamanya yang mengajar Kesusasteraan Melayu harus bersedia mengajar kecekapan bahasa pelajar dengan lebih berkesan. Guru bahasa yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk pelajar tingkatan empat dan tingkatan enam harus memastikan pelajar mereka telah menguasai sepenuhnya aktiviti pertama kali diajar, berupaya membantu pelajar mereka mengaktifkan aktiviti mental, membawa pelajar kepada perkara yang berkaitan dan juga mengaitkannya dengan pengajaran yang lalu. Membantu pelajar menyedari bagaimana beberapa bahagian berkaitan dengan kajian yang lain terhadap peraturan-peraturan yang menjadi dasar bagi perkara yang mereka sedang pelajari. Dalam kajian ini juga, guru perlu memberi peluang kepada pelajar untuk menguji kaji pelbagai jenis masalah yang berlainan bagi membantu mereka menyelesaikan masalah yang berlaku.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (1992:58) kanak-kanak mempunyai berbagai-bagai cara untuk menimbulkan hubungan sosial dengan menimbulkan hubungan sosial melalui bahasa dengan orang yang ada disekelilingnya. Kanak-kanak juga berfikir tentang hal-hal disebalik apa yang disaksikan, sebegitu juga apa yang terjadi kepada pelajar sekolah menengah iaitu pelajar tingkatan empat dan pelajar tingkatan enam. Mengikut teori Mentalis, pengajaran haruslah menekankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

latihan atau pengulangan yang banyak kerana penguasaan bahasa adalah satu proses mekanis yang tidak memerlukan daya mental (Kamarudin Husin et.al, 2011: 22)

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan bahawa setiap bidang ilmu itu mempunyai bahasa yang berbeza dan disebabkan perbezaan tersebut yang ketara dari segi perbendaharaan kata, istilah dan juga gaya penyampaiannya. Bagi menjadi penutur bahasa yang cekap dan juga mahir, maka seseorang itu mestilah mempunyai pengetahuan tentang bahasa dan seterusnya memilih dan juga menggunakan bahasa tersebut dalam konteks yang bersesuaian dengan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Implikasi Kajian

5.3.1 Pelajar Sekolah

Implikasi kajian ini terhadap pelajar sekolah ialah pelajar sekolah dapat memperbaiki diri mereka sendiri untuk menjadi lebih memahami pengajaran dan pembelajaran guru dalam kelas. Masalah bahasa pelajar akan dapat diperbaiki oleh guru supaya kefahaman bahasa pelajar akan lebih baik. Keupayaan dan juga kebolehan pelajar akan jadi lebih jelas jika dilihat dari segi pencapaian pelajar. Guru akan dapat melihat pelajar yang benar-benar baik dan juga pelajar yang lemah dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, secara perlahan pelajar akan terlibat aktif dalam proses pembelajaran dalam bilik darjah bersama guru. Hal ini termasuklah tindak balas pelajar terhadap soalan-soalan yang diberikan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran guru yang mengajar Kesusasteraan Melayu. Pelajar akan memainkan peranan dalam kelas dengan bersoal jawab antara satu sama lain dan guru hanya berperanan sebagai penyelia dan juga membimbing pelajar apabila pelajar berhadapan dengan masalah.

Implikasi kajian ini juga akan meningkatkan kebolehan kebahasan pelajar dan penguasaan sesuatu kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar. Setiap kemahiran bahasa pelajar akan dikuasai dengan cara yang perlahan dan ini membolehkan beberapa aspek bahasa itu dapat dikuasai secara sekali gus oleh pelajar. Pelajar yang lemah bahasanya juga akan dibantu, latihan-latihan yang lebih luas akan disediakan dan ini membolehkan pelajar mengetahui cara untuk menggunakan perkara yang dipelajari oleh mereka.

Tambahan lagi, implikasi kajian ini terhadap pelajar juga menerusi perkembangan bahasa golongan pelajar yang telah mencapai pada tahap yang baik. Pelajar telah dapat menguasai gaya bahasa, ayat gramatis dan pelbagai struktur ayat. Oleh sebab itu, tidak hairanlah penguasaan bahasa yang baik sering digunakan oleh pelajar kerana pelajar gemar menggunakan kata-kata yang indah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, implikasi kajian ini juga melahirkan pelajar yang berpandangan jauh dan mantap daya pemikirannya. Oleh sebab itu, sifat ilmu dan juga maklumat adalah berkembang, pemikiran pelajar juga tidak seharusnya statik dan jumud. Pelajar perlu menjana idea dan membuat kesimpulan terhadap sesuatu persoalan yang akan dikemukan oleh guru. Kreativiti pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau sesuatu persoalan dapat ditingkatkan dengan menggunakan prinsip-prinsip pembelajaran.

5.3.2 Guru-guru

Implikasi teori ini terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat diketengahkan ialah guru perlu menyusun isi kandungan pelajaran mengikut perkembangan mental pelajar dan yang paling relevan adalah daripada konkrit kepada abstrak dan daripada dekat kepada jauh . Seandainya guru ingin mengajar pelajar berkaitan dengan gaya bahasa, guru perlu memberi contoh yang dekat dengan pelajar dan contoh yang diketahui oleh pelajar. Pengajaran guru juga perlulah dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada murid supaya murid dapat membina pengetahuan baru dengan mengaitkannya dengan apa-apa yang telah dipelajarinya. Hal ini akan menambahkan lagi kefahaman murid dan pembelajaran lebih mudah diingat.

Selain itu, pelajar dapat menggunakan bahasa dengan lancar dan fasih apabila pelajar memahami semantik struktur bahasa tersebut. Aktiviti yang dijalankan oleh guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amat penting dalam memastikan murid mendapat kefahaman mengenai apa-apa yang diajarkan oleh guru. Guru dapat merangka dan melaksanakan strategi yang bersesuaian dalam pengajaran supaya pelajar mendapat kefahaman mengenai tajuk yang diberi oleh guru selain memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Sebagai contoh, sekiranya guru ingin mengajar pelajar mengenai watak dan perwatakan, guru boleh mengadakan simulasi atau lakonan yang berkaitan dengan sesuatu yang dapat dikaitkan dengan watak dan perwatakan.

Implikasi kajian ini terhadap guru juga membolehkan guru memainkan peranan dalam merangsang pemerolehan bahasa pelajar dengan berdasarkan prinsip-prinsip pembelajaran. Guru akan dapat mengenalpasti kaedah pengajaran yang paling berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam kelas untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Perubahan sikap daripada tidak mengendahkan kesilapan pelajar kepada sikap belajar daripada kesilapan pelajar akan membolehkan guru melihat masalah tatabahasa yang dihadapi oleh pelajar dapat diatasi oleh guru. Implikasi kajian ini juga akan melengkapkan guru dengan gambaran yang lebih jelas akan keperluan pelajar dan mempersembahkan bahan yang sesuai untuk tahap kebolehan pelajar yang berada dalam kelas.

Dengan menggunakan Cohen Kappa dalam kajian, pengkaji dapat mengetahui sama ada kajian ini sesuai ataupun tidak untuk pelajar. Hal ini demikian kerana, soal selidik ini telah diberikan kepada 5 orang penilai pakar yang berpengalaman dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Guru akan lebih prihatin dengan aktiviti bersama pelajar dan juga kebolehan pelajar dalam mempelajari Kesusasteraan Melayu.

5.4 Sumbangan

5.4.1 Pelajar

Pelajar akan mempunyai kefahaman yang berkaitan dengan bahasa yang terdapat dalam Kesusasteraan Melayu. Pelajar dapat mengembangkan system bahasa mereka apabila pembelajaran dijalankan bersama guru untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Minat pelajar untuk mempelajari Kesusasteraan Melayu akan meningkat dan menjadikan pelajar lebih mahir untuk mempelajari bahasa. Pelajar akan berusaha untuk memperkembangkan kemahiran ataupun pengetahuan mereka berdasarkan penerokaan dan penemuan hasil daripada aktiviti pembelajaran yang telah dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran.

